

ANALISIS PENGGUNAAN **WĀW 'AṬF** DALAM SURAH AL-**RŪM**

MUHAMMAD HAKIM BIN KAMAL

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2019

ANALISIS PENGGUNAAN *WĀW 'AṬF* DALAM SURAH *AL-RŪM*

MUHAMMAD HAKIM BIN KAMAL

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH SARJANA SASTERA (LINGUISTIK)**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Muhammad Hakim Bin Kamal**

No. Matrik: **TOA160030**

Nama Ijazah: **IJAZAH SARJANA SASTERA (LINGUISTIK)**

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis~~ (“Hasil Kerja ini”):

Analisis Penggunaan *Wāw ‘Aṭf* Dalam Surah *Al-Rūm*

Bidang Penyelidikan: **Sintaksis**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ANALISIS PENGGUNAAN *WĀW 'ATF* DALAM SURAH *AL-RŪM*

ABSTRAK

Wāw 'atf merupakan salah satu topik perbahasan dalam bidang sintaksis Arab. Perbahasan topik ini menumpukan kepada partikel *'atf*, klausa sebelum partikel yang dikenali sebagai *ma'tūf 'alayh* dan klausa selepasnya yang dikenali sebagai *ma'tūf*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm*. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa *wāw 'atf* yang mengandungi makna menghimpunkan semata-mata (الْجَمْعُ الْمَطْلُوقُ) berkemungkinan mengandungi salah satu daripada makna berikut iaitu turutan (التَّرْتِيبُ), turutan berlawanan (التَّرْتِيبُ الْعَكْسِيُّ) atau bersama (المُصَاحَبَةُ). Makna-makna ini dapat ditentukan sekiranya terdapat petanda (الْقَرِينَةُ) yang menunjukkan kepada makna-makna berkenaan dalam sesuatu ayat. Disertasi ini secara khususnya mengkaji petanda makna *wāw 'atf*, menghuraikan makna-makna yang terkandung di dalamnya serta merumus perkaitan elemen *'atf* iaitu antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam surah *al-Rūm*. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif yang bersifat deskriptif. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan teori makna *wāw 'atf* oleh Ibn Hisyām (2013) dan teori *wāw 'atf* oleh Ibn Qayyim (t.t). Dapatan kajian menunjukkan terdapat petanda masa, keadaan semula jadi, sebab, susunan, kemuliaan dan penemuan petanda makna *wāw 'atf* yang baharu iaitu petanda keutamaan. Perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu dalam surah *al-Rūm*. Kajian ini diharapkan dapat memberi impak khususnya kepada pembaca al-Quran agar dapat mengetahui kehalusan makna yang terkandung di sebalik penggunaan *wāw 'atf* sekaligus dapat memahami ayat dengan lebih menyeluruh dan terperinci.

Kata kunci: *wāw 'atf*, petanda dan makna, perkaitan elemen *'atf*, surah *al-Rūm*

ANALYSIS OF THE USE OF *WĀW* 'ATF IN SURAH *AL-RŪM*

ABSTRACT

Wāw 'atf is a topic of Arabic syntax. It focuses on the 'atf particle, the clause before the particle known as *ma* 'tūf 'alayh and its later clause known as *ma* 'tūf. This study aims to analyze the use of *wāw* 'atf in surah *al-Rūm*. The previous study suggests that *wāw* 'atf which contains the merely conveying meaning (الْحَمْعُ الْمُطْلَقُ) is likely to contain one of the following meanings which is the sequence (التَّرْتِيبُ), the reverse order (التَّرْتِيبُ الْعُكْسِيُّ) or together (المُصَاحَبَةُ). These meanings can be determined if there is a sign (الْقَرِينَةُ) indicating the meanings in a sentence. This dissertation specifically examines the significance of *wāw* 'atf, describes the meanings contained therein and formulated the relation of the 'atf element between *ma* 'tūf 'alayh and *ma* 'tūf in surah *al-Rūm*. The methodology of this study is descriptive qualitative. The data obtained are analyzed using the meaning of *wāw* 'atf theory by Ibn Hisyām (2013) and the *wāw* 'atf theory by Ibn Qayyim (t.t). The findings show that there is the sign of the time, the natural state, the cause, the order, the glory and discovery of the new sign of *wāw* 'atf meaning which is the sign of the priority. The relation between *ma* 'tūf 'alayh and *ma* 'tūf suggests the subtlety of certain meaning in surah *al-Rūm*. This study is expected to have an impact especially on the readers of the Quran in order to know the subtlety of the meaning contained in the use of *wāw* 'atf at the same time comprehending verses more thoroughly and comprehensively.

Keywords: *wāw* 'atf, sign and meaning, elemental affinity 'atf, surah *al-Rūm*

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji dan syukur bagi Allah S.W.T. Tuhan sekali alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. yang menjadi utusan terakhir yang membawa rahmat ke seluruh alam. Hanya kepada Allah S.W.T. kesyukuran dipanjatkan atas segala anugerah dan kekuatan yang telah diberikan kepada penulis untuk menyiapkan kajian disertasi ini.

Terlebih dahulu, penulis melahirkan rasa sukacita di atas kejayaan menyiapkan disertasi ini. Mungkin terdapat kekurangan dan kelemahan tertentu yang tidak dapat dikesan oleh penulis. Namun begitu, penulis telah berusaha sedaya upaya menyiapkannya walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Di sini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya di atas tunjuk ajar yang diberikan selama tempoh mengikuti kursus Sarjana Sastera (Linguistik) di fakulti ini. Ucapan terima kasih khususnya kepada Dr. Mohamad bin Hussin selaku penyelia tesis yang telah banyak membimbing dan memberikan panduan serta tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan disertasi ini.

Lebih daripada itu, ucapan terima kasih dan penghargaan yang tiada batasnya kepada ayahanda Kamal Bin Mohd. Ali dan bonda Samsiah Binti Adnan yang banyak memberikan sokongan dan inspirasi ketika menjalani pengajian dan penyiapan kajian ini. Terima kasih juga kepada kakanda-kakanda, Muhammad Hafiz, Juliana dan Muhammad Fuad yang telah banyak membantu sepanjang proses penulisan disertasi ini.

Akhir kata, semoga usaha yang kerdil ini mendapat keredaan Allah S.W.T. dan keberkataanNya serta dapat memberi faedah kepada semua.

Sekian. Wassalam.

Muhammad Hakim Bin Kamal

Lot. 2297, Jalan Raja Abdullah, Batu 20, 45800, Jeram, Selangor.

SENARAI KANDUNGAN

ANALISIS PENGGUNAAN *WĀW 'AṬF* DALAM SURAH *AL-RŪM*

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
ABSTRAK.....	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
PENGHARGAAN.....	v
SENARAI KANDUNGAN.....	vi
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI JADUAL.....	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xiii
SENARAI LAMPIRAN.....	xiv
PANDUAN TRANSLITERASI.....	xv
BAB 1: PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Penyataan Masalah.....	2
1.3 Objektif Kajian.....	7
1.4 Soalan Kajian.....	7
1.5 Batasan Kajian.....	7
1.6 Kepentingan Kajian.....	8

1.7	Sebab Pemilihan Surah	9
1.8	Definisi Operasional	10
1.9	Kesimpulan	11
BAB 2: SOROTAN LITERATUR.....		12
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Definisi ' <i>Atf</i>	12
2.3	Pembahagian ' <i>Atf</i>	13
2.3.1	' <i>Atf Bayān</i>	13
2.3.2	' <i>Atf Nasq</i>	14
2.3.3	Partikel-Partikel ' <i>Atf Nasq</i>	17
2.4	Analisis Kritis	27
2.5	Kesimpulan	28
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		30
3.1	Pendahuluan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Konsep Kajian.....	30
3.3.1	Makna <i>Wāw 'Atf</i>	32
3.3.2	Pengertian Petanda Makna <i>Wāw 'Atf</i>	36

3.3.3	Perkaitan Antara <i>Ma ‘tūf ‘alayh</i> Dengan <i>Ma ‘tūf</i>	49
3.4	Pengumpulan Data	51
3.5	Penganalisan Data	51
3.6	Kerangka Konseptual Kajian	52
3.7	Pengenalan Surah <i>Al-Rūm</i>	54
3.7.1	Sebab Penurunan Ayat surah <i>Al-Rūm</i>	55
3.7.2	Kepentingan Surah <i>Al-Rūm</i>	56
3.7.3	Isi Kandungan Surah <i>Al-Rūm</i>	57
3.8	Kesimpulan	58
BAB 4: DAPATAN KAJIAN		59
4.1	Pendahuluan.....	59
4.2	Mengenal pasti <i>Wāw ‘Atf</i> Dalam Surah <i>Al-Rūm</i>	59
4.3	Analisis Petanda Dan Makna <i>Wāw ‘Atf</i> Dalam Surah <i>Al-Rūm</i>	65
4.3.1	Petanda Masa (الرَّيْمَانُ)	66
4.3.2	Petanda Keadaan Semula Jadi (الطُّيْعُ).....	77
4.3.3	Petanda Sebab (السَّبَبُ).....	81
4.3.4	Petanda Susunan (الرُّتْبَةُ).....	93
4.3.5	Petanda Kemuliaan dan Kesempurnaan (الْفَضْلُ وَالْكَمَالُ).....	103
4.4	Rumusan Perkaitan Antara <i>Ma ‘tūf ‘alayh</i> Dengan <i>Ma ‘tūf</i> Dalam Surah <i>Al-Rūm</i> 117	

4.4.1	Ayat Dengan Makna Turutan.....	117
4.4.2	Ayat Dengan Makna Turutan Berlawan.....	161
4.4.3	Ayat Dengan Makna Bersama.....	172
4.5	Kesimpulan.....	175
BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN.....		177
5.1	Pendahuluan.....	177
5.2	Rumusan.....	177
5.2.1	Rumusan Penggunaan <i>Wāw ‘Atf</i> Dalam Surah <i>Al-Rūm</i>	177
5.2.2	Rumusan Petanda dan Makna <i>Wāw ‘Atf</i> Dalam Surah <i>Al-Rūm</i>	178
5.2.3	Rumusan Perkaitan Antara <i>Ma ‘tūf ‘Alayh</i> Dengan <i>Ma ‘tūf</i> Dalam Surah <i>Al-Rūm</i>	180
5.3	Cadangan.....	182
	Penutup.....	183
	BIBLIOGRAFI.....	184
	GLOSARI ISTILAH.....	197

SENARAI RAJAH

Bil.	No. Rajah	Tajuk	Halaman
1	3.1	Pendekatan makna <i>wāw</i> 'atf oleh Ibn Hisyām (2013)	31
2	3.2	Teori <i>wāw</i> 'atf oleh Ibn Qayyim (t.t)	31
3	3.3	Kerangka konseptual kajian berdasarkan pendekatan makna <i>wāw</i> 'atf oleh Ibn Hisyām (2013) dan teori <i>wāw</i> 'atf oleh Ibn Qayyim (t.t)	53

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Bil.	No. Jadual	Tajuk	Halaman
1	4.1	Ayat-ayat yang mengandungi satu <i>wāw</i> 'atf	60
2	4.2	Ayat-ayat yang mengandungi dua <i>wāw</i> 'atf	61
3	4.3	Ayat-ayat yang mengandungi tiga <i>wāw</i> 'atf	62
4	4.4	Elemen 'atf dalam ayat 4 surah <i>al-Rūm</i>	118
5	4.5	Elemen 'atf dalam ayat 8 surah <i>al-Rūm</i>	119
6	4.6	Elemen 'atf dalam ayat 9 surah <i>al-Rūm</i>	121
7	4.7	Elemen 'atf dalam ayat 10 surah <i>al-Rūm</i>	123
8	4.8	Elemen 'atf dalam ayat 15 surah <i>al-Rūm</i>	125
9	4.9	Elemen 'atf dalam ayat 17 surah <i>al-Rūm</i>	127
10	4.10	Elemen 'atf dalam ayat 18 surah <i>al-Rūm</i>	129
11	4.11	Elemen 'atf dalam ayat 19 surah <i>al-Rūm</i>	131
12	4.12	Elemen 'atf dalam ayat 21 surah <i>al-Rūm</i>	133
13	4.13	Elemen 'atf dalam ayat 22 surah <i>al-Rūm</i>	135
14	4.14	Elemen 'atf dalam ayat 23 surah <i>al-Rūm</i>	136
15	4.15	Elemen 'atf dalam ayat 24 surah <i>al-Rūm</i>	138
16	4.16	Elemen 'atf dalam ayat 29 surah <i>al-Rūm</i>	140
17	4.17	Elemen 'atf dalam ayat 32 surah <i>al-Rūm</i>	141
18	4.18	Elemen 'atf dalam ayat 38 surah <i>al-Rūm</i>	143
19	4.19	Elemen 'atf dalam ayat 39 surah <i>al-Rūm</i>	147
20	4.20	Elemen 'atf dalam ayat 40 surah <i>al-Rūm</i>	149
21	4.21	Elemen 'atf dalam ayat 41 surah <i>al-Rūm</i>	151

22	4.22	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 44 surah <i>al-Rūm</i>	153
23	4.23	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 46 surah <i>al-Rūm</i>	154
24	4.24	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 48 surah <i>al-Rūm</i>	157
25	4.25	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 54 surah <i>al-Rūm</i>	159
26	4.26	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 60 surah <i>al-Rūm</i>	160
27	4.27	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 16 surah <i>al-Rūm</i>	162
28	4.28	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 36 surah <i>al-Rūm</i>	163
29	4.29	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 52 surah <i>al-Rūm</i>	165
30	4.30	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 56 surah <i>al-Rūm</i>	166
31	4.31	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 5 surah <i>al-Rūm</i>	168
32	4.32	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 27 surah <i>al-Rūm</i>	169
33	4.33	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 50 surah <i>al-Rūm</i>	169
34	4.34	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 54 surah <i>al-Rūm</i>	170
35	4.35	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 37 surah <i>al-Rūm</i>	173
36	4.36	Elemen ' <i>atf</i> dalam ayat 57 surah <i>al-Rūm</i>	174

SENARAI SINGKATAN

a.s	<i>'Alayh al-salam/ 'alayha al-salam/ 'alayhima al-salam / 'alayhim al-salam</i>
ed.	Editor/ penyunting
et al.	Pengarang dan lain (melebihi tiga orang)
FBL	Fakulti Bahasa dan Linguistik
H	Hijrah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
No.	Nombor
r.a.	<i>RadiyalLah 'anh/ 'anha/ 'anhuma/ 'anhum</i>
S.A.W.	<i>SallalLah 'alayh wa sallam</i>
S.W.T.	<i>Subhanah wa ta'ala</i>
t.pt	Tanpa penerbit
t.t	Tanpa Tarikh
t.tp	Tanpa tempat
vol.	Volume/ jilid

SENARAI LAMPIRAN

Nama Lampiran	Halaman
LAMPIRAN A	197
(GLOSARI ISTILAH)	

University of Malaya

PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan pedoman transliterasi ejaan Arab ke Melayu yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, edisi tahun 1984.

a) Konsonan

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
ء	<i>hamzah</i>	'	سَأَلَ <i>sa'ala</i>
ب	<i>ba'</i>	<i>b</i>	بَدَأَ <i>bada'a</i>
ت	<i>ta'</i>	<i>t</i>	تَشْبِيهِ <i>tasybīh</i>
ث	<i>tha'</i>	<i>th</i>	تَمَثِيل <i>tamthīl</i>
ج	<i>jim'</i>	<i>j</i>	جَامِع <i>jāmi'</i>
ح	<i>ha'</i>	<i>ḥ</i>	حَال <i>ḥāl</i>
خ	<i>kha'</i>	<i>kh</i>	خَيْر <i>khayr</i>
د	<i>dal</i>	<i>d</i>	دِين <i>dīn</i>
ذ	<i>dhal</i>	<i>dh</i>	ذَيْل <i>dhayl</i>
ر	<i>ra'</i>	<i>r</i>	رِزْق <i>rizq</i>
ز	<i>zay</i>	<i>z</i>	زَيْتُون <i>zaytūn</i>
س	<i>sin</i>	<i>s</i>	سَجَدَ <i>sajada</i>

ش	<i>shin</i>	<i>sy</i>	شَبَّهَ <i>syabbaha</i>
ص	<i>sad</i>	<i>ṣ</i>	صَدْر <i>ṣadr</i>
ض	<i>dad</i>	<i>ḍ</i>	ضَيْف <i>ḍayf</i>
ط	<i>ta'</i>	<i>ṭ</i>	طَوِيل <i>tāwil</i>
ظ	<i>za'</i>	<i>ẓ</i>	ظَالِم <i>ẓālim</i>
ع	<i>'ayn</i>	<i>'</i>	عَذَاب <i>'adhāb</i>
غ	<i>ghayn</i>	<i>gh</i>	غَار <i>ghār</i>
ف	<i>fa'</i>	<i>f</i>	فِعْل <i>fi'l</i>
ق	<i>qaf</i>	<i>q</i>	قَرِيب <i>qarīb</i>
ك	<i>kaf</i>	<i>k</i>	كِنَايَة <i>kināyat</i>
ل	<i>lam</i>	<i>l</i>	لِبَاس <i>libās</i>
م	<i>mim</i>	<i>m</i>	مَجَاز <i>majāz</i>
ن	<i>nun</i>	<i>n</i>	نَبِي <i>nabiy</i>
هـ	<i>ha'</i>	<i>h</i>	هِدَايَة <i>hidāyat</i>
و	<i>waw</i>	<i>w</i>	وَجْه <i>wajjah</i>
ي	<i>ya'</i>	<i>y</i>	يَد <i>yadun</i>
ة	<i>ta' marbūṭat</i>	<i>ṭ</i>	مَعْرِفَة <i>ma'rifaṭ</i>

b) Vokal

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
اَ	Vokal Pendek	<i>a</i>	قَلَم <i>qalam</i>
اِ	“	<i>i</i>	كَلِمَة <i>kalimat</i>
اُ	“	<i>u</i>	فُرُوق <i>furūq</i>
آ	Vokal Panjang	<i>ā</i>	شَارِع <i>syāri‘</i>
إِ	“	<i>ī</i>	سَبِيل <i>sabīl</i>
أُ	“	<i>ū</i>	قَامُوس <i>qāmūs</i>

c) Diftong

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
أَيُّ	Diftong	<i>ay</i>	طُفَيْلٌ <i>tufayl</i>
أَوْ	Diftong	<i>aw</i>	زَوْجٌ <i>zawj</i>

d) Tasydīd Yā'

Lambang huruf	Nama huruf	Transliterasi	Contoh penggunaan
يَّ	<i>Tashdid ya'</i>	<i>iy</i>	الْجُرْجَانِيَّ <i>Al-jurjāniy</i>

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

al-Quran merupakan kalam Allah S.W.T. yang diturunkan dalam bahasa Arab untuk dikaji dan ditadabbur isi kandungannya sebagai pedoman dan panduan hidup manusia. Kemukjizatannya dalam semua aspek sama ada aspek bahasa mahupun isi kandungannya tidak dapat dinafikan. Setiap pemilihan partikel, perkataan dan struktur ayat yang digunakan mempunyai rahsia dan sebab tertentu dan tidak boleh ditukar ganti dengan selainnya. Inilah yang dinamakan linguistik rabbani yang mempunyai ciri ketahanan, keseimbangan dan kesesuaian untuk diterap dalam kajian bahasa manusia (Munif, 2015:3).

Kata tugas *'atf* dalam bahasa Arab kerap digunakan sama ada dalam pertuturan mahupun penulisan. Kata tugas berkenaan merupakan salah satu unit tatabahasa yang penting untuk menggabungkan antara dua elemen. Elemen pertama dinamakan *ma'tūf 'alayh* dan elemen kedua dinamakan *ma'tūf*. *Wāw* merupakan salah satu daripada partikel *'atf* dan memiliki beberapa ciri keistimewaan yang membezakannya dengan partikel *'atf* lain. Contohnya, *wāw 'atf* dikenali sebagai partikel *'atf* induk kerana perbincangan mengenai *'atf* lebih tertumpu kepada *wāw* dan partikel *wāw* merupakan kata tugas *'atf* yang paling banyak digunakan (Ibn Sīdah, 1996:217).

1.2 Pernyataan Masalah

Sarjana-sarjana Nahu bersepakat mengenai fungsi *wāw 'atf*. Mereka berpendapat bahawa *wāw 'atf* berfungsi untuk menghimpunkan antara *ma 'tūf 'alayh* dan *ma 'tūf* semata-mata (الْجَمْعُ الْمُطْلَقُ) (al-Murādiy, 1992:158). *Wāw 'atf* berfungsi sedemikian apabila tiada petanda (الْقَرِينَةُ) yang menunjukkan makna-makna selainnya. Contohnya ayat وَصَلَ الْقَطَارُ وَالسَّيَّارَةَ (Kereta api dan kereta itu telah tiba). Berdasarkan ayat di atas, *wāw 'atf* berfungsi menggabungkan antara *ma 'tūf 'alayh* (kereta api) dengan *ma 'tūf* (kereta) semata-mata dalam makna yang dikehendaki iaitu tiba (الْوُصُولُ). Partikel *wāw 'atf* berkenaan tidak memberi makna turutan (التَّرْتِيبُ) atau turutan berlawanan (التَّرْتِيبُ الْعَكْسِيُّ) atau bersama (الْمُصَاحَبَةُ) dan kekal bermaksud menghimpunkan semata-mata kecuali dengan wujudnya petanda yang menunjukkan makna-makna lain (Ḥasan, 1974, vol.3:558-559).

Sekiranya terdapat petanda, *wāw 'atf* juga boleh berfungsi menunjukkan salah satu daripada makna berikut iaitu turutan, turutan berlawanan atau bersama. Ibn Hisyām (2013:328) berpendapat bahawa “jika disebut جَاءَ زَيْدٌ وَعَمْرٌو (Zayd dan 'Amr telah datang), maka pernyataan ini bermaksud mereka terlibat dalam perbuatan datang. Namun, ayat ini mempunyai tiga kemungkinan dari sudut maknanya iaitu:

- 1) mereka datang secara bersama iaitu Zayd dan 'Amr datang bersama.
- 2) mereka datang secara berturut iaitu Zayd datang sebelum 'Amr.
- 3) mereka datang secara turutan berlawanan iaitu 'Amr datang terlebih dahulu sebelum Zayd.

Kemungkinan makna yang dikehendaki dapat diketahui sekiranya terdapat petanda yang menunjukkan maknanya”.

Menurut al-Murādiy (1992:158-159) sebahagian sarjana menyatakan bahawa *wāw ‘atf* datang dengan makna turutan sahaja. Pandangan ini disandarkan kepada Quṭrub, Tha‘lab, al-Zāhid, Ghulām Tha‘lab, al-Raba‘iy, Hisyām dan al-Dinawriy. Namun begitu, sebahagian sarjana Nahu menolak pandangan ini. Antaranya, Ibn ‘Aqīl (1980, vol. 3:226). Hujah beliau ialah Allah S.W.T. berfirman:

إِنَّ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا.

Terjemahannya: ((Kehidupan (hanyalah kehidupan kami di dunia ini, kami (orang kafir) mati dan kami hidup (di dunia)...)) (Surah al-Mu‘minūn 23:37)

“Sekiranya *wāw ‘atf* dalam ayat menunjukkan makna turutan, sudah pasti kata-kata ini menunjukkan kepada kepercayaan orang kafir terhadap kebangkitan selepas kematian kerana kehidupan yang dimaksudkan daripada perkataan نَحْيَا (*kehidupan*) adalah kehidupan selepas kematian iaitu hari kebangkitan. Namun, konteks ayat, makna dan keadaan orang kafir menunjukkan kepada keingkaran mereka terhadap hari kebangkitan. Oleh yang demikian, (*kehidupan*) yang dimaksudkan dalam kata-kata mereka dalam ayat ini ialah kehidupan yang mereka jalani di dunia iaitu kehidupan sebelum kematian. Justeru, hal ini menjelaskan bahawa *wāw ‘atf* dalam ayat berkenaan tidak memberi makna turutan” (Ibn ‘Aqīl, 1980, vol.3:26).

Namun begitu, menurut Ibn Hisyām (2013:328) *wāw ‘atf* yang terkandung dalam ayat di atas mengandungi makna turutan berlawanan. Hal ini kerana makna yang difahami daripada ayat berkenaan berdasarkan gabungan antara *ma‘tūf ‘alayh* (*kematian*) dengan *ma‘tūf* (*kehidupan*) ialah ‘kami (orang kafir) mati dan kami hidup di dunia’. Namun, seperti yang dimaklumi, manusia menjalani kehidupan di dunia terlebih dahulu sebelum mereka mati. Oleh yang demikian, makna sebenar yang dikehendaki daripada ayat di atas berdasarkan

petanda dan makna *wāw* ‘*atf* ialah ‘*kami (orang kafir) hidup di dunia dan kami mati*’ iaitu dengan andaian نَحْيَا وَنَمُوتُ.

Ibn Hisyām (2013:328) berpendapat bahawa *wāw* ‘*atf* juga berkemungkinan memberi makna bersama. Contohnya firman Allah S.W.T.:

فَأَنْجَيْنَاهُ وَأَصْحَابَ السَّفِينَةِ...

Terjemahannya: (Maka Kami (Allah) menyelamatkan Nabi Nuh dan penumpang-penumpang bahtera itu...) (Surah al-‘Ankabūt 29:15).

Wāw ‘*atf* yang terletak antara rangkai kata فَأَنْجَيْنَاهُ (Kami (Allah) menyelamatkan Nabi Nuh) dan rangkai kata أَصْحَابَ السَّفِينَةِ (penumpang-penumpang bahtera itu) tidak memberi makna turutan mahupun turutan berlawanan, namun *wāw* ‘*atf* berkenaan mengandungi makna bersama iaitu Allah menyelamatkan Nabi Nuh a.s bersama pengikut-pengikutnya (Ibn Hisyām, 2010,vol.2:757).

Kadang-kadang terdapat percanggahan pendapat dalam kalangan ulama dalam menentukan makna *wāw* ‘*atf*. Contohnya firman Allah S.W.T.:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ ط

Terjemahannya: (Sesungguhnya *Ṣafā* dan *Marwaṭ* adalah sebahagian daripada syiar Allah) (Surah al-Baqarat 2:158).

Menurut al-Syanqīṭiy (2012:431) terdapat dua pandangan dalam kalangan ulama dalam menentukan makna *wāw* ‘*atf* yang terkandung dalam ayat di atas. Syāfi‘iy, Mālik, al-Awzā‘iy serta jumhur ulama berpendapat bahawa *wāw* ‘*atf* berkenaan mengandungi makna turutan. Justeru, jika seseorang ingin melakukan sai, maka dia wajib melakukannya bermula dari *Ṣafā* dan berakhir di *Marwaṭ*.

Walaupun demikian, Abū Ḥanīfah menegaskan bahawa *wāw 'atf* dalam ayat berkenaan datang dengan makna menghimpunkan antara *ma'tūf 'alayh (Ṣafā)* dan *ma'tūf (Marwat)* semata-mata. Ini mengisyaratkan bahawa jika seseorang ingin melakukan sai, maka dia boleh melakukannya bermula dari *Ṣafā* atau bermula dari *Marwat*.

Di samping itu, kajian terhadap *wāw 'atf* akan menyingkap perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* sekaligus memperoleh kefahaman yang mendalam terhadap makna sesuatu ayat. Fungsi dan makna *wāw 'atf* pada asalnya hanyalah menghimpunkan antara *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* semata-mata. Namun, sekiranya makna *wāw 'atf* tidak dikaji berdasarkan kepada petanda-petanda yang menunjukkan makna selainnya, kefahaman menyeluruh terhadap ayat sekaligus keindahan bahasa al-Quran tidak dapat diperhalusi sepenuhnya. Kegagalan mengesan petanda dalaman (الْقَرِيْنَةُ الدَّاخِلِيَّةُ) atau petanda luaran (الْقَرِيْنَةُ الْخَارِجِيَّةُ) menyulitkan pencarian makna *wāw 'atf* sekaligus rahsia di sebalik perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* tidak dihuraikan (Ibn Hisyām, 2013).

Hal ini juga dikesan apabila melibatkan *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* yang sama dalam sesuatu ayat tetapi berbeza dari sudut penyusunannya dan konteks ayat. Menurut al-Syarqāwiy (1981:104-105) sebahagian sarjana tafsir terkadang menumpukan kepada gabungan *'atf* dalam al-Quran. Namun, mereka berhenti daripada mentafsirkannya terutama yang melibatkan *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* yang sama tetapi berbeza dari sudut penyusunannya dan konteks ayat. Contohnya, firman Allah S.W.T.:

يَوْمَ يَفِرُّ الْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ (34) وَأُمِّهِ وَأَبِيهِ (35) وَصَاحِبَتِهِ وَبَنِيهِ (36) لِكُلِّ امْرِئٍ مِنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُعْنِيهِ (37)
Terjemahannya: (Pada hari ketika manusia lari daripada saudaranya (34) Dan daripada ibu dan bapanya (35) Dan daripada isteri dan anak-anaknya (36) Setiap orang daripada mereka pada hari itu mempunyai urusan yang sangat menyibukkannya (37)) (Surah 'Abasa 80:34-37).

Allah S.W.T. juga berfirman:

يُودُّ الْمُجْرِمُ لَوْ يَفْتَدِي مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍ بِبَنِيهِ (11) وَصَاحِبَتِهِ وَأَخِيهِ (12) وَفَصِيلَتِهِ الَّتِي تُؤْوِيهِ (13) وَمَنْ فِي
الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ يُنْجِيهِ (14)

Terjemahannya: *Orang kafir menginginkan kalaulah dia dapat menebus (dirinya) daripada azab pada hari itu dengan anak-anaknya (11) Dan isterinya dan saudaranya (12) Dan kaum keluarga yang melindunginya (di dunia) (13) Dan orang-orang di bumi seluruhnya, kemudian (mengharapkan) tebusan itu dapat menyelamatkannya (14)* (Surah *al-Ma'ārij* 70:11-14).

al-Kalbiy (1973, vol.4:180) berpendapat bahawa ayat surah 'Abasa di atas melibatkan konteks melarikan daripada insan kesayangan pada hari akhirat kelak kerana sibuk dengan urusan masing-masing manakala ayat surah *al-Ma'ārij* dalam konteks mencari penyelamat dan pembantu di akhirat. Ulama tafsir tidak menumpukan kepada kehalusan makna di sebalik perbezaan perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* yang digabungkan (al-Syarqāwiy, 1981:105-108). Ini menyebabkan *wāw 'atf* yang berkemungkinan mengandungi makna turutan, turutan berlawanan atau bersama tidak dikesan dalam ayat. Maka, makna sebenar *wāw 'atf* tidak dikenalpasti sekaligus makna ayat tidak sepenuhnya dibongkar khususnya dari sudut hikmah perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf*.

Melihat kepada realiti ini, kajian yang memfokuskan kepada *wāw 'atf*, petanda makna *wāw 'atf*, maknanya serta perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam al-Quran khususnya dalam surah *al-Rūm* amat wajar dilakukan. Kajian ini diharap dapat menghasilkan sesuatu pendekatan yang boleh menambahkan kefahaman terhadap penggunaan *wāw 'atf*.

1.3 Objektif Kajian

Kajian dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenal pasti *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm*.
- ii. Menganalisis petanda dan makna *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm*.
- iii. Merumuskan perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dalam surah *al-Rūm*.

1.4 Soalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian yang digariskan, penulis menyusun beberapa soalan kajian untuk dijawab sepanjang menjalankan kajian ini. Soalan kajian untuk kajian ini disusun seperti berikut:

- i. Berapakah bilangan *wāw 'atf* yang terdapat dalam surah *al-Rūm* ?
- ii. Apakah petanda dan makna *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm* ?
- iii. Bagaimanakah perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dikemukakan dalam surah *al-Rūm* ?

1.5 Batasan Kajian

Kajian hanya memfokuskan kepada partikel *'atf* dengan *wāw* sahaja dan tidak melibatkan partikel *'atf* yang lain. Begitu juga partikel *wāw* jenis lain seperti *wāw ḥāl*, *wāw ma 'iyyat* dan sebagainya tidak akan disentuh dalam kajian ini. Penulis memilih *wāw 'atf* sebagai fokus kajian kerana *wāw 'atf* merupakan partikel yang terkerap digunakan berbanding partikel lain (‘Ālī, 2012). ‘Amāyiraṭ (1988) membuat penegasan bahawa partikel *wāw 'atf* mencapai kekerapan tertinggi iaitu melebihi 1500 kali pengulangan penggunaannya dalam al-Quran al-Karim.

Dapatan kajian Yamani (2014) menunjukkan bahawa *wāw 'atf* merupakan partikel '*atf*' terbanyak digunakan dalam surah *al-Insān* dengan 30 kali pengulangan penggunaannya dan dalam surah *al-Sajdat* dengan 22 kali pengulangan. Partikel *wāw 'atf* yang terkandung dalam surah *al-Qaṣaṣ* juga adalah partikel '*atf*' terbanyak iaitu dengan 91 kali kekerapan penggunaannya (Rosyida, 2018). Oleh yang demikian, penulis ingin mengambil peluang untuk menyingkap kelebihan penggunaan *wāw 'atf* dalam al-Quran khususnya dalam surah *al-Rūm* dan mengapakah penggunaannya lebih kerap berbanding partikel lain.

Tumpuan utama kajian adalah petanda makna *wāw 'atf*, maknanya serta perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf*. Penulis hanya akan menganalisis aspek-aspek berkenaan dalam surah *al-Rūm* dan tidak melibatkan surah lain dalam al-Quran. Memandangkan penggunaan *wāw 'atf* sangat meluas dalam surah *al-Rūm*, maka penulis hanya akan menganalisis *wāw 'atf* yang terletak antara *ma 'tūf 'alayh* dan *ma 'tūf* yang berada dalam ayat yang sama. Penulis juga hanya akan menganalisis *wāw 'atf* yang melibatkan *ma 'tūf 'alayh* dan *ma 'tūf* yang zahir, bukan berbentuk andaian (*taqdīr*) dan pengguguran (*ḥadhf*).

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mustahak untuk diketengahkan memandangkan kajian melibatkan penggunaan *wāw 'atf* kurang diterokai terutamanya kajian yang berkaitan dengan petanda yang memberi kesan kepada penentuan makna *wāw 'atf*. Kajian ini menzahirkan beberapa kepentingan yang dapat dilihat dari beberapa sudut. Antaranya membuktikan al-Quran memiliki gaya bahasa yang sangat tinggi dan setiap kata tugas yang digunakan dalamnya memberi impak yang amat penting dalam memahami sesuatu ayat.

Di samping itu, kajian ini boleh diketengahkan sebagai salah satu sumber rujukan bagi individu atau pihak-pihak yang ingin mengkaji kata-kata tugas dalam bahasa Arab khususnya yang melibatkan *wāw 'atf* dalam al-Quran.

Kajian ini juga akan memberi panduan tentang cara dan pendekatan yang betul serta tepat untuk menentukan makna di sebalik penggunaan *wāw 'atf*. Justeru, kajian ini diharap akan menjadi informasi yang sangat berguna buat para pendidik dan pelajar bahasa Arab terutamanya dari aspek penggunaan *wāw 'atf* sekaligus dapat membantu mereka dalam memahami makna di sebalik penggunaannya dengan lebih mendalam dan terperinci.

1.7 Sebab Pemilihan Surah

Penulis memilih surah *al-Rūm* kerana surah ini sarat dengan kisah yang menjurus kepada akidah dan tauhid seperti peristiwa-peristiwa ghaib, perbezaan antara golongan yang menyembah Allah dan golongan yang menyembah berhala, keadaan hari kiamat, kesudahan bagi orang beriman dan orang kafir serta bukti-bukti kejadian alam semesta yang menunjukkan kepada kekuasaan Allah S.W.T.. al-Syarqāwiy (1981:192) berpendapat bahawa isu akidah, tauhid dan apa yang berkaitan dengan keduanya merupakan isu terpenting dalam al-Quran dari sudut perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* yang memiliki kehalusan maknanya yang tersendiri.

Oleh kerana surah *al-Rūm* padat dengan kisah berkaitan dengan akidah dan tauhid, maka ini menonjolkan kepentingan penggunaan *wāw 'atf* sekaligus merupakan bahan yang menarik untuk dijadikan kajian dan perbincangan. Rahsia penceritaan dari satu kisah ke satu kisah yang lain berserta isi kandungannya dapat difahami dengan lebih mendalam melalui penggunaan *wāw 'atf* yang memberi makna yang pelbagai dalam ayat.

1.8 Definisi Operasional

Untuk mencapai objektif yang ditetapkan, penulis telah menggunakan definisi operasional seperti berikut;

- a) **'Atf**: ialah menggabungkan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf*. 'Atf terbahagi kepada dua kategori iaitu *'atf bayān* dan *'atf nasq*. Jenis *'atf* yang tidak menggunakan kata tugas untuk menggabung dinamakan *'atf bayān*. 'Atf yang menggunakan kata tugas untuk menghubungkan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dinamakan *'atf nasq*. Dalam kajian ini, perbincangan *'atf* yang disentuh melibatkan elemen perbincangan *'atf nasq* iaitu partikel-partikel *'atf nasq* yang berfungsi sebagai kata tugas.
- b) **Wāw 'atf**: merujuk kepada partikel *'atf* induk dan terbanyak digunakan dalam al-Quran dan ujaran yang berfungsi menggabungkan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf*. *Wāw 'atf* mewajibkan perkongsian hukum dan *i'rāb ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* yang digabungkan dengannya. Dalam konteks kajian ini, *wāw 'atf* yang terdapat dalam surah *al-Rūm* digunakan sebagai bahan kajian.
- c) **Ma'tūf 'alayh**: merujuk kepada elemen yang terletak sebelum partikel *'atf* sama ada berbentuk kata tunggal atau ayat.
- d) **Ma'tūf**: merujuk kepada elemen yang terletak selepas partikel *'atf* sama ada berbentuk kata tunggal atau ayat. *Ma'tūf* mengikuti *i'rāb ma'tūf 'alayh*.
- e) **Makna wāw 'atf**: ialah menghimpunkan antara *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* semata-mata (الْجَمْعُ الْمَطْلُوقُ) apabila tiada petanda (الْقَرِينَةُ) yang menunjukkan makna-makna selainnya. Namun sekiranya terdapat petanda, maka ini diambil kira berdasarkan kepada makna yang

dikehendaki oleh petanda berkenaan sama ada datang dengan makna turutan (التَّرْتِيبُ), turutan berlawanan (التَّرْتِيبُ الْعَكْسِيُّ) atau bersama (المُصَاحَبَةُ).

f) **Petanda makna wāw 'atf:** ialah *qarīnat* yang memberi kesan kepada penentuan makna yang terkandung dalam wāw 'atf. Petanda makna wāw 'atf berkenaan ialah masa (الزَّمَانُ), keadaan semula jadi (الطَّبْعُ), sebab (السَّبَبُ), susunan (الرُّتْبَةُ), kemuliaan serta kesempurnaan (الْفَضْلُ وَالْكَمَالُ) dan keutamaan (الأَوْلَوِيَّةُ).

1.9 Kesimpulan

Penggunaan wāw 'atf dari sudut petanda makna wāw 'atf, maknanya dan perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* merupakan salah satu cabang ilmu nahu. Dalam bab ini, pengenalan asas bagi reka bentuk kajian telah dijelaskan iaitu pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, batasan kajian dan kepentingannya. Ini diikuti oleh sebab pemilihan surah kemudian diakhiri dengan keterangan mengenai definisi operasional yang berkaitan dengan kajian ini. Penulis berharap kajian ini mampu mencapai objektif yang telah digariskan serta berjaya memperoleh dapatan baharu yang dapat memberi sumbangan kepada bidang bahasa dan linguistik.

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan mengenai sorotan literatur berkaitan *wāw* ‘*atf*. Perbincangan akan meliputi definisi ‘*atf* dari sudut bahasa dan istilah, pembahagian ‘*atf* dan jenis-jenis partikel yang terdapat dalam ‘*atf nasq* serta maknanya.

2.2 Definisi ‘*Atf*

Menurut Ibn Manẓūr (1993, vol.9:249) ‘*atf* dari sudut bahasa diambil daripada kata akar عطف dengan makna berpaling. ‘*Atf* juga memberi makna condong dan cenderung (Ibn Fāris, 1972, vol.4:351; Muṣṭafā et al., 2004:608).

Menurut al-Aṣḥāḥāniy (t.t, vol.2:440) ‘*atf* bermaksud satu sudut dibengkok ke satu sudut lain seperti dibengkokkan dahan dan bantal. Namun, Ibn Hisyām (2013:324) berpendapat bahawa ‘*atf* bermaksud kembali kepada sesuatu selepas berpaling darinya.

Menerusi definisi-definisi di atas, jelas menunjukkan bahawa makna ‘*atf* dari sudut bahasa adalah kecondongan, kecenderungan, kebengkokan dan kembali kepada sesuatu selepas berpaling darinya.

‘*Atf* dari sudut istilah pula bermaksud:

رَبَطُ كَلِمَةٍ بِكَلِمَةٍ سِوَاهُ كَانَتْ فِعْلًا أَمْ إِسْمًا، حَيْثُ يَتَّبِعُ الْمَعْطُوفُ مَا عُطِفَ عَلَيْهِ فِي كُلِّ شَيْءٍ حُكْمًا
وَإِعْرَابًا.

(Menggabungkan antara perkataan dengan perkataan sama ada yang berbentuk kata nama atau kata kerja yang mana ma ‘*tūf* akan mengikuti ma ‘*tūf* ‘*alayh* dari sudut hukum dan i ‘*rāb*) (al-Lādaqiy, 2016:162-163).

2.3 Pembahagian ‘*Atf*

‘*Atf* terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- 1) ‘*Atf bayān*
- 2) ‘*Atf nasq*

2.3.1 ‘*Atf Bayān*

Ibn Hisyām (2008, vol. 2:107) menyatakan *atf bayān* merupakan salah satu *tābi* ‘ seperti kata sifat yang berfungsi menjelaskan *matbū* ‘ jika *tābi* ‘ *ma‘rifat*, dan berfungsi mengkhususkan *matbū* ‘ sekiranya *tābi* ‘ itu *nakirat*.

Contoh *atf bayān ma‘rifat* ialah قَالِ الْمَلِكُ دَبْشَلِيمُ لِلْفَيْلَسُوفِ بَيْدَبَا (Raja Dabsyalīm telah berkata kepada ahli falsafah Baydabā). Perkataan دَبْشَلِيمُ merupakan ‘*atf bayān ma‘rifat* yang menjelaskan *matbū* ‘ iaitu perkataan الْمَلِكُ. Berdasarkan ‘*atf bayān* berkenaan, dapat difahami bahawa raja yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah Raja Dabsyalīm. Contoh *atf bayān nakirat* pula ialah أَكَلْتُ فَاكِهَةً تُفَّاحَةً (Aku telah memakan buah epal). Perkataan تُفَّاحَةً merupakan *atf bayān nakirat* yang mengkhususkan jenis buah yang telah dimakan oleh penutur.

Oleh kerana *atf bayān* berperanan seperti kata sifat iaitu menjelaskan makna *matbū* ‘, maka ‘*atf bayān* juga terikat dengan syarat kata sifat iaitu *ma‘tūf* mestilah sama dengan *ma‘tūf* ‘*alayh* dari sudut *i‘rāb* (akusatif, nominatif, genitif atau *jazm*), *nakirat* atau *ma‘rifat*, bilangan dan gender perkataan (Mas‘ūd, 1984:38).

Terdapat empat tujuan utama bagi *atf bayān* (al-Ṣaʿīdiy, 1999, vol.1:86) iaitu:

- 1) Untuk menjelaskan *tābi*‘
- 2) Untuk mengkhususkan *tābi*‘
- 3) Untuk penegasan
- 4) Untuk pujian

Menurut Ballfuḍayl (2017:114) *‘atf bayān* merupakan bahagian pertama *‘atf* dan merupakan salah satu *tābi*‘ *jāmid*, tidak ditafsir dan berfungsi menjelaskan dan mengkhususkan makna *matbū*‘. al-Rabawiy (2016:88) menegaskan bahawa *‘atf bayān* mengulangi makna *matbū*‘ bagi menambahkan kejelasan makna yang ingin disampaikan. Majoriti para sarjana nahu termasuk sarjana nahu Basrah menamakannya dengan nama *‘atf bayān*. Para sarjana nahu Kufah pula menamakannya dengan nama *tarjamat*. Perbezaan antara *‘atf bayān* dan *badal* pula bergantung kepada maksud dan tujuan penggunaan *tābi*‘ berkenaan dalam ayat (M. Amri, 2014).

2.3.2 *‘Atf Nasq*

Nasq dari sudut bahasa diambil daripada kata akar *نسق* dengan makna “apa yang yang berada dalam satu sistem yang sama” (Ibn Manzūr, 1993, vol.10:352). *Nasq* juga bermaksud “persamaan, satu sistem dan rangkaian” (Barakāt, 2007, vol.5:186).

Dari sudut istilahnya, Ibn ‘Uṣfūr (1972, vol.1:229) berpendapat bahawa *nasq* bermaksud “pembawaan kata nama ke atas kata nama, kata kerja ke atas kata kerja, ayat ke atas ayat dengan syarat terdapat kata tugas yang menggabungkan antara *ma ‘tūf ‘alayh* dengan *ma ‘tūf*. Kata kerja tidak digabungkan dengan kata nama atau sebaliknya dan kata tunggal juga tidak

digabungkan dengan ayat atau sebaliknya melainkan salah satu daripadanya menjelaskan yang lain”.

al-Kīsiyy (1987:389) pula mendefinisikan *'atf nasq* sebagai penglibatan salah satu *tābi* dalam *i'rāb matbū* kerana ada kata tugas yang terletak antara keduanya.

Ibn Hisyām (2008, vol.2:112) pula berpendapat bahawa *'atf nasq* ialah “salah satu *tābi* yang berada antaranya dan *matbū* nya salah satu daripada partikel *'atf*”. Hal ini kerana *'atf* kategori ini menggunakan kata tugas sebagai alat penghubung.

Justeru, berdasarkan definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *'atf nasq* adalah penglibatan *ma'tūf* dalam *i'rāb ma'tūf 'alayh*. Kedua-duanya adalah sama jenis atau sebaliknya serta sama dari sudut *i'rāb* dengan terdapat satu partikel *'atf* yang terletak antara *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf*. *'Atf nasq* disebut “*'atf* dengan partikel” oleh sarjana nahu Basrah manakala sarjana nahu Kufah menyebutnya “*'atf nasq*” iaitu sebutan kedua ke atas rangkaian pertama dengan mengikut jalannya supaya dua sebutan itu menjadi dua yang dihubungkan dan terdapat partikel *'atf* di antaranya (Mas'ūd, 1984:38).

Dapatan al-Syarqāwiy (1981:97) menunjukkan bahawa sarjana terdahulu hanya mementingkan gaya bahasa *'atf* dari sudut perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* yang berbentuk ayat bukan perkataan. Mereka berpendapat bahawa *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* yang berbentuk perkataan tidak mengandungi kehalusan makna yang tersirat di sebalik perkaitannya. Di samping itu, sarjana terdahulu juga menyatakan bahawa kajian *'atf* memadai dengan isu yang diketengahkan oleh sarjana Nahu seperti perkongsian hukum antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf*, makna partikel *'atf nasq* dan sebagainya.

al-Jurjāniy misalnya hanya membahaskan gaya bahasa *'atf* dari sudut pemisahan dan penyambungan ayat. Namun, al-Syarqāwiyy (1981:101-102) lebih cenderung menyatakan bahawa perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* yang berbentuk perkataan juga mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu berdasarkan konteks yang melatari sesuatu ayat.

Dapatan Rūbhī (2012) menunjukkan bahawa perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu. Dalam ayat 2 surah *al-Anfāl* menceritakan tentang tiga amalan rohani yang mulia di sisi Allah iaitu perlakuan takut kepada Allah (*ma'tūf 'alayh*), perlakuan beriman (*ma'tūf*) dan perlakuan bertawakkal kepadaNya (*ma'tūf kedua*). Namun begitu, perlakuan bertawakkal merupakan amalan rohani yang paling tinggi dan mulia di sisi Allah S.W.T. (al-Rāziy, 1981, vol.15:123-124). Maka, ayat ini mengisyaratkan kepada peringkat amalan untuk memperoleh kesempurnaan iman di sisi Allah S.W.T. (al-Rāziy, 1981).

Dapatan Mahdiy (2015) juga menunjukkan bahawa gaya bahasa *'atf* terkandung dalam ayat 11 dan 12 surah *al-Ṭāriq*. Ayat 11 menceritakan tentang hujan (*ma'tūf 'alayh*) manakala ayat 12 menceritakan tentang tumbuhan yang tumbuh dari tanah (*ma'tūf*). Menurut al-Rāziy (1981) hujan dalam ayat bermaksud mani (*ma'tūf 'alayh*), tumbuhan pula bermaksud manusia dan tanah adalah rahim (*ma'tūf*). Penciptaan manusia terhasil dari gabungan antara sperma dengan ovum di dalam rahim yang ditentukan oleh Allah S.W.T. Apabila Allah berkuasa untuk menggabungkan antara keduanya sehingga terhasilnya manusia, maka apabila manusia mati, Allah juga Maha Berkuasa untuk menghidupkannya dan mengembalikannya kepada keadaan asal (al-Rāziy, 1981). Justeru perkaitan antara ayat 11 (*ma'tūf 'alayh*) dengan ayat 12 (*ma'tūf*) surah *al-Ṭāriq* mengisyaratkan bahawa kejadian kebangkitan manusia pasti berlaku pada hari akhirat kelak.

2.3.3 Partikel-Partikel ‘*Atf Nasq*

Menurut Ibn Hisyām (2008, vol.2:113) terdapat 9 kata tugas yang berfungsi sebagai ‘*atf nasq* iaitu *لَا*, *بَلْ*, *لَكِنَّ*, *أَوْ*, *أَمْ*, *حَتَّى*, *ثُمَّ*, *أَلْفَاءُ*, *الْوَاوُ* dan *لَا*.

1) *الْوَاوُ* (*wāw*)

Wāw dianggap sebagai partikel ‘*atf* paling asas kerana partikel ini hanya mewajibkan perkongsian hukum antara dua elemen yang digabungkan dengannya sementara partikel-partikel ‘*atf* lain mewajibkan makna tambahan selain daripada perkongsian (Ballfuḍayl, 2017:114). Contohnya, partikel *fā* ‘ datang dengan makna penangguhan (التَّعْقِيبُ) (Ḥardān, 2008), partikel *thumma* datang dengan makna kenduran masa (التَّرَاحِيُّ) (Muḥammad, 2009) dan sebagainya. Partikel *wāw* digunakan untuk menggabungkan antara *ma ‘tūf ‘alayh* dengan *ma ‘tūf* dari sudut hukum dan *i ‘rāb* (al-Ghalāyīniy, 2015:680).

Makna asal yang terkandung dalam *wāw ‘atf* ialah مُطْلَقُ الْجَمْعِ (*menghimpunkan sematamata*) tanpa syarat (Ḥardān, 2008:163; al-Ṭawīl, 2009:86; Muḥammad, 2009; ‘Alī, 2014:94; Ballfuḍayl, 2017:114). Walaupun begitu, *wāw ‘atf* berkemungkinan datang dengan makna turutan, turutan berlawanan atau bersama jika wujudnya petanda yang menunjukkan makna-makna berkenaan. (Ḥardān, 2008:163). Contohnya: *جَاءَ عَلِيٌّ وَخَالِدٌ* (*‘Alī dan Khālid telah datang*). Partikel *wāw* dalam ayat ini menggabungkan antara ‘Alī dengan Khālid lalu menyebabkan perkongsian hukum iaitu (*datang*) dan *i ‘rāb*nya iaitu kasus nominatif. Namun, tiada petanda yang menunjukkan ‘Alī datang terlebih dahulu sebelum Khālid, atau sebaliknya atau mereka datang secara bersama.

Dalam perbahaasan ilmu *balaghah*, *wāw ‘atf* berkait dengan perbahaasan ilmu *ma ‘āniy* iaitu perbahaasan *wasl* yang memfokuskan kepada kaedah penyambungan ayat (Zahazan, 2001). *Wāw* juga merupakan partikel ‘*atf*’ terbanyak digunakan dalam al-Quran (Ḥardān, 2008:162; ‘Ālī, 2012; al-Talab, 2012). Dapatan ini bertepatan dengan dapatan kajian ‘Amāyirat (1988) yang menegaskan bahawa penggunaan lebih dari 1500 kali *wāw ‘atf* dalam al-Quran. *Wāw* juga merupakan partikel ‘*atf*’ terbanyak digunakan dalam surah *al-Baqarat* iaitu sebanyak 546 (Rokiah, 2006; Muḥammad, 2009).

Wāw merupakan partikel ‘*atf*’ terbanyak digunakan dalam surah *al-Kahfi* iaitu sebanyak 119 (Md Isa, 2009). Dari sudut ujaran bahasa Arab, *wāw* juga adalah partikel ‘*atf*’ terbanyak digunakan berbanding partikel ‘*atf*’ lain iaitu sebanyak 85.20% (Ballfuḍayl, 2017). *Wāw* juga pada kebiasaannya digabungkan dengan kata hubung lain seperti *لَنَا*, *إِمَّا* dan *لَكِنَّ* (Ḥardān, 2008).

Gaya bahasa ‘*atf*’ dari sudut perkaitan antara *ma ‘tūf ‘alayh* dengan *ma ‘tūf* yang terdapat dalam al-Quran mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu dalam sesuatu ayat. Contohnya, terdapat lebih dari 9 tempat dalam al-Quran al-Karim yang mengandungi gabungan antara perlakuan solat (*ma ‘tūf ‘alayh*) dengan perlakuan menginfakkan harta di jalan Allah S.W.T. (*ma ‘tūf*) dengan partikel *wāw ‘atf*.

Kebanyakan sarjana tafsir berpendapat bahawa perlakuan menginfakkan harta digabungkan dengan perlakuan solat kerana kedua-dua perlakuan berkenaan hampir dari sudut kedudukan dan kepentingannya (al-Syarqāwiy, 1981:236-237). Namun menurut al-Syarqāwiy (1981:238) perkaitan antara perlakuan solat (*ma ‘tūf ‘alayh*) dengan perlakuan menginfakkan harta (*ma ‘tūf*) dalam al-Quran mengisyaratkan kepada kesyumulan Islam yang menitikberatkan nilai keagamaan dan nilai kemanusiaan yang sangat berkait dalam

kehidupan manusia.

Perlakuan solat akan membersihkan dan menyucikan jiwa pelakunya. Perlakuan menginfakkan harta memerlukan seseorang memiliki jiwa yang bersih dan suci. Maka, apabila seseorang mentaati Tuhan dengan menyembahNya, maka perlakuan berkenaan menyebabkan insan tersebut lebih menghargai nilai kemanusiaan dengan membantu golongan yang memerlukan dari sudut harta dan sebagainya.

2) الفَاءُ (fā')

Partikel fā' berkemungkinan mengandungi makna turutan (التَّرْتِيبُ) atau penangguhan (التَّعْقِيبُ) (Hardān, 2008:163). Turutan bermaksud ma'tūf berlaku setelah berlakunya ma'tūf 'alayh dan bukan sebaliknya. Contohnya: مَرَرْتُ بِزَيْدٍ فَعَمَرُوا (Aku melintasi Zayd lalu aku melintasi 'Amr). Partikel fā' dalam ayat ini menyebabkan ma'tūf 'alayh (Zayd) dan ma'tūf ('Amr) berkongsi dari sudut perbuatan dilintasi dan ini menjadikan Zayd merupakan orang pertama yang dilintasi.

Penangguhan pula bermaksud gabungan antara ma'tūf 'alayh dengan ma'tūf tidak mempunyai had waktu. Contohnya: تَزَوَّجَ فَلَانَ فَوُلِدَ لَهُ (Si polan telah berkahwin lalu zuriatnya dilahirkan). Dua kata kerja تَزَوَّجَ (berkahwin) dan وُلِدَ (dilahirkan) tidak berlaku melainkan terdapat tempoh hamil antara dua keadaan ini walaupun memakan waktu yang lama (Ibn Hisyām, 2010, vol.1:373).

Fungsi dan makna sesuatu partikel 'atf adalah tidak tetap (Rokiah, 2006). Sebagai contoh, walaupun makna asal yang terkandung dalam partikel fā' ialah turutan atau penangguhan, namun fā' berkemungkinan mengandungi makna-makna lain berdasarkan kepada konteks ayat (Balyantat et al., 2017:96). Hal ini kerana konteks dan petanda mempunyai hubungan langsung dalam menentukan makna teks ('Alī, 2014:94).

Antaranya, makna طَيُّ الزَّمَانِ (*gulungan masa*), التَّقْصِيرُ (*pemendekan masa*) dan تَسْرِيْعُ حَرَكَةِ الْأَحْدَاثِ (*kecepatan tempoh peristiwa*) (Balyantat et al., 2017:96). Contohnya firman Allah S.W.T.:

وَاضْرِبْ لَهُمْ مَثَلِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا أَنْزَلْنَا مِنْ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ
الرِّيَّاحُ...

Terjemahannya: *(Dan berilah perumpamaan kepada mereka (manusia), kehidupan dunia ini sama seperti air hujan yang Kami (Allah) turunkan dari langit, lalu tumbuh-tumbuhan di muka bumi menjadi subur kerananya, kemudian tumbuh-tumbuhan itu menjadi kering hancur ditiup angin...)* (Surah al-Kahfi 18:45).

Partikel *fā'* dalam ayat ini memberikan gambaran yang ingin ditonjolkan oleh Allah S.W.T. iaitu kehidupan dunia dan nikmat-nikmatnya yang melalaikan. Objektif ayat berkenaan adalah untuk merendahkan urusan dunia (Balyantat et al., 2017:96). Ayat ini juga bertujuan untuk mengingatkan manusia supaya tidak terpedaya dengan kehidupan dunia dan nikmat-nikmatnya. Dalam ayat berkenaan, Allah S.W.T. menggunakan partikel *fā'* di kedudukan partikel yang mengandungi makna kenduran waktu (*thumma*). Hal ini menyebabkan pembaca merasa perubahan peristiwa daripada air hujan yang diturunkan dari langit kepada tumbuh-tumbuhan di muka bumi menjadi subur adalah dalam tempoh masa yang cepat.

Perubahan peristiwa daripada tumbuh-tumbuhan di muka bumi menjadi subur kepada peristiwa mati kekeringan dinyatakan dalam ayat melibatkan tempoh masa yang cepat dan hal ini menyebabkan pembaca merasa perubahan peristiwa daripada kehidupan kepada kematian adalah dalam tempoh masa yang cepat (al-Khadariy, 1993:56-57). Justeru, partikel *fā'* dalam ayat berkenaan mengandungi makna gulungan masa, pemendekan masa dan kecepatan tempoh peristiwa (Balyantat et al., 2017:96).

Partikel *fā'* juga berkemungkinan mengandung makna sebab (السَّبَبِيَّةُ) (Hardān, 2008:163). *Fā'* yang datang dengan makna sebab hanya bergabung dengan *fi'l muḍāri'* yang berkasus *manṣūb*. Contohnya firman Allah S.W.T.:

فَلَا يَصُدُّكَ عَنْهَا مَنْ لَا يُؤْمِنُ بِهَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَتَرْدَىٰ

Terjemahannya: (Maka janganlah sekali-kali engkau dipalingkan daripada mempercayai (hari akhirat) oleh orang yang tidak beriman kepadanya (hari akhirat) dan oleh orang yang mengikut hawa nafsu kerana dengan itu engkau akan binasa) (Surah Taha 20:16).

Perkataan *فَتَرْدَىٰ* dalam ayat ini bermaksud *فَتَهْلِكُ* (kerana dengan itu engkau akan binasa). Hal ini kerana kelalaian dan pengabaian terhadap hari akhirat akan mengundang kebinasaan terhadap diri sendiri (al-Alūsiy, 2008, vol.16:174). Oleh itu, partikel *fā'* pada perkataan *فَتَرْدَىٰ* menjelaskan sebab dan jawapan kepada larangan yang terdapat dalam awal ayat di atas (Hardān, 2008:140).

3) ثُمَّ (thumma)

Partikel *thumma* mengandung makna turutan yang mempunyai had masa dan kenduran masa (al-Ghalāyīniy, 2015:680). Ini bermaksud tempoh masa antara *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* itu berlaku melibatkan tempoh yang lama. Kadar tempoh masa yang lama ini bergantung kepada adat kebiasaan sesuatu peristiwa (Ḥasan, 1974, vol.3:577). Hal ini menunjukkan partikel *thumma* tidak mengandung makna penangguhan yang cepat (Muḥammad, 2009). Contohnya: *دَخَلَ الطَّالِبُ الْجَامِعَةَ ثُمَّ تَخَرَّجَ نَاجِحًا* (Pelajar itu memasuki univeristi. Kemudian, dia menghabiskan pembelajaran di peringkat universiti dengan jayanya). Tempoh masa yang diambil untuk seorang pelajar memasuki dan menghabiskan pembelajaran di peringkat universiti adalah tempoh yang sangat lama pada kebiasaannya.

Partikel *thumma* juga berkemungkinan mengandungi makna berterusan (الدَّوَامُ وَالِاسْتِمْرَارُ) (al-Zajjāj, 1982, vol.1:104). Allah S.W.T. berfirman:

وَأَنْ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ...

Terjemahannya: (Dan hendaklah kamu memohon keampunan kepada Tuhan (dari perbuatan syirik), kemudian tetaplah dalam perlakuan bertaubat dan berterusan mengerjakannya...) (Surah *Hūd* 11:3).

Partikel *thumma* dalam ayat ini mengisyaratkan bahawa *ma'tūf* (تُوبُوا) mengandungi makna berterusan dengan andaian اَبْتُوا عَلَى التَّوْبَةِ وَدَوْمُوا عَلَيْهَا (Tetaplah dalam perlakuan bertaubat dan berterusan mengerjakannya) (al-Zajjāj, 1982, vol.1:104).

4) حَتَّى (*hattā*)

Partikel *hattā* digunakan sebagai kata hubung dan kekerapan penggunaannya dalam konteks berkenaan adalah sedikit. Terdapat syarat-syarat untuk partikel *hattā* berfungsi sebagai kata hubung. Antaranya, *ma'tūf* hendaklah berbentuk kata nama yang jelas, *ma'tūf* merupakan sebahagian daripada *ma'tūf 'alayh*, lebih mulia daripada *ma'tūf 'alayh* atau sebaliknya dan *ma'tūf* berbentuk kata tunggal dan bukan ayat.

Contohnya: حَبَسَ الْبَخِيلُ أَمْوَالَهُ حَتَّى الدَّرْهَمِ (Si bakhil itu mengenggam sehinggakan satu dirham) (al-Ghalāyīniy, 2015:680). Partikel *hattā* dalam contoh ini berfungsi sebagai kata hubung. Hal ini kerana *ma'tūf* ialah perkataan الدَّرْهَمِ (satu dirham). *Ma'tūf* merupakan kata nama tunggal yang jelas, bukan ayat dan merupakan sebahagian daripada *ma'tūf 'alayh* iaitu rangkai kata أَمْوَالَهُ (hartanya).

5) أمّ (am)

Partikel *am* mempunyai dua fungsi. Pertama, menyamakan antara dua perkara. Kedua, menentukan antara dua perkara (al-Rājiḥiy, 2000:385). Menurut al-Rājiḥiy (2000:385) partikel *am* berfungsi menyamakan antara dua perkara apabila terdapat hamzah *taswiyyat* (hamzah bertujuan menyamakan perkara-perkara) yang tidak berfungsi sebagai pertanyaan dan hamzah *taswiyyat* terdapat dalam ayat penyata yang digabungkan dengan partikel *am*. Contohnya: لَنْ أَهْتَمَّ بِهِ سِوَاءَ أَنْجَحَ أَمْ رَسَبَ (Aku tidak akan peduli sama ada dia berjaya atau gagal). Hamzah pada rangkai kata أَنْجَحَ merupakan hamzah *taswiyyat*. Ayat yang terletak selepasnya iaitu نَجَحَ أَمْ رَسَبَ (dia berjaya atau gagal) ialah ayat penyata. Justeru, contoh ini bermaksud kejayaan dan kegagalannya adalah sama di sisi penutur yang tidak memperdulikan terhadap dua situasi berkenaan.

Namun begitu, partikel *am* berfungsi menentukan antara dua perkara apabila terdapat hamzah *istifhām* dalam ayat. Contohnya: أَحَضَرَ زَيْدٌ أَمْ عَمْرٌو (Adakah Zayd yang telah datang atau 'Amr?). Hamzah yang terdapat pada rangkai kata أَحَضَرَ dalam contoh berkenaan adalah hamzah *istifhām*. Justeru, contoh ini bermaksud penutur bertanya bertujuan untuk menentukan sama ada Zayd atau 'Amr yang telah datang.

6) أوّ (aw)

Jika partikel *aw* terletak selepas ayat suruhan, maka partikel berkenaan mengandungi beberapa makna yang berkemungkinan iaitu pemilihan (*takhyīr*), keizinan (*ibāḥat*) atau penukaran hukum (al-Ghalāyīniy, 2015:681). Namun, sekiranya partikel *aw* terletak selepas ayat penyata, maka partikel berkenaan berkemungkinan mengandungi makna keraguan (*syakk*), kekaburan (*ibhām*), pembahagian (*taqsīm*), perincian selepas kesamaran (*tafṣīl ba'd*

ijmāl) dan penukaran hukum (*idrāb*). Makna-makna ini ditentukan berdasarkan petanda-petanda yang terdapat dalam ayat (al-Rājihīy, 2000:386).

Contoh partikel *aw* yang terletak selepas ayat suruhan: *اخْتَرِ الشُّعْبَةَ الْأَدَبِيَّةَ أَوْ الْعِلْمِيَّةَ* (*Pilihlah sama ada bidang sastera atau sains*). Partikel *aw* dalam contoh ini terletak selepas ayat suruhan yang difahami berdasarkan rangkai kata *اخْتَرِ* (*pilihlah*), maka partikel *aw* mengandungi makna pemilihan (*takhyīr*). Hal ini kerana *takhyīr* bermaksud pemilihan terhadap satu perkara sahaja (al-Rājihīy, 2000:386). Dalam contoh di atas, penutur menyuruh pihak yang ditujukan percakapan (*mukhāṭab*) untuk memilih satu bidang ilmu sahaja.

Contoh partikel *aw* yang terletak selepas ayat penyata: *رَأَيْتُ مُحَمَّدًا أَوْ خَالِدًا* (*Aku telah melihat Muḥammad atau Khālid*). Partikel *aw* dalam contoh ini terletak selepas ayat penyata *رَأَيْتُ مُحَمَّدًا* (*Aku telah melihat Muḥammad*) dan partikel berkenaan-mengandungi makna keraguan. Hal ini kerana penutur merasa ragu sama ada sosok yang dilihatnya itu Muḥammad atau Khālid (al-Sāmarrāiy, 2000, vol.3:250).

7) *لَكِنْ* (*lākin*)

Partikel *lākin* terbahagi kepada dua jenis iaitu jenis pertama berasal dari partikel *لَكِنَّ* yang mengandungi *tasydīd* dan jenis kedua iaitu *lākin* termasuk dalam partikel '*atf* (al-Māliqiy, 1974:274). Partikel *lākin* yang ingin dibincangkan adalah jenis kedua dan terletak dalam tajuk '*atf nasq*. Partikel berkenaan mengandungi makna pembetulan kepada pernyataan (*istidrāk*) (al-Ghalāyīniy, 2015:683). Partikel *lākin* berfungsi sebagai pembetulan bagi pernyataan apabila memenuhi syarat-syarat berikut iaitu *ma'tūf* hendaklah berbentuk perkataan tunggal dan bukan ayat, *ma'tūf* mestilah didahului dengan penafian atau larangan dan partikel *lākin* mestilah tidak bersambung dengan *wāw* (al-Ghalāyīniy, 2015:683). Contohnya: *مَا قَامَ زَيْدٌ لَكِنَّ عَمْرُوً* (*Bukanlah Zayd yang berdiri tetapi 'Amr*).

Partikel *lākin* dalam contoh di atas merupakan kata hubung dan mengandung makna *istidrāk*. Hal ini kerana partikel *lākin* berkenaan tidak bersambung dengan *wāw* dan *ma‘tūf* ialah perkataan *عَمْرُو* (*‘Amr*) yang merupakan kata tunggal yang didahului dengan partikel penafian *مَا* (*bukanlah*). Menerusi contoh di atas, difahami bahawa ‘Amr merupakan orang yang berdiri dan bukannya Zayd.

Namun, sekiranya partikel *lākin* didahului oleh *wāw* maka *lākin* tidak berfungsi sebagai partikel ‘*atf*. Partikel *lākin* disebut partikel *istidrāk* dan *ibtidā’* (*permulaan ayat*) (Zayd, 2009:75).

8) *بَلْ* (*bal*)

Sekiranya partikel *bal* terletak selepas ayat penyata atau suruhan, maka *bal* mengandung makna *idrāb*. Namun, sekiranya partikel *bal* terletak selepas ayat penafian atau larangan, maka *bal* mengandung makna *istidrāk* (al-Ghalāyīniy, 2015:682). Contoh partikel *bal* yang mengandung makna *idrāb*: *جَاءَ مُحَمَّدٌ بَلْ مَحْمُودٌ* (*Bukan Muhammad yang datang tetapi Maḥmūd*). Partikel *bal* dalam contoh ini merupakan partikel ‘*atf yang mengandung makna *idrāb* kerana *ma‘tūf* (*Maḥmūd*) adalah kata tunggal (al-Sāmarrāiy, 2000, vol.3:274). Partikel *bal* yang terletak selepas ayat penyata disebut sebagai *الإِضْرَابُ الْإِبْطَالِيُّ* (*penukaran hukum*). Berdasarkan contoh di atas, perlakuan (*datang*) bagi Muḥammad telah ditutup oleh partikel *bal* dan perlakuan ini berpindah kepada Maḥmūd. Ini bermaksud perlakuan datang tidak berlaku ke atas Muḥammad tetapi berlaku ke atas Maḥmūd (al-Rājiḥiy, 2000:387).*

Namun, jika ungkapan selepas partikel *bal* berbentuk ayat, maka *bal* berkenaan tidak disebut partikel ‘*atf tetapi partikel *ibtidā’* dan mengandung makna sama ada *الإِضْرَابُ الْإِبْطَالِيُّ* (*penukaran hukum*) atau *الإِضْرَابُ الْإِنْتِقَالِيُّ* (*penukaran tujuan*) (Ḥasan, 1974, vol.3:623).*

Walaupun begitu, Balyanṭaṭ et al. (2017:103) menegaskan bahwa partikel *bal* masih dikategorikan sebagai partikel ‘*atf*’ walaupun ungkapan selepasnya berbentuk ayat. Contohnya dalam ayat 47 dan ayat 48 surah *al-Kahfi*. Firman Allah S.W.T.:

وَيَوْمَ نُسَيِّرُ الْجِبَالَ وَتَرَى الْأَرْضَ بَارِزَةً وَحَشَرْنَاَهُمْ فَلَمْ يُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا (47) وَعَرَضُوا عَلَى رَبِّكَ صَفًّا لَقَدْ جِئْتُمُونَا كَمَا خَلَقْنَاكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ بَلْ زَعَمْتُمْ أَلَّنْ نَجْعَلَ لَكُمْ مَوْعِدًا (48)

Terjemahannya: (Dan (ingatlah) pada hari Kami (Allah) menggerakkan gunung-ganang dan engkau akan melihat muka bumi itu rata serta Kami menghimpunkan mereka (di padang mahsyar) sehingga Kami tidak akan meninggalkan seseorang pun daripada mereka (47) Dan mereka tetap akan dibawa kehadapan Tuhanmu dalam keadaan berbaris (Allah berfirman): “Sesungguhnya kamu datang kepada Kami sebagaimana Kami menciptakanmu pada mulanya; bahkan kamu dahulu mengatakan bahawa Kami sekali-kali tidak akan menjadikan untuk kamu masa yang tertentu (48)) (Surah *al-Kahfi* 18:47-48).

Dalam ayat ini, terdapat perpindahan daripada elemen ancaman dan kiasan kepada kesalahan kepada penjelasan mengenai kesalahan golongan yang kufur (al-Ḥanbaliy, 1998, vol.12:505). Mereka mempercayai bahawa janji Allah S.W.T. iaitu kebangkitan semula selepas kematian pasti tidak berlaku kepada mereka (Ibn ‘Āsyūr, 1984, vol.15:337). Maka, partikel *bal* dalam ayat berkenaan ialah partikel ‘*atf*’ yang mengandungi makna *الإِضْرَابُ* *الإِضْرَابُ* iaitu penukaran sesuatu tujuan kepada tujuan lain (Balyanṭaṭ et al., 2017:101). Contoh partikel *bal* yang mengandungi makna *istidrāk* ialah ayat *لَا تَشْرَبُ الشَّايَ بَلِ اللَّبَنَ* (*Engkau tidak meminum teh tetapi susu*). Penafian dan penetapan berlaku dalam contoh ini iaitu menafikan perlakuan meminum teh dan menetapkan perlakuan meminum susu.

9) لَّا (*lā*)

Partikel *lā* mengandungi makna penafian, menetapkan *ma‘tūf ‘alayh* dan menafikan *ma‘tūf* (al-Ghalāyīniy, 2015:683). Antara syarat partikel *lā* berfungsi sebagai kata hubung ialah *ma‘tūf* mestilah berbentuk kata tunggal dan bukan ayat serta partikel *lā* berkenaan

terletak selepas ayat penyata atau ayat suruhan. Contohnya: قَامَ زَيْدٌ لَّا عَمْرُوً (Zayd yang telah berdiri dan bukannya 'Amr). Partikel *lā* yang terdapat dalam contoh ini adalah kata hubung. Partikel *lā* ini menetapkan perlakuan duduk ke atas *ma'tūf 'alayh (Zayd)* dan menafikan perlakuan duduk ke atas *ma'tūf ('Amr)* yang berbentuk kata tunggal.

2.4 Analisis Kritis

Kajian-kajian lepas yang telah dikemukakan dalam bahagian ini cuba mengenal pasti sejauh mana kajian berkaitan *'atf* dan *wāw 'atf* diketengahkan dalam kajian terdahulu. Kebanyakan kajian lepas berkaitan dengan *wāw 'atf* lebih tertumpu kepada partikel *'atf* dalam konteks yang umum. Kajian Zahazan (2001), Rokiah (2006), Md Isa (2009), al-Ṭawīl (2009), 'Alī (2014), Balyanṭaṭ et al. (2017) semuanya memperkatakan tentang partikel-partikel *'atf* dalam konteks umum tanpa memfokuskan kepada partikel *'atf* tertentu atau petanda-petanda maknanya sebagai subjek kajian.

Zahazan (2001) menumpukan kajian kepada *faṣl (pemisahan)* dan *waṣl (penyambungan)*. Md Isa (2009) pula memberikan penekanan kepada penentuan fungsi partikel sama ada *'atf* atau sebaliknya. Rokiah (2006), Muḥammad (2009) serta Balyanṭaṭ et al. (2017) pula memberikan tumpuan yang lebih kepada kekerapan partikel *'atf* yang digunakan dalam surah-surah tertentu. Tinjauan terhadap kajian al-Ṭawīl (2009) dan 'Alī (2014) mendapati bahawa mereka memberikan penekanan kepada kesan makna-makna semantik dalam partikel *'atf* terhadap perbezaan pendapat yang berlaku dalam kalangan para sarjana terhadap permasalahan fikah seperti isu turutan (*tartīb*) dalam berwuduk, sebahagian masalah perceraian (*talāq*), kebebasan (*'itāq*) dan wakaf.

Hardān (2008) pula memfokuskan kajiannya kepada perbezaan antara *wāw*, *fā'* dan *thumma* dalam al-Quran dari sudut makna-maknanya secara umum. Tinjauan terhadap kajian Ballfuḍayl (2017) pula mendapati beliau memberikan penekanan yang meluas kepada jenis-jenis *wāw* yang digunakan dalam surah *al-Baqaraṭ* berbanding dengan aspek perbahasan *wāw 'atf*. Selain itu, terdapat juga kajian mengenai *wāw 'atf* seperti kajian Lukman Jamaluddin (2011) yang menyentuh mengenai perbahasan kesan *wāw 'atf* terhadap pentafsiran ayat-ayat *birr al-wāliḍayn* tanpa memberikan penekanan kepada petanda dan makna *wāw 'atf*. Berbeza dengan kajian ini yang akan memfokuskan kepada kekerapan, petanda dan makna *wāw 'atf* serta perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf*. Suatu yang jelas ialah kajian-kajian terdahulu tidak menerapkan sebarang teori sebagai landasan kajian.

Di samping itu, analisis terhadap kajian lepas dalam kalangan pengkaji tempatan dan antarabangsa pula menunjukkan masih kurangnya kajian yang melibatkan *wāw 'atf* secara khusus. Kebanyakan pengkaji terdahulu lebih cenderung memberikan keutamaan kepada partikel-partikel *'atf* secara umum berbanding dengan penjelasan terperinci mengenai *wāw 'atf*. Maka, kajian yang mengupas mengenai *wāw 'atf* adalah penting bagi mengisi kekurangan yang terdapat dalam kajian-kajian terdahulu dengan memfokuskan kepada kekerapan *wāw 'atf*, petanda dan makna *wāw 'atf* serta perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dalam surah *al-Rūm*.

2.5 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan secara teoritikal tentang *'atf* dalam bahasa Arab. Definisi dan jenis-jenis *'atf* serta beberapa isu berkaitan yang diutarakan oleh ramai sarjana turut dikupas. Seterusnya, bab ini telah membicarakan beberapa aspek yang berkaitan dengan *'atf nasq*.

Kesimpulannya; istilah *'atf* membawa maksud menggabungkan antara perkataan dengan perkataan sama ada yang berbentuk kata nama atau kata kerja. Elemen asas *'atf* pula terdiri daripada *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf*. *'Atf* boleh berlaku antara perkataan dengan perkataan yang sama jenis atau berlainan serta perkataan dengan ayat. Pembahagian *'atf* terbahagi kepada dua kategori. Jenis *'atf* yang tidak menggunakan kata tugas dinamakan *'atf bayān*. *'Atf* yang menggunakan kata tugas untuk menggabungkan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* pula disebut *'atf nasq*. Fungsi dan makna partikel-partikel *'atf nasq* adalah tidak tetap dan bergantung kepada konteks ayat.

Terdapat perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* yang mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu dalam sesuatu ayat. Demikianlah beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji bahasa tentang literatur berkaitan dengan kajian *wāw 'atf* atau kajian yang hampir dengannya.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini mengemukakan kaedah yang digunakan dalam kajian. Secara umumnya, bab ini membincangkan perkara yang berkaitan dengan reka bentuk kajian, konsep kajian, metode pengumpulan dan penganalisaan data.

3.2 Reka Bentuk Kajian


Kajian akan membincangkan mengenai *wāw 'atf*, petanda dan makna *wāw 'atf* serta perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dalam surah *al-Rūm*. Kajian ini berbentuk kualitatif yang bersifat deskriptif. Kajian akan merujuk kepada al-Quran, buku-buku Nahu, tafsir al-Quran, kamus-kamus Arab dan artikel-artikel berkaitan tajuk kajian.

Untuk menentukan *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm*, penulis akan menggunakan teori Ibn Hisyām. Penulis akan mengaplikasikan teori Ibn Qayyim bagi menentukan petanda dan makna *wāw 'atf*. Untuk merumuskan perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dalam surah *al-Rūm*, penulis juga akan menggunakan teori Ibn Qayyim.

3.3 Konsep Kajian


Konsep kajian ini dibina berdasarkan kepada pendekatan makna *wāw 'atf* oleh Ibn Hisyām (2013) dan teori *wāw 'atf* yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim (t.t). Rasional di sebalik penggunaan teori ini adalah untuk melakukan analisis secara kritis terhadap bahan kajian. Selain itu, penggunaan teori juga bertujuan mengenal pasti petanda dan makna *wāw 'atf* serta perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dalam surah *al-Rūm*.

Objektif pertama dijalankan berdasarkan pendekatan makna *wāw 'atf* oleh Ibn Hisyām (2013) yang boleh dipaparkan seperti rajah 3.1 berikut:



Rajah 3.1: Pendekatan makna *wāw 'atf* oleh Ibn Hisyām (2013)

Objektif kajian kedua dan ketiga pula dijelaskan berpandukan kepada teori *wāw 'atf* oleh Ibn Qayyim (t.t) yang boleh diringkaskan seperti berikut:



Rajah 3.2: Teori *wāw 'atf* oleh Ibn Qayyim (t.t)

3.3.1 Makna *Wāw ‘Atf*

Majoriti sarjana Nahu berpendapat bahawa *wāw ‘atf* mengandungi makna menghimpunkan semata-mata (الْجَمْعُ الْمَطْلُوقُ). Ini bermaksud *wāw ‘atf* menunjukkan kepada perkongsian makna yang berlaku antara *ma ‘tūf ‘alayh* dan *ma ‘tūf* namun tiada petanda yang menunjukkan elemen apakah yang berlaku terlebih dahulu (al-Mubarrad, 1994, vol.1:148).

Ibn Hisyām (2010, vol.2:758) berpendapat bahawa terdapat sebahagian sarjana Nahu menggunakan istilah الْجَمْعُ الْمَطْلُوقُ berbanding مُطْلُوقُ الْجَمْعِ. Menurut beliau, penggunaan istilah الْجَمْعُ الْمَطْلُوقُ adalah tidak tepat. al-Suyūṭiy (1998, vol.3:131) juga lebih cenderung kepada pendapat Ibn Hisyām. Hujah Ibn Hisyām (2010, vol.2:758) adalah istilah الْجَمْعُ الْمَطْلُوقُ melibatkan istilah menghimpunkan (الْجَمْعُ) yang terikat dengan istilah semata-mata (الإِطْلَاقُ). Maka, makna semata-mata dalam istilah ini akan menggambarkan *wāw ‘atf* tidak terikat dengan makna-makna yang berkemungkinan wujud seperti makna turutan, turutan berlawanan atau bersama sedangkan makna *wāw ‘atf* yang disepakati oleh majoriti sarjana adalah sebaliknya.

Walaupun begitu, dari sisi yang lain, sebahagian sarjana seperti al-Subkiy, al-Jayzāwiy serta al-Damāmīniy berbeza pendapat dengan Ibn Hisyām mengenai penggunaan istilah الْجَمْعُ الْمَطْلُوقُ dan istilah مُطْلُوقُ الْجَمْعِ (Muḥammad, 2016:162). al-Damāmīniy dalam Muḥammad (2016:162) menegaskan bahawa kedua-dua istilah berkenaan iaitu الْجَمْعُ الْمَطْلُوقُ dan مُطْلُوقُ الْجَمْعِ bagi makna *wāw ‘atf* adalah tepat kerana kedua-duanya memberi makna yang sama. Menurut al-Subkiy dalam Muḥammad (2016:162) terdapat golongan yang membezakan antara dua istilah berkenaan kerana kesan daripada perbezaan makna istilah yang dicipta oleh mereka iaitu istilah مُطْلُوقُ الْمَاءِ (*semata-mata air*) dan الْمَاءُ الْمَطْلُوقُ (*air semata-mata*).

Contohnya, menurut al-Anṣāriy dalam al-Subkiy (1971, vol.2:149) istilah *مُطْلَقُ الْمَاءِ* bermaksud air terbahagi kepada tiga jenis iaitu suci, suci yang tidak menyucikan dan bernajis. Istilah *المَاءُ الْمُطْلَقُ* pula bermaksud air mengandungi satu sifat sahaja iaitu suci kerana istilah ini bebas daripada sebarang ikatan (Ibn Najjār, 1993, vol.1:231). Walau bagaimana pun, al-Subkiy dalam Muḥammad (2016:162) menegaskan bahawa istilah semata-mata (*المُطْلَقُ*) dalam istilah *المَاءُ الْمُطْلَقُ* bukanlah *المُطْلَقُ* yang difahami dari sudut bahasa tetapi merupakan istilah syarak yang menunjukkan pembahagian jenis air. Oleh kerana itu, istilah *المَاءُ الْمُطْلَقُ* memberi makna yang berbeza dengan makna yang difahami dari sudut bahasa.

Ibn Hisyām (2013:328) berpendapat bahawa *wāw ‘atf* berkemungkinan mengandungi salah satu daripada makna berikut iaitu turutan, turutan berlawanan atau bersama. Makna-makna ini ditentukan berdasarkan petanda-petanda yang menunjukkan kepada makna-makna berkenaan dalam sesuatu ayat. Ibn Hisyām (2013:328) menyatakan “jika disebut *جَاءَ زَيْدٌ وَعَمْرُو* (Zayd dan ‘Amr telah datang), maka pernyataan ini bermaksud mereka terlibat dalam perbuatan datang. Namun, ayat ini mempunyai tiga kemungkinan makna iaitu:

- 1) mereka datang secara bersama (*المُصَاحَبَةُ*) iaitu Zayd dan ‘Amr datang bersama.
- 2) mereka datang secara turutan (*التَّرْتِيبُ*) iaitu Zayd datang sebelum ‘Amr.
- 3) mereka datang secara turutan berlawanan (*التَّرْتِيبُ الْعَكْسِيُّ*) iaitu ‘Amr datang terlebih dahulu sebelum Zayd. Makna sebenar ayat akan difahami jika terdapat petanda yang menunjukkan makna *wāw ‘atf*.

Masyarakat Arab pada kebiasaannya mendahulukan suatu penerangan yang terpenting dalam ujaran mereka (Sībawayh, 1988, vol.1:34). Hisyām, Quṭrub, Tha‘lab dan al-Zāhid berpendapat bahawa *wāw ‘atf* mengandungi makna turutan apabila terdapat perbezaan masa antara kejadian *ma ‘tūf ‘alayh* dan *ma ‘tūf*. Ibn Hisyām (2010, vol.2:758) menyatakan bahawa *ma ‘tūf ‘alayh* dan *ma ‘tūf* yang digabungkan dengan *wāw ‘atf* berkemungkinan melibatkan

tempoh masa yang pendek atau panjang dari sudut kejadian peristiwanya. Hal ini kerana makna turutan yang berkemungkinan terkandung dalam *wāw* ‘*atf* tidak terikat dengan had dan tempoh masa tertentu (al-Mubarrad, 1994, vol.1:229). Contohnya, firman Allah S.W.T.:

إِنَّا رَادُّوهُ إِلَيْكَ وَجَاعِلُوهُ مِنَ الْمُرْسَلِينَ (7)

Terjemahannya: *(Sesungguhnya Kami (Allah) akan mengembalikannya (Musa) kepadamu (ibu Musa) dan menjadikannya (Musa) sebagai salah seorang rasul)* (Surah *al-Qaṣaṣ* 28:7).

Nabi Musa telah dikembalikan kepada ibunya setelah beliau menghanyutkannya ke sungai Nil dan diangkat menjadi utusan Allah ketika beliau berumur 40 tahun (Ibn Hisyām, 2010, vol.2:758). Maka, tempoh masa antara peristiwa kembalinya Nabi Musa a.s ke pangkuan ibunya dan peristiwa beliau diangkat menjadi utusan Allah S.W.T. melibatkan tempoh yang lama.

Wāw ‘*atf* juga berkemungkinan mengandungi makna turutan berlawanan (Ibn Hisyām, 2012:328). Contohnya, Allah S.W.T. berfirman:

يَا مَرْيَمُ اقْنُتِي لِرَبِّكِ وَاسْجُدِي وَارْكَعِي مَعَ الرَّاكِعِينَ (43)

Terjemahannya: *(Wahai Maryam, taatlah kepada Tuhanmu, sujud dan rukuklah bersama orang yang rukuk)* (Surah *Āli-‘Imrān* 3:43).

Seperti yang dimaklumi, rukuk adalah perlakuan sebelum sujud. Namun begitu, perkataan sujud (اسْجُدِي) disebut terlebih dahulu sebelum perkataan rukuk (ارْكَعِي) dalam ayat berkenaan dan ini menunjukkan *wāw* ‘*atf* yang terletak antara dua perkataan ini mengandungi makna turutan berlawanan. Hal ini kerana terdapat petanda susunan yang menunjukkan kepadanya. Contoh lain pula ialah firman Allah S.W.T.:

إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَىٰ نُوحٍ وَالتَّبِيِّينَ مِنْ بَعْدِهِ ۗ وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ
وَالْأَسْبَاطِ وَعِيسَىٰ وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ وَهَارُونَ وَسُلَيْمَانَ...

Terjemahannya: (Sesungguhnya Kami (Allah) telah memberikan wahyu kepadamu (Muhammad) sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nuh dan nabi-nabi yang kemudiannya, dan Kami telah memberikan wahyu (pula) kepada Ibrahim, Ismail, Ishāq, Ya‘qūb dan anak cucunya, ‘Īsā, Ayyūb, Yūnus, Hārūn, Sulaymān...) (Surah al-Nisā’ 5:163).

Nabi ‘Īsā a.s hidup selepas zaman Nabi Ayyūb a.s. Oleh itu, *wāw* ‘*atf* yang terletak antara perkataan *عِيسَىٰ* dan perkataan *أَيُّوبَ* dalam ayat ini mengandungi makna turutan berlawanan. Begitu juga *wāw* ‘*atf* yang terletak antara perkataan *يُونُسَ* dan perkataan *هَارُونَ* yang mengandungi makna turutan berlawanan. Hal ini kerana Nabi Hārūn a.s hidup sebelum zaman Nabi Yūnus a.s. Justeru terdapat petanda zaman yang menunjukkan kepada makna turutan berlawanan yang terkandung dalam *wāw* ‘*atf* pada rangkai kata *وَهَارُونَ*.

Wāw ‘*atf* juga berkemungkinan mengandungi makna bersama (Ibn Hisyām, 2013:328).

Allah S.W.T. berfirman:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ...

Terjemahannya: (Dan (ingatlah) ketika Ibrahim membina asas-asas Baitullah bersama Ismail...) (Surah al-Baqarāṭ 2:127).

Wāw ‘*atf* yang terdapat pada perkataan *وَإِسْمَاعِيلُ* mengandungi makna bersama. Hal ini difahami melalui petanda masa yang menunjukkan kepadanya. Menurut al-Rifā‘iy (1989, vol.1:107) Nabi Ibrahim a.s membina asas-asas Baitullah bersama Nabi Ismail a.s. Nabi Ismail memberikan batu-bata sementara ayahnya Nabi Ibrahim, memasang batu-bata tersebut. Mereka bersama-sama membina Baitullah dengan menggunakan batu-bata berkenaan dan apabila Baitullah semakin tinggi, Nabi Ismail memberikan sebiju batu kepada ayahnya untuk dijadikan tempat pijak. Tempat pijak berkenaan merupakan *maqām* (tempat berdiri) Nabi Ibrahim a.s (al-Rifā‘iy, 1989, vol.1:107).

Wāw juga mempunyai ciri yang tidak dimiliki oleh kata hubung lain. Antaranya, hanya *wāw* ‘*atf*’ boleh digunakan untuk menggabungkan antara perkara yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain (al-Andalūsiy, 1998). Ini bermaksud hanya *wāw* ‘*atf*’ boleh digunakan dalam ayat yang tidak memadai dengan elemen *ma* ‘*tūf*’ ‘*alayh*’ sahaja. Contohnya, *إِخْتَصَمَ زَيْدٌ وَعَمْرُو* (*Zayd dan ‘Amr saling berbalah*). Tidak memadai sekiranya ayat *إِخْتَصَمَ زَيْدٌ* (*Zayd saling berbalah*) (iaitu hanya *ma* ‘*tūf*’ ‘*alayh*’ (*Zayd*) yang dinyatakan dalam ayat. Hal ini kerana kata kerja *إِخْتَصَمَ* (*saling berbalah*) hanya berlaku dengan penglibatan banyak pihak secara beramai-ramai (Ibn ‘Aqīl, 1980, vol.3:227).

Kata kerja ini tergolong dalam jenis *af‘āl nisbiyyat* iaitu perbuatan yang hanya berlaku dengan penglibatan dua pihak dan ke atas (al-Kīsiy, 1987:390). Misalnya, kata kerja *الِإِشْتِرَاكُ* (*penglibatan bersama*), *الِإِصْطِفَافُ* (*perbarisan*) dan *الِإِخْتِصَامُ* (*perbalahan*). Sebagai contoh: *إِصْطَفَى زَيْدٌ وَعَمْرُو* (*Zayd dan ‘Amr saling berbaris*). *Wāw* ‘*atf*’ yang terdapat pada rangkai kata *وَعَمْرُو* dalam contoh ini mengisyaratkan kepada makna bersama. Hal ini kerana kata kerja *إِصْطَفَى* (*saling berbaris*) hanya berlaku dengan penglibatan bersama antara dua pihak dan ke atas.

3.3.2 Pengertian Petanda Makna *Wāw* ‘*Atf*’

Makna-makna yang terkandung dalam *wāw* ‘*atf*’ ditentukan berdasarkan kepada petanda *(القَرِينَةُ)* yang terdapat dalam ayat yang mengandungi *ma* ‘*tūf*’ ‘*alayh*’ dan *ma* ‘*tūf*’. Proses menganalisis petanda dan makna *wāw* ‘*atf*’ dalam surah *al-Rūm* adalah berpandukan kepada teori *wāw* ‘*atf*’ yang dicetuskan oleh Ibn Qayyim.

Hal ini difahami apabila Ibn Qayyim (t.t, vol.1:61) berpendapat bahawa “sesuatu ungkapan mendahului ungkapan lain disebabkan makna ungkapan itu yang mendahului

dalam hati dan sanubari manusia. Hal ini berlaku disebabkan oleh kewujudan petanda-petanda khusus yang terdapat pada ungkapan berkenaan”. Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:61) petanda-petanda makna *wāw ‘atf* berkenaan ialah:

- 1) Masa (الزَّمَانُ)
- 2) Keadaan semula jadi (الطَّبْعُ)
- 3) Sebab (السَّبَبُ)
- 4) Susunan (الرُّتْبَةُ)
- 5) Kemuliaan dan kesempurnaan (الْفَضْلُ وَالْكَمَالُ)

Ibn Hisyām (2013:328) berpendapat bahawa *wāw ‘atf* yang mengandungi makna menghimpunkan semata-mata berkemungkinan mengandungi salah satu daripada makna berikut iaitu turutan, turutan berlawanan atau bersama. Makna-makna *wāw ‘atf* ini tidak diketahui berdasarkan kepada partikelnya tetapi berdasarkan kepada petanda luar yang menunjukkan kepada makna-makna berkenaan (Ibn Abī al-Rabī‘, 1986:334).

Petanda luar ini bermaksud petanda yang terdapat sama ada pada perkataan atau ayat. Sekiranya gabungan antara *ma ‘tūf ‘alayh* dengan *ma ‘tūf* dapat difahami secara khusus dalam sesuatu ayat, maka kefahaman ini juga adalah salah satu bentuk petanda makna *wāw ‘atf* (Ibn Hisyām, 2013:328). Contohnya, firman Allah S.W.T.:

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زُلْزَالَهَا (1) وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا (2)

Terjemahannya: (Apabila bumi digoncangkan dengan goncangan yang dahsyat (1) Dan bumi telah mengeluarkan beban-beban berat (yang dikandungnya) (2)) (Surah al-Zalzalat 99:1-2).

Isi kandungan ayat di atas difahami secara khusus iaitu pengeluaran isi bumi (الإِخْرَاجُ) terjadi setelah gempa bumi (الزَّلْزَلَةُ) berlaku dan kefahaman ini tidak terbit daripada *wāw ‘atf* yang terdapat dalam ayat (Ibn Abī al-Rabī‘, 1986:334). Secara tidak langsung, *wāw ‘atf* yang terdapat dalam ayat ini mengandungi makna turutan berdasarkan kepada petanda khusus yang difahami (Ibn Hisyām, 2013:328).

Kedudukan partikel *wāw* berada di tengah-tengah antara dua elemen *‘atf*. Elemen yang terletak sebelum *wāw ‘atf* dikenali sebagai *ma‘tūf ‘alayh* manakala elemen yang terletak selepas *wāw ‘atf* dikenali sebagai *ma‘tūf*. *Ma‘tūf ‘alayh* dan *ma‘tūf* boleh datang dalam bentuk perkataan mahupun ayat (al-Jārim et al., 1929, vol.3:153). Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:61) salah satu daripada dua elemen *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* lebih berhak untuk *ditaqdimkan* dan penutur lebih mengambil berat mengenai penjelasan elemen yang *ditaqdimkan*. Hal ini merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian disebabkan kepentingannya yang sangat besar dalam memahami al-Quran dan Hadith. Hal ini juga berkait rapat dengan hikmah *mentaqdimkan* elemen yang berhak *ditaqdimkan* dan *menta'khīrkan* elemen yang berhak *dita'khīrkan* (Ibn Qayyim, t.t, vol.1:61).

Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:61) “apa yang mendahului dalam sesuatu ayat akan mendahului dalam bahasa berdasarkan kepada maknanya yang mendahului dalam jiwa. Sesuatu elemen mendahului elemen lain disebabkan oleh maknanya yang mendahului dalam hati dan sanubari manusia. Makna-makna berkenaan mendahului yang lain disebabkan oleh kewujudan petanda khusus yang terdapat padanya. Petanda-petanda berkenaan ialah masa (الزَّمَانُ), keadaan semula jadi (الطَّبْعُ), sebab (السَّبَبُ), susunan (الرُّتْبَةُ) dan kemuliaan serta kesempurnaan (الْفَضْلُ وَالْكَمَالُ). Terdapat kemungkinan sesuatu elemen mendahului yang

lain disebabkan oleh kewujudan satu petanda atau lebih (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:63). Petanda-petanda ini difahami dengan merujuk kepada *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* dalam sesuatu ayat.

1) Petanda masa (الزَّمَانُ)

Petanda masa merujuk kepada sesuatu perkara sama ada telah, sedang atau akan berlaku pada masa akan datang. Jika masa *ma'tūf 'alayh* mendahului masa *ma'tūf*, maka terdapat petanda masa yang memberi makna turutan dalam *wāw 'atf* yang terletak antara keduanya (Ibn Qayyim, t.t). Contohnya, firman Allah S.W.T.:

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَقُلْ أَنْذَرْتُكُمْ صَاعِقَةً مِثْلَ صَاعِقَةِ عَادٍ وَثَمُودَ

Terjemahannya: *(Jika mereka berpaling, maka katakanlah: “Aku telah memberi amaran kepada kamu akan (bencana) petir seperti petir yang menimpa kaum ‘Ād dan kaum Thamūd”)* (Surah *Fuṣṣilat* 41:13).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan *عَادٍ* (kaum 'Ād) dan *ma'tūf* ialah perkataan *ثَمُودَ* (kaum Thamūd). Bencana dalam bentuk petir ditimpakan oleh Allah S.W.T. kepada kaum 'Ād terlebih dahulu sebelum bencana berkenaan menimpa kaum Thamūd. Hal ini kerana kaum 'Ād hidup sebelum zaman kaum Thamūd. Oleh yang demikian, ayat berkenaan mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna turutan pada perkataan *وَتَمُودَ*.

Contoh lain Allah S.W.T. berfirman:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ وَالنُّورَ...

Terjemahannya: *(Segala puji bagi Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menjadikan gelap dan terang...)* (Surah *al-An'ām* 6:1).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan *الظُّلُمَاتِ* (kegelapan) dan *ma'tūf* ialah perkataan *النُّورَ* (cahaya). Kegelapan mendahului cahaya secara zahir dan secara kefahaman yang boleh dicapai oleh akal (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:62). Ini difahami melalui firman Allah S.W.T.:

... فِي ظُلُمَاتٍ ثَلَاثٍ

Terjemahannya: (... dalam tiga kegelapan) (Surah al-Zumar 39:6).

Tiga kegelapan yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah kegelapan dalam perut, dalam rahim dan dalam selaput yang menutup bayi dalam rahim (Mohd Puzhi bin Usop et al., 2016:921). Keggelapan mendahului cahaya dan hal ini juga difahami secara logik akal berdasarkan kepada pengetahuan. Contohnya, Allah S.W.T. berfirman:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ...

Terjemahannya: (Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu pun dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani...) (Surah al-Nahl 16:78).

Kejahilan dan kebodohan adalah kegelapan secara logik akal. Dari sudut masa, kejahilan dan kebodohan mendahului cahaya pengetahuan (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:62). Justeru, ayat ini mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna turutan pada perkataan وَالنُّورَ.

Walaupun begitu, sekiranya masa *ma'tūf* mendahului masa *ma'tūf 'alayh*, maka ini mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna turutan berlawanan dalam *wāw 'atf* yang terletak antara keduanya. Sebagai contoh, firman Allah S.W.T.:

كَذَلِكَ يُوحِي إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ اللَّهُ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (3)

Terjemahannya: (Demikianlah Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana mewahyukan kepada engkau (Nabi Muhammad) dan kepada orang-orang sebelum engkau) (Surah al-Syūrā 42:3).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah rangkai kata *يُوحِي إِلَيْكَ* (Allah mewahyukan kepada kamu (Nabi Muhammad)) dan *ma'tūf* ialah rangkai kata *إِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ* (kepada orang-orang sebelum kamu). Pemberian wahyu kepada utusan-utusan Allah S.W.T. sebelum Nabi

Muhammad berlaku sebelum Allah S.W.T. memberikan wahyu kepada baginda S.A.W.. Oleh yang demikian, hal ini mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَالَّذِينَ مِنَ قَبْلِكَ*.

Namun, jika masa *ma'tūf 'alayh* dan masa *ma'tūf* berlaku pada tempoh yang sama, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna bersama dalam *wāw 'atf* yang terletak antara keduanya. Firman Allah S.W.T.:

(54) *فَقَدْ آتَيْنَا آلَ إِبْرَاهِيمَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَآتَيْنَاهُمْ مُلْكًا عَظِيمًا*...

Terjemahannya: (...*Sesungguhnya Kami (Allah) telah memberikan kitab dan hikmah kepada keluarga Ibrahim dan Kami telah memberikan kepada mereka kerajaan yang besar*) (Surah *al-Nisā'* 4:54).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan *الْكِتَابَ* (*kitab*) dan *ma'tūf* ialah perkataan *الْحِكْمَةَ* (*hikmah*). Menurut al-Ṭabariy (1994, vol.2:458) perkataan *الْكِتَابَ* dalam ayat berkenaan bermaksud kitab Allah S.W.T. yang diberikan kepada keturunan nabi Ibrahim seperti kitab Zabur dan kitab Taurat. Manakala perkataan *الْحِكْمَةَ* pula bermaksud segala jenis wahyu yang diberikan kepada mereka selain daripada kitab. Pemberian wahyu berbentuk kitab dan selain daripadanya berlaku kepada keturunan Nabi Ibrahim pada tempoh masa yang sama. Justeru, hal ini mengisyaratkan kepada petanda masa yang memberi makna bersama pada rangkai kata *وَالْحِكْمَةَ*.

2) Petanda keadaan semula jadi (الطَّبْعُ)

Petanda keadaan semula jadi merujuk kepada suatu keadaan atau konsep semula jadi yang tidak menunjukkan kepada proses atau peringkat tertentu dan terjadi sepertimana kebiasaannya (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:62). Contohnya konsep semula jadi bagi susunan angka,

keadaan umum sesuatu perkara mendahului keadaan khususnya, kumpulan haiwan mendahului kumpulan manusia, kumpulan objek mendahului kumpulan haiwan dan sebagainya pada kebiasaannya (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:62). Jika konsep *ma'tūf 'alayh* mendahului konsep *ma'tūf*, maka ini melibatkan petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan pada *wāw 'atf*. Contohnya firman Allah S.W.T.:

...فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَتْنِيْ وَثَلَاثَ...

Terjemahannya: (...maka nikahilah perempuan (lain) yang kamu senangi: berdua, bertiga...) (Surah *al-Nisā'* 4:3).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan *مَتْنِيْ* (*berdua*) dan *ma'tūf* ialah perkataan *ثَلَاثَ* (*bertiga*). *Ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* masing-masing melibatkan konsep semula jadi dan kebiasaan bagi susunan angka. Oleh yang demikian, konsep *ma'tūf 'alayh* (*berdua*) mendahului konsep *ma'tūf* (*bertiga*), maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَثَلَاثَ*.

Namun begitu, jika konsep *ma'tūf* mendahului konsep *ma'tūf 'alayh*, maka ini mengisyaratkan kepada petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan berlawanan pada *wāw 'atf*. Contohnya, Allah S.W.T. berfirman:

وَالْأَنْعَامَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ (5)

Terjemahannya: (Dan Dia telah menciptakan binatang ternak untuk kalian, padanya ada (bulu) yang menghangatkan dan beraneka ragam manfaat (kegunaan)) (Surah *al-Nahl* 16:5).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan *دِفْءٌ* (*(bulu) yang menghangatkan*) dan *ma'tūf* ialah perkataan *مَنْفَعٌ* (*beraneka ragam manfaat*). Menurut al-Syarbīniy (1971, vol.2:244) ayat ini menceritakan tentang manfaat binatang ternakan seperti unta, lembu, kambing dan sebagainya. *Ma'tūf 'alayh* (*(bulu) yang menghangatkan*) mengisyaratkan

kepada manfaat binatang ternakan secara khusus iaitu sebagai pakaian yang menghangatkan pemakainya manakala *ma'tūf* (*beraneka ragam manfaat*) mengisyaratkan kepada semua jenis manfaat binatang ternakan.

Justeru konsep manfaat *ma'tūf* berkenaan bersifat umum. Kebiasaannya ciri umum sesuatu konsep mendahului ciri khususnya (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:64). Oleh yang demikian hal ini mengisyaratkan kepada petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata وَمَنَافِعُ.

3) Petanda sebab (السَّبَبُ)

Petanda sebab merujuk kepada sebab dan punca sesuatu perkara serta kesan yang terhasil daripada sebab berkenaan (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:62). Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:62) elemen sebab mendahului elemen kesan. Justeru jika *ma'tūf 'alayh* ialah sebab kepada sesuatu perkara dan *ma'tūf* pula kesan yang terhasil daripada sebab berkenaan, maka hal ini menunjukkan kepada petanda sebab yang memberi makna turutan. Sebagai contoh firman Allah S.W.T.:

... إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ (222)

Terjemahannya: (... *Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri*) (Surah al-Baqarat 2:222).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah rangkai kata إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ (*sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat*) dan *ma'tūf* ialah rangkai kata يُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ (*Allah menyukai orang yang menyucikan diri*). Menurut al-Rasyīd (1995:73) perkataan التَّوَّابِينَ dalam ayat ini bermaksud golongan yang bertaubat daripada segala dosa dan maksiat.

Perkataan *الْمُتَطَهِّرِينَ* dalam ayat berkenaan pula bermaksud golongan yang menyucikan diri mereka daripada segala dosa, maksiat serta najis.

Ibn Qayyim (t.t, vol.1:62) berpandangan bahawa *ma'tūf 'alayh* (sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat) didahulukan ke atas *ma'tūf* (Allah menyukai orang yang menyucikan diri) kerana taubat merupakan sebab dan punca kesucian dan kebersihan seseorang. Oleh yang demikian, hal ini mengisyaratkan kepada petanda sebab yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ*.

Namun begitu, jika *ma'tūf 'alayh* ialah kesan yang terhasil daripada sebab sesuatu perkara dan *ma'tūf* ialah sebab kepada kesan berkenaan, maka ini menunjukkan kepada petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan. Misalnya, Allah S.W.T. berfirman:

فَلَنَقُصَّنَّ عَلَيْهِم بِعِلْمٍ ^ط وَمَا كُنَّا غَائِبِينَ (7)

Terjemahannya: (Kemudian Kami (Allah) pasti akan menceritakan kepada mereka (rasul-rasul dan umat-umat mereka), berdasarkan pengetahuan (yang meliputi apa yang mereka lakukan) dan sememangnya Kami tidak sekali-kali ghaib (bahkan sentiasa Mendengar, Melihat dan Mengetahui akan urusan kehidupan mereka) (Surah al-A'raf 7:7).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah rangkai kata *فَلَنَقُصَّنَّ عَلَيْهِم بِعِلْمٍ* dan *ma'tūf* ialah *مَا كُنَّا غَائِبِينَ*. Menurut al-Rāziy (1981, vol.14:25) rangkai kata *فَلَنَقُصَّنَّ عَلَيْهِم بِعِلْمٍ* menjelaskan bahawa Allah S.W.T. akan memperlihatkan kepada umat manusia segala perbuatan yang dilakukan oleh mereka sama ada tersembunyi atau terang jelas. Hal ini kerana Allah S.W.T. tidak akan ghaib, bahkan Dia Maha Mendengar, Melihat dan Mengetahui tentang segala urusan kehidupan manusia dan hal ini dijelaskan melalui *ma'tūf* (*مَا كُنَّا غَائِبِينَ*) dalam ayat ini. *Ma'tūf* berkenaan menjelaskan sebab manakala *ma'tūf 'alayh* (*فَلَنَقُصَّنَّ عَلَيْهِم بِعِلْمٍ*) pula menjelaskan kesan yang terhasil daripada sebab berkenaan. Justeru, hal ini mengisyaratkan kepada petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَمَا كُنَّا غَائِبِينَ*.

4) Petanda susunan (الرُّتْبَةُ)

Petanda susunan pula merujuk kepada perlakuan atau peristiwa yang mengisyaratkan kepada cara, proses atau peringkat yang mempunyai susunannya (Ibn Qayyim, t.t). Susunan ini dikesan berpusatkan kepada tahap sesuatu perkara, kuantiti, jarak dan sebagainya. Misalnya, tahap rendah ke tahap tinggi, jarak dekat ke jarak jauh dan kuantiti yang sedikit ke kuantiti yang banyak. Sekiranya susunan *ma'tūf 'alayh* mendahului susunan *ma'tūf*, maka hal ini melibatkan petanda susunan yang memberi makna turutan pada *wāw 'atf*. Contohnya firman Allah S.W.T.:

...يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ...

Terjemahannya: (...nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan menunggang unta yang kurus...) (Surah al-Hajj 22:27).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan رِجَالًا (*berjalan kaki*) dan *ma'tūf* ialah rangkai kata عَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ (*menunggang unta yang kurus*). *Ma'tūf 'alayh* (*berjalan kaki*) mendahului *ma'tūf* (*menunggang unta yang kurus*) kerana golongan yang datang ke Mekah untuk mengerjakan haji dalam keadaan berjalan kaki itu datang dari kawasan yang berdekatan dengannya. Manakala golongan yang menggunakan pengangkutan (*menunggang unta yang kurus*) untuk mengerjakan haji, mereka datang dari kawasan yang jauh dari Mekah (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:62). Unta yang kurus (ضَامِرٍ) menggambarkan kesukaran dan jauhnya perjalanan yang ditempuh oleh jemaah haji (Mohd Puzhi Usop et al., 2016:673).

Susunan jarak *ma'tūf 'alayh* (*berjalan kaki*) ke Mekah lebih dekat berbanding dengan susunan jarak *ma'tūf* (*menunggang unta yang kurus*) yang menggunakan pengangkutan iaitu jauh. Justeru, hal ini mengisyaratkan kepada petanda susunan yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ. Oleh yang demikian *wāw 'atf* pada rangkai kata وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ

ضَامِرٍ dalam ayat ini mengandungi makna turutan berdasarkan kepada dua petanda iaitu petanda susunan dan petanda kemuliaan (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:63).

Sekiranya susunan *ma'tūf* mendahului susunan *ma'tūf 'alayh*, maka ini melibatkan petanda susunan yang memberi makna turutan berlawanan pada *wāw 'atf*. Sebagai contoh, Allah S.W.T. berfirman:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ...

Terjemahannya: *(Kemudian Kami (Allah) menjadikan al-Quran diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih daripada kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada fasiq yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengendahkan ajaran al-Quran) dan di antaranya ada yang bersikap sederhana dalam beragama...)* (Surah Fāṭir 35:32).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah rangkai kata مِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ (di antara mereka ada fasiq yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri) dan *ma'tūf* ialah rangkai kata مِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ (di antaranya ada yang bersikap sederhana dalam beragama). Menurut al-Zamakhshariy (2009:886) rangkai kata (orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami) dalam ayat ini merujuk kepada umat Nabi Muhammad S.A.W.. Rangkai kata لِّنَفْسِهِ ظَالِمٌ bermaksud fasiq yang mengingkari perintah Allah S.W.T. manakala perkataan مُّقْتَصِدٌ dalam ayat berkenaan bermaksud golongan yang bercampur amalan kebaikan dan keburukannya.

Ma'tūf 'alayh (di antara mereka ada fasiq yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri) mendahului *ma'tūf* (di antaranya ada yang bersikap sederhana dalam beragama) kerana terdapat ramai golongan fasiq berbanding dengan golongan yang bersikap sederhana dalam beragama (al-Marṭa'iy 1992:120; al-Zamakhshariy 2009:886). Justeru, susunan kuantiti *ma'tūf 'alayh* lebih banyak berbanding dengan susunan kuantiti *ma'tūf*. Oleh yang demikian, hal ini mengisyaratkan kepada petanda susunan yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ.

5) Faktor kemuliaan serta kesempurnaan (الْفَضْلُ وَالْكَمَالُ)

Faktor kemuliaan merujuk kepada sesuatu perkara yang lebih mulia dan lebih afdal daripada yang lain (Ibn Qayyim, t.t). Jika kemuliaan *ma'tūf 'alayh* melebihi kemuliaan *ma'tūf*, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan pada *wāw 'atf*. Misalnya, firman Allah S.W.T.:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (56)

Terjemahannya: *(Aku (Allah) tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepadaKu)* (Surah *al-Dhāriyyat* 51:56).

Ma'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah perkataan *الْجِنَّ (jin)* dan *ma'tūf* ialah perkataan *الْإِنْسَ (manusia)*. al-Zuhayliy (1997, vol.27:48) berpendapat bahawa perkataan *الْجِنَّ* mendahului perkataan *الْإِنْسَ* dalam ayat ini kerana hakikatnya ibadah yang dilakukan oleh golongan jin adalah bersifat rahsia, tidak mempunyai unsur riak. Sifat riak ini wujud dalam ibadah yang dilakukan oleh golongan manusia. Oleh yang demikian golongan jin lebih mulia berbanding dengan golongan manusia dari sudut beribadah kepada Allah S.W.T. Hal ini kerana lafaz *الْجِنَّ* dalam ayat berkenaan merangkumi para malaikat (al-Rāziy 1981, vol.28:232). Justeru, kemuliaan *ma'tūf 'alayh (jin)* melebihi kemuliaan *ma'tūf (manusia)* dalam ayat berkenaan, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَالْإِنْسَ*.

Namun sebahagian sarjana seperti al-Qanūjiy (1992, vol.13:212) dan al-Syawkāniy (2007:1410) menegaskan bahawa perkataan *الْجِنَّ* mendahului perkataan *الْإِنْسَ* dalam ayat berkenaan kerana hakikatnya Allah S.W.T. mencipta golongan jin terlebih dahulu sebelum golongan manusia. Hal ini berdasarkan firman Allah:

وَالْجَانَّ خَلَقْنَاهُ مِنْ قَبْلُ مِنْ نَارِ السَّمُومِ (27)

Terjemahannya: *(Dan Kami telah menciptakan jin sebelum (Adam) daripada api yang sangat panas)* (Surah al-Hijr 15:27).

Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:63) perkataan الْجِنَّ mendahului perkataan الْإِنْسَ dalam ayat di atas disebabkan oleh dua petanda iaitu petanda kemuliaan dan petanda masa. Justeru, dapat disimpulkan bahawa *wāw 'atf* pada rangkaian kata وَالْإِنْسَ dalam ayat di atas mengandungi makna turutan berdasarkan dua petanda iaitu petanda kemuliaan dan petanda masa.

Contoh lain ialah Allah S.W.T. berfirman:

...فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا...

Terjemahannya: *(...iaitu kalau orang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka dan kalau orang kafir pula maka mereka akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan ini?)"* (Surah al-Baqarat 2:26).

Ma 'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah ayat فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ (iaitu kalau orang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka) yang melibatkan orang beriman dan *ma 'tūf* ialah ayat مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا (kalau orang kafir pula maka mereka akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?)" yang melibatkan orang kafir.

Orang beriman lebih mulia dan lebih tinggi kedudukannya berbanding dengan orang kafir (al-Suyūṭiy, 1988,vol.1:132; al-Mablagh, 2003,vol.1:409). Oleh yang demikian, kemuliaan *ma 'tūf 'alayh* dalam ayat berkenaan melebihi kemuliaan *ma 'tūf*, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan pada *wāw 'atf* dalam ayat ini.

Namun begitu, sekiranya kemuliaan *ma 'tūf* melebihi kemuliaan *ma 'tūf 'alayh*, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan berlawanan.

Contohnya, Allah S.W.T. berfirman:

...مَا يَعْزُبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ...

Terjemahannya: (...tidak akan lenyap daripada pengetahuan Tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-seringan yang ada di bumi dan di langit...) (Surah Yūnus 10:61).

Ma 'tūf 'alayh dalam ayat ini ialah klausa *مَا يَعْزُبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي الْأَرْضِ* (tidak akan lenyap daripada pengetahuan Tuhanmu sesuatu dari sehalus-halus atau seringan-seringan yang ada di bumi) dan *مَا يَعْزُبُ عَنْ رَبِّكَ مِنْ مِثْقَالِ ذَرَّةٍ فِي السَّمَاءِ* (di langit).

Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:63) langit adalah lebih mulia berbanding dengan bumi. al-Nawāwiy dalam al-Munāwiy (1972, vol.1:506) berkata: “majoriti ulama berpandangan bahawa langit lebih mulia berbanding dengan bumi”. al-Rāziy dalam al-Munāwiy (1972, vol.1:506) juga menegaskan bahawa langit lebih mulia berbanding dengan bumi kerana Allah S.W.T. menghiasi langit dengan bintang, matahari, arasy Allah S.W.T. dan sebagainya. Oleh yang demikian kemuliaan *ma 'tūf (langit)* dalam ayat di atas melebihi kemuliaan *ma 'tūf alayh (bumi)*, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkaian kata *وَلَا فِي السَّمَاءِ*.

3.3.3 Perkaitan Antara *Ma 'tūf 'Alayh* Dengan *Ma 'tūf*

Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:61) salah satu daripada dua elemen *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* lebih berhak untuk ditaqdimkan dan penutur lebih mengambil berat mengenai penjelasan elemen yang ditaqdimkan. Hal ini merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian disebabkan kepentingannya yang sangat besar dalam memahami al-Quran dan Hadith. Hal ini berkait rapat dengan hikmah mentaqdimkan elemen yang berhak ditaqdimkan dan menta'khīrkan elemen yang berhak dita'khīrkan.

Contohnya, firman Allah S.W.T.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ

Terjemahannya: (*Wahai orang beriman! Jangan kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak pinak kamu daripada mengingat Allah*) (Surah *al-Munāfiqūn* 63:9)

Gabungan antara *ma'tūf 'alayh* (أَمْوَالُكُمْ) dengan *ma'tūf* (أَوْلَادُكُمْ) dalam ayat di atas juga diulang dalam ayat 28 surah *al-Anfāl* dan ayat 37 surah *Saba'* dengan penggunaan pola *jam' taksīr*. Elemen *ma'tūf 'alayh* (*harta benda*) didahulukan ke atas elemen *ma'tūf* (*anak pinak*) dalam ayat-ayat berkenaan. Namun begitu, (*anak pinak*) didahulukan ke atas (*harta benda*) dalam ayat 24 surah *Tawbat* dan ayat 14 surah *Āli 'Imrān*.

Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:75) perbezaan konteks yang melatari ayat-ayat berkenaan menyebabkan adanya elemen yang lebih berhak untuk didahulukan di dalamnya. Ayat yang mendahulukan (*harta benda*) ke atas (*anak pinak*) melibatkan konteks kehidupan seharian yang dijalani oleh manusia dalam keadaan aman. Ayat diturunkan sebagai peringatan bagi manusia supaya tidak lalai terhadap harta benda dan tidak terlalu sibuk mengumpulkannya sehingga melupakan nasib diri pada hari akhirat kelak.

Seperti yang diketahui, kesibukan dan kelalaian manusia terhadap harta benda melebihi kesibukannya terhadap anak pinak.

Namun, ayat yang mendahulukan (*anak pinak*) ke atas (*harta benda*) melibatkan konteks tuntutan jihad di jalan Allah. Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:75) diketahui bahawa orang yang hendak berjihad akan memikirkan perpisahannya daripada ahli keluarga seperti anak-pinak melebihi perpisahan dan kehilangannya terhadap harta benda. Maka, gambaran tentang perpisahan daripada keluarga merupakan penghalang utama kepada perlakuan berjihad berbanding gambaran tentang kehilangan harta benda.

Justeru, ayat al-Quran menonjolkan susunan khusus apabila mentaqdīmkan elemen yang perlu ditaqdīmkan dan menta'khīrkan elemen yang perlu dita'khīrkan (t.t, vol.1:75). Maka, dalam bab 'atf ini, taqdīm dan ta'khīr antara elemen ma'tūf 'alayh dan ma'tūf mengisyaratkan kepada kehalusan makna tertentu dalam ayat. Oleh yang demikian, penulis ingin menganalisis elemen-elemen ini yang terdapat dalam surah *al-Rūm*.

3.4 Pengumpulan Data

Untuk mengumpul data, penulis akan mengeluarkan wāw 'atf yang terkandung dalam surah *al-Rūm* berdasarkan kepada teori Ibn Hisyām. Untuk memastikan ketepatan pengumpulan data, penulis akan merujuk kepada kitab fleksi al-Quran dan tafsir al-Quran seperti *al-Jadwal fī I'rāb al-Qur'ān wa Sharfihi wa Bayānihi* oleh Maḥmūd Ṣāfiy (1995), *I'rāb al-Qur'ān al-Karīm* oleh al-Ibrāhīm (2012) dan sebagainya. Sekiranya terdapat perbezaan pendapat terhadap wāw sama ada bersifat 'atf atau sebaliknya, penulis akan merujuk kepada buku-buku tafsir dan fleksi al-Quran yang lebih terperinci seperti *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* oleh Ibn 'Āsyūr (1984) dan *al-Durr al-Maṣūn fī 'Ulūm al-Kitāb al-Maknūn* oleh al-Samīn al-Ḥalabiy (1994) dan sebagainya.

3.5 Penganalisan Data

Dalam menganalisis data dan maklumat yang diperolehi, penulis mengumpulkan ayat dalam surah *al-Rūm* yang mengandungi wāw 'atf mengikut batasan kajian. Seterusnya, ayat kajian dibahagikan berdasarkan kepada kekerapan penggunaan wāw 'atf di dalamnya. Huraian dibuat dengan menyatakan bilangan wāw 'atf dalam ayat kajian, ma'tūf 'alayh, ma'tūf, fleksi elemen 'atf perkataan dengan perkataan serta ayat dengan ayat berdasarkan


kepada teori Ibn Hisyām (2013).

Kemudian ayat kajian dibahagikan pula berdasarkan kepada petanda makna *wāw 'atf* yang melatari ayat kajian. Setiap petanda memberi kesan kepada penentuan makna *wāw 'atf* dan analisis ini dilakukan berdasarkan kepada teori Ibn Qayyim (t.t). Ibn Qayyim (t.t, vol.1:61) berpendapat bahawa makna *wāw 'atf* akan ditentukan berdasarkan kepada petanda-petanda yang wujud iaitu masa (الزَّمَانُ), keadaan semula jadi (الطَّبْعُ), sebab (السَّبَبُ), susunan (الرُّتْبَةُ) dan kemuliaan serta kesempurnaan (الْفَضْلُ وَالْكَمَالُ). Bagi memastikan ketepatan petanda dan makna berkenaan, penulis akan merujuk kepada tafsir-tafsir al-Quran yang muktabar.

Setelah petanda dan makna *wāw 'atf* dalam ayat kajian dianalisis, penulis akan membahagikan ayat-ayat berkenaan berdasarkan kepada makna *wāw 'atf* iaitu ayat yang datang dengan makna turutan, turutan berlawanan atau bersama. Ini kerana di bahagian berkenaan, penulis akan merumus perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dalam ayat kajian berdasarkan teori Ibn Qayyim (t.t). Rumusan dilakukan dengan melihat perbandingan terhadap data-data yang diperolehi daripada para sarjana seterusnya membuat kesimpulan daripada perbandingan berkenaan.

3.6 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kepada penjelasan konsep teori, prinsip-prinsip dan contoh-contoh yang telah dihuraikan dalam bab ini, jelas bahawa aplikasi pendekatan makna *wāw 'atf* oleh Ibn Hisyām (2013) dan teori *wāw 'atf* oleh Ibn Qayyim (t.t) bersesuaian dengan objektif kajian yang secara ringkas bertujuan mengenal pasti *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm* sekaligus menganalisis petanda dan makna *wāw 'atf*, serta merumus perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dalam surah kajian. Keseluruhan konseptual kajian ini dapat diringkaskan seperti rajah 3.3 berikut:



Rajah 3.3: Kerangka konseptual kajian berdasarkan pendekatan makna *wāw 'atf* oleh Ibn Hisyām (2013) dan teori *wāw 'atf* oleh Ibn Qayyim (t.t)

3.7 Pengenalan Surah *Al-Rūm*

Surah *al-Rūm* merupakan surah ke-30 dalam al-Quran. Surah ini diturunkan selepas surah *al-Insyiqāq* dan mengandungi 60 ayat. Semua ayat yang terkandung di dalamnya diturunkan di Mekah kecuali ayat 17 yang diturunkan di Madinah (al-Baḥrāniy, 2006, vol.6:142). Surah ini dinamakan surah *al-Rūm* dan penamaannya adalah secara *tawqīfiy*. *Tawqīfiy* bermaksud sesuatu yang diterima oleh Rasulullah S.A.W. seperti yang terkandung dalam wahyu atau baginda yang menentukannya (al-Qaṭṭān, 1995:21-22).

Surah ini dikenali dengan nama *al-Rūm* semenjak zaman Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat lagi. Surah ini tidak dikenali dengan nama lain selain daripada nama ini (al-Dawsariy, 2005:303). Umumnya, surah ini diberi nama sebagai *al-Rūm* kerana pembukaan surah melibatkan penceritaan mengenai kemenangan Rom. Allah S.W.T. berfirman:

عُلِّبَتِ الرُّومُ (2) فِي أَدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِّنْ بَعْدِ غَلَبِهِمْ سَيَغْلِبُونَ (3)

Terjemahannya: (Bangsa Rom yang telah dikalahkan (2) Di negeri yang dekat sekali dan mereka (Rom) sesudah kekalahannya itu akan mengalahkan lawannya (Parsi) (3)) (Surah *al-Rūm* 30:2-3).

Pemberitahuan mengenai kemenangan mereka pada waktu akan datang merupakan salah satu mukjizat Rasulullah dalam memaklumkan tentang perkara-perkara ghaib (al-Dawsariy, 2005:304). Menurut al-Sajastāniy (1983, vol.2:135), surah ini dinamakan *al-Rūm* kerana isi kandungannya sarat dengan kisah mengenai mukjizat. Isi kandungannya juga menggembirakan orang beriman setelah kesedihan yang mereka lalui. Surah ini menghapuskan kegembiraan musuh-musuh orang beriman dan menceritakan kesudahan bagi musuh-musuh mereka dan ini merupakan matlamat teragung al-Quran.

Oleh kerana surah *al-Rūm* diturunkan di Mekah, maka surah ini menceritakan tentang isu-isu akidah Islam dalam konteks umum serta perkara yang ditekankan dalam Islam seperti kepercayaan kepada Tuhan yang Esa, ajaran-ajarannya serta kepercayaan kepada hari kebangkitan dan pembalasan (al-Ṣābūniy, 1981, vol.2:470).

3.7.1 Sebab Penurunan Ayat Surah *Al-Rūm*

Sarjana tafsir berpendapat bahawa Kisrā telah mengutus tentera ke Rom, diketuai oleh Syahrīrāz. Beliau memasuki Rom bersama dengan orang-orang Parsi lalu membunuh golongan Rom, menghancurkan kediaman serta memusnahkan tanaman mereka lalu Kaisar menghantar utusan bernama Yuḥannas. Beliau telah bertemu Syahrīrāz di kawasan bernama Adhri‘āt dan Buṣrā; terletak di bahagian bawah Syam (al-Wāḥidiy, 1991:354).

Ketika itu, Parsi telah mengalahkan Rom dan berita ini sampai ke pengetahuan Rasulullah S.A.W.. Para sahabat ketika itu berada di Mekah. Orang kafir Mekah bergembira terhadap kemenangan Parsi ke atas Rom. Apabila mereka bertemu dengan para sahabat, mereka berkata “sesungguhnya kamu semua merupakan Ahli Kitab, puak Nasrani (*golongan kristian yang beriman dengan Taurat atau Injil*) juga merupakan Ahli Kitab sedangkan kami pula adalah kaum *Ummiyyūn (golongan buta huruf)*. Saudara-saudara kami yang terdiri daripada bangsa Parsi telah mengalahkan saudara-saudara kamu yang berbangsa Rom dan jika kamu semua membunuh bangsa daripada kalangan kami, pasti kami tetap akan mengalahkan kamu”. Justeru, Allah S.W.T. menurunkan ayat-ayat surah *al-Rūm* (al-Wāḥidiy, 1991:354).

Sebab penurunan ayat surah *al-Rūm* juga dicatatkan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd al-Khudrī bahawa dia berkata: Ketika peperangan *Badar*, Rom telah menang ke atas Parsi, maka orang beriman mengagumi pencapaian tersebut lalu ayat pertama sehingga

ayat 4 surah *al-Rūm* diturunkan. Allah S.W.T. berfirman dalam ayat 4 surah ini: (المؤمنون) المؤمنون...يَفْرَحُ (“...orang beriman akan bergembira”) kerana kemenangan yang dicapai oleh Rom ke atas Parsi (al-Wāḥidiy, 1991:355).

3.7.2 Kepentingan Surah *Al-Rūm*

Antara kelebihan surah *al-Rūm* yang boleh disenaraikan adalah seperti berikut:

- 1) Sepuluh pahala kebaikan bagi sesiapa yang membacanya (al-Zarkasyiy, 1990, vol.6:142)

Sabda baginda S.A.W.:

رَوَى عَنْ رَسُولِ اللَّهِ: مَنْ قَرَأَ هَذِهِ السُّورَةَ كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ عَشْرَ حَسَنَاتٍ بَعْدَ كُلِّ مَلَكٍ يُسَبِّحُ اللَّهَ تَعَالَى فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ, وَأَذْرَكَ مَا ضَيَّعَ فِي يَوْمِهِ وَلَيْلَتِهِ...

Terjemahannya: (Diriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W. bahawa sesungguhnya baginda telah bersabda: Sesiapa yang membaca surah ini, baginya sepuluh pahala kebaikan, seluruh malaikat bertasbih kepada Allah yang berada antara langit dan bumi dan Allah akan memenuhi hajatnya sepanjang siang dan malam...).

- 2) Amalan Rasulullah S.A.W.

Berdasarkan riwayat ‘Abd al-Malik bin ‘Umayr, sesungguhnya Rasulullah S.A.W. membaca surah *al-Rūm* pada waktu fajar hari Jumaat. Dalam satu lagi riwayat dinyatakan bahawa Rasulullah S.A.W. menunaikan solat Subuh bersama-sama orang Islam lalu baginda membaca surah *al-Rūm* dalam solat (al-Syawkāniy, 2007).

3.7.3 Isi Kandungan Surah *Al-Rūm*

Bermula daripada ayat pertama sehingga ayat 7 surah *al-Rūm*, penceritaan dimulakan dengan satu kejadian ghaib yang amat penting. al-Quran telah mengkhabarkan mengenai kejadian yang masih belum berlaku iaitu kemenangan Rom dalam peperangan menentang Parsi. Peristiwa berkenaan akan berlaku pada tempoh yang terdekat pada waktu itu. Kejadian ini sememangnya berlaku dan menjadi bukti utama kebenaran Nabi Muhammad S.A.W. terhadap wahyu yang dibawa oleh baginda sekaligus menzahirkan kehebatan al-Quran (al-Şābūniy, 1981,vol.2:470).

Kemudian, ayat 8-10 surah *al-Rūm* menceritakan peperangan yang tercetus antara kumpulan yang menyembah Allah dan kumpulan yang menyembah syaitan. Peperangan tidak sesekali reda selagi wujud kebatilan dan kejahatan. Ayat berkenaan juga menceritakan bukti-bukti kemenangan kebenaran ke atas kebatilan pada zaman dan era yang pelbagai. Hal berkenaan merupakan ketetapan Allah S.W.T. yang tiada galang gantinya (al-Şābūniy, 1981,vol.2:470).

Selepas itu, ayat 11-19 surah ini pula memaparkan kejadian hari kiamat, pengakhiran buruk bagi golongan yang kufur dan sesat. Orang beriman akan dimasukkan ke dalam syurga manakala orang kafir akan ditempatkan di dalam neraka. Kesudahan ini pasti akan berlaku bagi semua manusia sama ada baik mahupun jahat (al-Şābūniy, 1981,vol.2:470).

Ayat 20-27 surah *al-Rūm* menghuraikan bukti-bukti kejadian alam semesta, perkara-perkara ghaib yang menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T. Di samping itu, ayat 28-49 surah ini turut menyebut beberapa contoh dan ciri-ciri yang membezakan antara golongan yang menyembah Allah dan golongan yang menyembah berhala.

Ayat 50 sehingga ayat terakhir surah *al-Rūm* menamatkan kisah di dalamnya dengan penceritaan mengenai orang kafir Quraisy. Tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. beserta peringatanNya tidak bermanfaat bagi orang kafir Quraisy meskipun mereka melihat tanda-tanda itu secara jelas. Mereka tidak mengambil iktibar dan pengajaran dan keadaan itu tidak ubah seperti orang yang telah mati; tidak dapat mendengar dan melihat (al-Ṣābūniy, 1981, vol.2:470).

3.8 Kesimpulan

Bertitik-tolak daripada objektif dan soalan kajian, maka penyelidikan ini direka bentuk dengan menggunakan kaedah kualitatif yang bersifat deskriptif sebagai metodologi utama. Surah *al-Rūm* dipilih sebagai bahan kajian untuk menjawab semua soalan kajian. Kerangka konseptual kajian dibina berpandukan teori makna *wāw 'atf* oleh Ibn Hisyām (2013) dan teori *wāw 'atf* oleh Ibn Qayyim (t.t) sebagai dasar. Rasional di sebalik pemilihan teori ini adalah untuk mendapatkan pemahaman mendalam terhadap bidang kajian di samping untuk mengenal pasti *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm*. Analisis juga dijalankan bagi mengenal pasti petanda dan makna *wāw 'atf* serta perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dalam surah *al-Rūm*.

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan dapatan kajian daripada penggunaan *wāw 'atf* yang terdapat dalam surah *al-Rūm*. Objektif kajian yang pertama adalah untuk mengenal pasti *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm* dengan menggunakan teori makna *wāw 'atf*. Objektif kedua adalah untuk menganalisis petanda dan makna *wāw 'atf* dengan menggunakan teori *wāw 'atf*. Manakala objektif ketiga adalah untuk merumuskan perkaitan antara *ma 'tūf 'alayh* dengan *ma 'tūf* dalam surah kajian dengan berpandukan teori *wāw 'atf*. Berikut adalah analisis berkaitan dengan objektif yang dibincangkan.

4.2 Mengenal pasti *Wāw 'Atf* Dalam Surah *Al-Rūm*

Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm*. Penulis akan membincangkan objektif pertama bermula dengan mengenal pasti *wāw 'atf* dalam bahan kajian. Terdapat sebanyak 35 ayat dalam surah *al-Rūm* yang mengandungi *wāw 'atf* dalam tempat yang berbeza.

Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat tiga pola penggunaan *wāw 'atf* dalam ayat-ayat yang dikaji. Pertama, ayat yang menggunakan satu *wāw 'atf* di dalamnya. Kedua ayat yang menggunakan dua *wāw 'atf* di dalamnya dan ketiga ayat yang menggunakan tiga *wāw 'atf* di dalamnya. Dalam subtopik ini, penulis akan menyusun ayat-ayat yang dikaji berdasarkan kepada bilangan *wāw 'atf* yang digunakan.

Ayat-ayat yang menggunakan hanya satu *wāw 'atf* sahaja berjumlah 23 ayat. Ayat-ayat tersebut ialah:

Jadual 4.1: Ayat-ayat yang mengandungi satu wāw ‘atf

Bil.	Ayat	No. Ayat
1	فِي بَضْعِ سِنِينَ لِلَّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدُ ...	4
2	بِنَصْرِ اللَّهِ يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ	5
3	ثُمَّ كَانَ عَاقِبَةَ الَّذِينَ أَسَاءُوا السُّؤَىٰ أَنْ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَكَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِئُونَ	10
4	فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَهُمْ فِي رَوْضَةٍ يُحْبَرُونَ	15
5	فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ	17
6	وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ	18
7	... أَنْ تَقُومَ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ ...	25
8	وَلَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّ لَّهُ قَانِتُونَ	26
9	... فَمَنْ يَهْدِي مَنْ أَضَلَّ اللَّهُ وَمَا لَهُمْ مِّن نَّاصِرِينَ	29
10	مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا ...	32
11	وَإِذَا أَدَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا بِهَا وَإِن تُصِيبَهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْتَضُونَ	36
12	... أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ ...	37
13	وَمَا آتَيْتُم مِّن رَّبِّا لِّيُرَبُّوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرُبُّوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُم مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ ...	39
14	... سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ...	40

Sambungan jadual 4.1

15	ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ...	41
16	مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِمْ يَمْهَدُونَ	44
17	لِيَجْزِيَ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ	45
18	فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ وَيَجْعَلُهُ كِسْفًا	48
19	...إِنَّ ذَلِكَ لَمُحِبِّي الْمَوْتَى وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ...	50
20	...لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَى وَلَا تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ	52
21	وَقَالَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَالْإِيمَانَ لَقَدْ لَبِثْتُمْ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِلَى يَوْمِ الْبَعْثِ...	56
22	فَيَوْمَئِذٍ لَا يَنْفَعُ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَعذِرَتُهُمْ وَلَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ	57
23	فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَلَا يَسْتَخِفَّنَّكَ الَّذِينَ لَا يُوقِنُونَ	60

Manakala lima ayat didapati menggunakan dua *wāw* 'atf di dalamnya. Ayat-ayat berkenaan ialah:

Jadual 4.2: Ayat-ayat yang mengandungi dua *wāw* 'atf

Bil.	Ayat	No. Ayat
1	وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَلِقَاءِ الْآخِرَةِ فَأُولَئِكَ فِي الْعَذَابِ مُحْضَرُونَ	16
2	وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ	21
3	... مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَابْتِغَاؤُكُمْ مِنْ فَضْلِهِ...	23
4	...يُرِيكُمْ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنزِلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً...	24
5	...ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ	54

Terdapat tujuh ayat yang menggunakan sebanyak tiga *wāw 'atf* di dalamnya. Ayat-ayat berkenaan dipaparkan seperti dalam jadual 4.3 di bawah:

Jadual 4.3: Ayat-ayat yang mengandungi tiga *wāw 'atf*

Bil.	Ayat	No. Ayat
1	أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا فِي أَنفُسِهِمْ مَا خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى ...	8
2	أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضِ وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ ...	9
3	يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَلِكَ تُخْرَجُونَ	19
4	... خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتَلَفُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ ...	22
5	وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ	27
6	فَآتَ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ذَلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ	38
7	أَن يُرْسِلَ الرِّيَّاحَ مُبَشِّرَاتٍ وَلِيُذِيقَكُمْ مِّن رَّحْمَتِهِ وَلِتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ وَلِتَبْتَغُوا مِن فَضْلِهِ ...	46

Kesimpulannya terdapat sebanyak 54 pengulangan penggunaan *wāw 'atf* dalam surah *al-Rūm* yang mempunyai sebanyak 60 ayat. Dapatan ini juga menunjukkan kekerapan yang tinggi penggunaan partikel ini dalam surah kajian. Dapatan ini menyokong dapatan 'Amāyirat (1988) yang menyatakan terdapat penggunaan lebih dari 1500 kali partikel ini dalam al-Quran al-Karim.

Terdapat juga ayat yang mempunyai kesinambungan ‘*atf* dengan ayat yang sebelumnya seperti ayat 17 dan 18. Perkataan وَعَشِيًّا dalam ayat 18 adalah merupakan *ma‘tūf* kepada rangkai kata حِينَ تُمَسُونَ dalam ayat sebelumnya.

Berdasarkan kepada pemerhatian terhadap elemen ‘*atf* perkataan dengan perkataan dalam surah *al-Rūm*, didapati kekerapan fleksi *ma‘tūf ‘alayh* dan *ma‘tūf* dengan kasus *majrūr* berjumlah 10. Manakala lapan elemen ‘*atf* dalam ayat kajian didapati berkasus *mansūb*. Terdapat juga tiga elemen ‘*atf* yang berkasus *marfū‘*.

Dalam bahagian elemen ‘*atf* perkataan dengan perkataan yang berkasus *majrūr*, terdapat gabungan antara *ma‘tūf ‘alayh* (السَّمَاوَاتِ) dengan *ma‘tūf* (الأَرْضِ) yang diulang dalam ayat 18, 22, 26 dan 27 surah *al-Rūm*. *Ma‘tūf* (الأَرْضِ) berkasus *majrūr* kerana mengikuti fleksi *ma‘tūf ‘alayh* (السَّمَاوَاتِ) yang berkasus *majrūr* kerana berkedudukan sebagai *muḍāf ilayh* dalam ayat. Dalam ayat 4, *ma‘tūf* (بَعْدُ) berkasus *majrūr* kerana mengikuti fleksi *ma‘tūf ‘alayh* (فَبَلُّ) yang berkasus *majrūr* disebabkan oleh partikel *jarr* (مِنْ) sebelumnya. Dalam ayat 8, *ma‘tūf* (أَجَلٍ) berkasus *majrūr* kerana mengikuti fleksi *ma‘tūf ‘alayh* (الْحَقِّ) yang berkasus *majrūr* disebabkan oleh partikel *jarr* (بِ) sebelumnya.

Ma‘tūf (لِقَاءِ) dalam ayat 16 pula berkasus *majrūr* kerana mengikuti fleksi *ma‘tūf ‘alayh* (آيَاتِ) yang berkasus *majrūr* disebabkan oleh partikel *jarr* (بِ) sebelumnya. Dalam ayat 22 surah *al-Rūm*, *ma‘tūf* (أَلْوَانِ) berkasus *majrūr* kerana mengikuti fleksi *ma‘tūf ‘alayh* (أَلْسِنَةٍ) yang berkasus *majrūr* disebabkan oleh kedudukannya sebagai *muḍāf ilayh* kepada perkataan إِخْتِلَافٌ sebelumnya. Dalam ayat 23, *ma‘tūf* (النَّهَارِ) berkasus *majrūr* kerana mengikuti *ma‘tūf ‘alayh* (اللَّيْلِ) yang berkasus *majrūr* disebabkan oleh partikel *jarr* (بِ) sebelumnya. *Ma‘tūf* (الْبَحْرِ) dalam ayat 41 pula berkasus *majrūr* kerana mengikuti fleksi *ma‘tūf ‘alayh* (الْبَرِّ) yang berkasus *majrūr* disebabkan oleh partikel *jarr* (فِي) sebelumnya.

Dalam bahagian elemen 'atf perkataan dengan perkataan yang berkasus *manṣūb*, terdapat *ma'tūf* pertama (الأَرْضِ) dan *ma'tūf* kedua (مَا) dalam ayat 8 yang berkasus *manṣūb*. Ini kerana *ma'tūf* ini mengikuti fleksi *ma'tūf 'alayh* (السَّمَاوَاتِ) yang berkasus *manṣūb* disebabkan oleh kedudukannya sebagai *maf'ūl bih* kepada kata kerja (مَا خَلَقَ) sebelumnya. Dalam ayat 21, *ma'tūf* (رَحْمَةً) berkasus *manṣūb* kerana mengikuti fleksi *ma'tūf 'alayh* (مَوَدَّةً) yang berkasus *manṣūb* berdasarkan kepada kedudukannya sebagai *maf'ūl bih* kepada kata kerja (جَعَلَ) sebelumnya. *Ma'tūf* (طَمَعًا) dalam ayat 24 pula berkasus *manṣūb* kerana mengikuti fleksi *ma'tūf 'alayh* (خَوْفًا) yang berkasus *manṣūb* disebabkan oleh kedudukannya sebagai *hāl* kepada kata kerja (يُرِي) sebelumnya.

Dalam ayat 38, *ma'tūf* pertama (الْمُسْكِينِ) dan *ma'tūf* kedua (ابْنَ السَّبِيلِ) berkasus *manṣūb* kerana mengikuti fleksi *ma'tūf 'alayh* (ذَا الْقُرْبَى) yang berkasus *manṣūb* berdasarkan kepada kedudukannya sebagai *maf'ūl bih* kepada kata kerja (آت) sebelumnya. Dalam ayat 54, *ma'tūf* (شَيْبَةً) berkasus *manṣūb* kerana mengikuti fleksi *ma'tūf 'alayh* (ضَعْفًا) yang berkasus *manṣūb* disebabkan oleh kedudukannya sebagai *maf'ūl bih* kepada kata kerja (جَعَلَ) sebelumnya. *Ma'tūf* (الْإِيمَانَ) dalam ayat 56 berkasus *manṣūb* kerana mengikuti fleksi *ma'tūf 'alayh* (الْعِلْمِ) yang berkasus *manṣūb* berdasarkan kepada kedudukannya sebagai *maf'ūl bih* kepada kata kerja (أَوْثُوا) sebelumnya.

Dalam bahagian elemen 'atf perkataan dengan perkataan yang berkasus *marfū*, didapati *ma'tūf* (اِخْتِلَافُ) dalam ayat 22 berkasus *marfū* kerana mengikuti fleksi *ma'tūf 'alayh* (خَلَقُ) yang berkasus *marfū* berdasarkan kepada kedudukannya sebagai *mubtada*'. Dalam ayat 23, *ma'tūf* (اِتِّتَعَاءُ) berkasus *marfū* kerana mengikuti fleksi *ma'tūf 'alayh* (مَنَامُكُمْ) yang berkasus *marfū* disebabkan oleh kedudukannya sebagai *mubtada*'. *Ma'tūf* (الأَرْضُ) dalam

ayat 25 berkasus *marfū* ' kerana mengikuti fleksi *ma 'tūf 'alayh* (السَّمَاءُ) yang berkasus *marfū* ' berdasarkan kepada kedudukannya sebagai *fā 'il* kepada kata kerja (تَقُومُ) sebelumnya.

Seterusnya, baki elemen 'atf dalam ayat kajian melibatkan 'atf ayat dengan ayat. Dalam sintaksis Arab, 'atf ayat dengan ayat bermaksud *ma 'tūf 'alayh* dan *ma 'tūf* dalam jenis kata kerja yang sama atau berbeza tetapi sama dari sudut fungsinya dalam ayat (Barakāt, 2007, vol.5:318). 'Atf ayat dengan ayat juga berbentuk gabungan antara ayat yang sama polanya atau berbeza (Barakāt, 2007, vol.:325). Dari sudut fleksinya, *ma 'tūf* akan mengikuti fleksi *ma 'tūf 'alayh* sekiranya *ma 'tūf 'alayh* berkenaan mempunyai kasus tertentu. Namun, jika *ma 'tūf 'alayh* tidak mempunyai fleksi, maka *ma 'tūf* juga dalam keadaan yang sama (Barakāt, 2007; al-Ghalāyīniy, 2015).

Elemen 'atf ayat dengan ayat yang tidak berkasus didapati dalam ayat 5 surah *al-Rūm*. *Ma 'tūf* (هُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ) tiada fleksi kerana mengikuti *ma 'tūf 'alayh* (يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ) yang tiada fleksi disebabkan oleh kedudukannya sebagai justifikasi ayat (التَّعْلِيلِيَّةُ) (al-Ibrāhīm, 2012; al-Ghalāyīniy, 2015).

4.3 Analisis Petanda Dan Makna *Wāw 'Atf* Dalam Surah *Al-Rūm*

Objektif kedua kajian adalah untuk menganalisis petanda dan makna *wāw 'atf* yang melatari ayat-ayat kajian. Penulis akan membincangkan objektif kedua bermula dengan menganalisis *ma 'tūf 'alayh* dan *ma 'tūf* yang digabungkan oleh *wāw 'atf* berdasarkan kepada buku-buku *i 'rāb* dan tafsir al-Quran. Pengetahuan tentang *ma 'tūf 'alayh* dan *ma 'tūf* adalah penting untuk membina kefahaman yang mendalam terhadap petanda makna *wāw 'atf* dan maknanya yang dikehendaki oleh ayat.

4.3.1 Petanda Masa (الزَّمانُ)

Petanda masa merujuk kepada sesuatu perkara sama ada telah, sedang atau akan berlaku pada masa akan datang (Ibn Qayyim, t.t). Terdapat beberapa ayat kajian yang mengandungi petanda makna ini. Ayat-ayat berkenaan ialah firman Allah S.W.T.:

Ayat 1:

فِي بضعِ سِنِينَ لِلّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدُ وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ الْمُؤْمِنُونَ

Terjemahannya: *(Dalam beberapa tahun (lagi). Bagi Allah jualah urusan sebelum dan setelah (kemenangan) dan ketika berlakunya (kemenangan Rom) itu, orang beriman akan bergembira)* (Surah *al-Rūm* 30:4).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw* 'atf yang menggabungkan antara rangkai kata rangkai kata مِنْ قَبْلُ (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata مِنْ بَعْدُ (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat berkenaan merupakan pelengkap kepada ayat sebelumnya yang menceritakan kemenangan yang akan dicapai oleh Rom setelah kekalahan mereka di tangan Parsi. Kekalahan Rom dan kemenangan mereka adalah berdasarkan kehendak Allah S.W.T. Menurut al-Qurtubiy (2006) kemenangan Rom ke atas Parsi berlaku pada tahun ke-2 Hijrah iaitu pada tahun berlakunya peperangan Badar manakala kemenangan Parsi ke atas Rom pula berlaku tujuh tahun sebelumnya.

Menurut Abū al-Sammāl, al-Jahdariy dan al-'Aqīliy dalam al-Andalusiy (2008, vol.7:158) perkataan قَبْلُ dan perkataan بَعْدُ dalam ayat ini dibaca dengan kasus *majrūr* iaitu dengan andaian مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدُ. Namun, al-Zamakhshariy (2009:825) berpandangan bahawa bacaan dengan kasus *majrūr* ini menunjukkan ketiadaan *mudāfilayh* dan bermaksud awal dan akhir (قَبْلًا وَبَعْدًا). Maka, maksud umum sebegini tidak bertepatan dengan maksud sebenar ayat yang menceritakan sebelum kemenangan Rom dan sesudahnya. Oleh itu majoriti sarjana *qirā'at*

membacanya dengan kasus nominatif iaitu مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدُ. Hal ini bertujuan untuk menggugurkan *muḍāf ilayh* agar makna-makna perkataan berkenaan bergantung kepada *muḍāf ilayh* yang diandaikan dan bacaan dengan kasus ini adalah lebih baik (Ibn ‘Āsyūr, 1984, vol.21:46). Andaiannya ialah مِنْ قَبْلُ غَلَبَةَ الرُّومَ عَلَى الْفُرْسِ (*Rom kalah ke atas Parsi*) sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dan مِنْ بَعْدِ غَلَبَةَ الرُّومَ عَلَى الْفُرْسِ (*Rom menang ke atas Parsi*) sebagai *ma‘tūf*. Rom mengalami kekalahan terlebih dahulu (*ma‘tūf ‘alayh*) sebelum mereka memperolehi kemenangan ke atas Parsi (*ma‘tūf*) (al-Uramiy, 2001, vol.22:82).

Elemen *‘atf* dalam ayat ini berkaitan dengan masa, iaitu masa sebelum kemenangan Rom dan masa sesudah kemenangan mereka. Oleh kerana kekalahan Rom (*ma‘tūf ‘alayh*) berlaku sebelum kemenangan mereka ke atas Parsi (*ma‘tūf*), maka terdapat petanda masa yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَمِنْ بَعْدُ.

Ayat ke-2:

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا فِي أَنفُسِهِمْ مَا خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى ...

Terjemahannya: (*Dan mengapa mereka tidak memikirkan tentang (kejadian) diri mereka? Allah tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya melainkan dengan (tujuan) yang sebenar dan dalam waktu yang tertentu...*) (Surah al-Rūm 30:8).

Dalam ayat di atas terdapat penggunaan *wāw ‘atf* yang menghubungkan antara *ma‘tūf ‘alayh* iaitu perkataan السَّمَاوَاتِ (*langit*) dengan *ma‘tūf* iaitu perkataan الْأَرْضِ (*bumi*) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat ini menjelaskan tentang penciptaan langit, bumi dan makhluk-makhluk ciptaan Allah S.W.T. yang membuktikan kewujudan, keesaan dan kekuasaanNya. Penciptaan langit dan bumi telah diceritakan oleh Allah S.W.T. dengan terperinci dalam al-Quran. Menurut Sa‘īd Ḥawwā (1985, vol.1:109) proses penciptaan langit berlaku pada 13.7 bilion tahun dahulu dan proses penciptaan bumi berlaku pada 4 setengah juta tahun dahulu.

al-Ghayliy (2015:238) berpendapat bahawa langit pertama yang diciptakan oleh Allah S.W.T. sebelum menjadikannya kepada tujuh lapisan berlaku sebelum penciptaan bumi. Langit pertama yang merupakan langit dunia diceritakan dalam al-Quran dengan penggunaan pola mufrad (السَّمَاءُ) manakala tujuh lapisan langit diceritakan dengan penggunaan pola jamak (السَّمَاوَاتُ). Danial (2014:58-59) menegaskan bahawa penciptaan langit mempunyai fasa-fasa tertentu. Dianggarkan langit pertama diciptakan sejak 13.7 bilion tahun dahulu. Setelah itu diciptakan bintang-bintang, planet-planet di langit dan proses ini disusuli pula dengan penciptaan bumi (*ma'tūf*). Kemudian, tujuh lapisan langit diciptakan sesudahnya (*ma'tūf 'alayh*).

Elemen *'atf* dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan tempoh masa penciptaan dua tanda kekuasaan Allah S.W.T. iaitu penciptaan tujuh lapisan langit dan bumi. Oleh kerana tujuh lapisan langit (*ma'tūf 'alayh*) diciptakan sesudah kewujudan bumi (*ma'tūf*), maka terdapat petanda masa yang memberi makna turutan berlawanan pada perkataan وَالْأَرْضَ.

Dalam ayat ini juga terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara perkataan السَّمَاوَاتِ (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata مَا بَيْنَهُمَا (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-Sya'rāwiy (1972:11318) rangkai kata مَا بَيْنَهُمَا bermaksud penciptaan makhluk di langit seperti penciptaan planet, orbit, bintang-bintang dan sebagainya. Penciptaan makhluk di langit (*ma'tūf*) berlaku sebelum tujuh lapisan langit diciptakan (*ma'tūf 'alayh*) (Danial, 2014; al-Ghayliy, 2015).

Oleh kerana penciptaan makhluk di langit (*ma'tūf*) berlaku sebelum tujuh lapisan langit (*ma'tūf 'alayh*) dicipta, maka terdapat petanda masa dengan makna turutan berlawanan pada rangkai kata وَمَا بَيْنَهُمَا.

Ayat ke-3:

فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ

Terjemahannya: *(Maka bertasbihlah kepada Allah pada waktu malam dan pada waktu pagi)* (Surah *al-Rūm* 30:17).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara *ma'tūf 'alayh* iaitu rangkai kata *حِينَ تُمْسُونَ* (*pada waktu malam*) dengan *ma'tūf* iaitu rangkai kata *حِينَ تُصْبِحُونَ* (*pada waktu pagi*) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat ini menceritakan tentang perintah Allah S.W.T. kepada manusia supaya memperbanyakkan ibadat kepadaNya pada waktu malam dan pagi untuk mendapat keredaan dan menjauhi kemurkaanNya.

Ayat berkenaan menggunakan kata kerja *تُمْسُونَ* dan kata kerja *تُصْبِحُونَ* dengan pola *fi' l tamm* yang bermaksud kamu memasuki waktu malam (*تُمْسُونَ*) dan kamu memasuki waktu pagi (*تُصْبِحُونَ*) (al-Samīn al-Ḥalabiy, 2008, vol.9:36). Ibn 'Āsyūr (1984, vol.21:66) berpandangan bahawa kata kerja *تُمْسُونَ* (*ma'tūf 'alayh*) mendahului kata kerja *تُصْبِحُونَ* (*ma'tūf*) dalam ayat ini kerana masyarakat Arab menyifatkan waktu malam sebagai permulaan hari. al-Alūsiy (2008, vol.4:29) menegaskan bahawa malam dan kegelapan (*ma'tūf 'alayh*) mendahului pagi dan cahaya (*ma'tūf*). Hal ini berdasarkan firman Allah S.W.T.:

وَآيَةٌ لَهُمُ اللَّيْلُ نَسْلَخُ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمْ مُظْلِمُونَ

Terjemahannya: *(Dan suatu tanda (kekuasaan Allah yang besar) bagi mereka adalah malam; Kami tanggalkan siang dari malam itu, maka dengan serta merta mereka berada dalam kegelapan)* (Surah *Yāsin* 36:37).

Pada asalnya dunia berada dalam keadaan kegelapan. Kemudian, kemunculan pagi menutup kegelapan dengan cahayanya. Namun selepas cahaya hilang, kegelapan muncul dan begitulah seterusnya (al-Alūsiy, 2008, vol.37:12).

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat ini berkaitan dengan masa, iaitu waktu malam (*ma'tūf 'alayh*) yang merupakan permulaan hari dan mendahului waktu pagi (*ma'tūf*), maka terdapat petanda masa yang memberi makna turutan pada rangkaian kata *وَحِينَ تُصْبِحُونَ*.

Ayat ke-4:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahannya: (Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan Dia menjadikan di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir) (Surah al-Rūm 30:21).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara *ma'tūf 'alayh* iaitu perkataan *مَوَدَّةً* (*kasih sayang*) dengan *ma'tūf* iaitu perkataan *رَحْمَةً* (*belas kasihan*) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat berkenaan menerangkan bahawa pasangan bagi manusia dicipta daripada jenis mereka sendiri agar mereka mempunyai rasa senang hati, kasih sayang dan belas kasihan dalam kehidupan berumah tangga.

Perasaan kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) antara suami dan isteri terhasil pada tempoh awal perkahwinan manakala perasaan belas kasihan (*ma'tūf*) pula terhasil pada tempoh pertengahan dan penghujung perkahwinan (al-Sya'rāwiy, 1971; al-Rāziy, 1981; al-Alūsiy, 2008).

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan masa, iaitu perasaan kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) terhasil pada tempoh awal perkahwinan dan wujud sebelum perasaan belas kasihan (*ma'tūf*) yang terhasil pada tempoh akhir kehidupan berumah tangga, maka terdapat petanda masa yang memberi makna turutan pada perkataan *وَرَحْمَةً*.

Ayat ke-5:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ...

Terjemahannya: *(Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah penciptaan langit dan bumi...)* (Surah *al-Rūm* 30:22).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *خَلْقُ السَّمَاوَاتِ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan perkataan *الْأَرْضِ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Dalam ayat sebelumnya tanda-tanda kewujudan Allah S.W.T. ditonjolkan dari sudut manusia dan urusan kehidupan mereka. Allah memerintahkan manusia supaya bertasbih, mensucikanNya dari segala keburukan dan kekurangan, memujiNya lalu Dia menjelaskan kewujudan dan kekuasaanNya yang menghidupkan dan mematikan manusia. Dialah yang menjadikan manusia hidup secara berpasangan dari jenis mereka sendiri, maka bermula dari ayat di atas Allah S.W.T. menceritakan tentang tanda-tanda kewujudan dan kebesaranNya dari sudut kejadian alam semesta dan hubungannya dengan manusia.

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini berkaitan dengan masa, iaitu tujuh lapisan langit (*ma'tūf 'alayh*) dicipta sesudah kejadian bumi (*ma'tūf*), maka terdapat petanda masa yang memberi makna turutan berlawanan pada perkataan *وَالْأَرْضِ*. Analisis terhadap petanda dan makna berkenaan adalah sama dengan analisis petanda dan makna *wāw 'atf* pada perkataan *خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ* dalam ayat 8 surah *al-Rūm*: (مَا خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ) “Allah tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya melainkan dengan (tujuan) yang sebenar... ”).

Ayat ke-6:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ تَقُومَ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ بِأَمْرِهِ...

Terjemahannya: *(Dan antara tanda-tanda (kebesaranNya) ialah terdirinya langit dan bumi dengan kehendakNya...)* (Surah al-Rūm 30:25).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *السَّمَاءُ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan perkataan *الْأَرْضُ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Setelah Allah S.W.T. menceritakan sebahagian daripada ciri langit dan bumi dalam ayat sebelumnya, Dia menceritakan pula tentang ciri dan sifat utama langit dan bumi iaitu keduanya terdiri walaupun keduanya besar dan berat. manusia kagum dengan keadaan bumi yang kekal 'berdiri' ini. Penciptaan langit juga mengkagumkan manusia dari sudut ketinggian dan keutuhannya tanpa memerlukan kepada tiang dan kekal berada di atas bumi sehingga hari kiamat (al-Rāziy, 1981, vol.25:115).

Langit yang dimaksudkan dalam ayat berkenaan ialah langit pertama iaitu langit dunia yang dilihat oleh manusia. Langit dunia (*ma'tūf 'alayh*) terlebih dahulu dicipta oleh Allah S.W.T. Kemudian, barulah bumi (*ma'tūf*) diciptakan sehingga sempurna (Sa'īd Ḥawwā, 1985; Danial, 2014; al-Ghayliy, 2015).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini berkaitan dengan tempoh masa, iaitu kewujudan langit dunia (*ma'tūf 'alayh*) yang diciptakan oleh Allah S.W.T. sebelum bumi (*ma'tūf*), maka terdapat petanda masa yang memberi makna turutan pada perkataan *وَالْأَرْضُ*.

Ayat ke-7:

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Terjemahannya: *(Dan Dialah yang memulakan penciptaan semua makhluk, kemudian mengembalikannya kembali (menghidupkan semula setelah mereka mati), sedang itu sangat*

mudah baginya dan baginya jua sifat yang Maha Tinggi di langit dan di bumi dan Dialah Yang Maha Perkasa, Lagi Maha Bijaksana) (Surah al-Rūm 30:27).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *waw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *لَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي السَّمَاوَاتِ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan perkataan *الْأَرْضِ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Rangkai kata *لَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ* bermaksud sifat Allah S.W.T. yang Maha Tinggi daripada segala kesempurnaan yang berada di langit dan di bumi seperti aspek kehidupan, kekuatan, keilmuan dan sebagainya.

Berdasarkan nukilan daripada Abū al-Su'ūd (t.t, vol.7:58) terdapat pendapat beberapa ilmuan bagi rangkai kata *السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ* dalam ayat di atas:

Pertamanya: Rangkai kata ini berkaitan dengan makna rangkai kata sebelumnya *لَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ* bermaksud Allah S.W.T. Maha Tinggi dan sifatNya dikenali di langit dan di bumi.

Kedua: Rangkai kata ini berkaitan dengan perkataan *الْأَعْلَىٰ* (*Maha Tinggi*).

Ketiganya: Rangkai kata berkenaan berkaitan dengan perkataan *هَالٍ* (*situasi*) yang digugurkan atau berkaitan dengan perkataan *الْمَثَلُ* atau berkaitan dengan kata ganti nama yang terdapat pada perkataan *الْأَعْلَىٰ*.

Menurut al-Sya'rāwiy (1972:11394) sifat Maha Tinggi Allah S.W.T. terzhahir di langit (*ma'tūf 'alayh*) dan bumi (*ma'tūf*) pada waktu yang sama. Hal ini kerana tiada satu makhluk Allah S.W.T. yang mampu menandingi sifatNya yang Maha Sempurna.

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan masa, iaitu sifat Maha Tinggi Allah S.W.T. terzhahir di langit (*ma'tūf 'alayh*) dan bumi (*ma'tūf*) pada waktu yang sama, maka terdapat petanda masa yang memberi makna bersama pada perkataan *وَالْأَرْضِ*.

Ayat ke-8:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ...

Terjemahannya: *(Dan mengapa mereka tidak melihat bahawa Allah yang melimpahkan rezeki bagi siapa yang Dia kehendaki dan Dia juga yang menahannya (bagi siapa yang Dia kehendaki...))* (Surah *al-Rūm* 30:37).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ* (*ma 'tūf 'alayh*) dengan kata kerja *يَقْدِرُ* (*ma 'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Setelah diceritakan sifat-sifat orang kafir dalam ayat sebelumnya, Allah S.W.T. menafikan pula penelitian mendalam orang kafir terhadap ketetapan Tuhan yang berlaku kepada manusia seperti kebaikan di sebalik musibah dan penentuan nasib manusia. Hal ini difahami melalui kata tanya *أ* pada awal ayat di atas yang datang dalam bentuk laras tanya ingkar yang bertujuan untuk menafikan sesuatu (Ibn 'Āsyūr, 1984, vol.21:101).

Rangkai kata *أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ* digabungkan dengan kata kerja *يَقْدِرُ* mengisyaratkan bahawa penentuan rezeki manusia seperti nasib baik, kesenangan hidup di dunia (*ma 'tūf 'alayh*) dan penentuan nasib buruknya seperti kesempitan hidup (*ma 'tūf*) telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. pada waktu yang sama iaitu sebelum bermulanya kehidupan manusia itu.

Hal ini difahami berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhāriy dan al-Muslim dalam Ibn Taymiyyat (1998, vol.8:45):

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ : إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا نُطْفَةً، ثُمَّ يَكُونُ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ : بِكُتِّبَ رِزْقُهُ وَأَجَلُهُ وَعَمَلُهُ وَشَقِيٌّ أَوْ سَعِيدٌ...

Terjemahannya: *(Daripada Abī 'Abd. al-Rahmān bin Mas'ūd r.a., beliau berkata: Kami diberitahu oleh Rasulullah dan beliau orang yang jujur dan dipercayai-Beliau bersabda : "Sesungguhnya telah disempurnakan penciptaan salah seorang dari kamu semua dalam*

perut ibunya selama empat puluh hari dalam bentuk sperma, kemudian dia menjadi segumpal darah selama itu pula, kemudian menjadi segumpal daging selama itu pula, kemudian Allah mengutus kepadanya malaikat, kemudian ditiupkan ruh kepadanya, lalu malaikat tersebut diperintahkan untuk menulis empat perkara; untuk menuliskan rezekinya, ajalnya dan amalannya dan nasibnya (setelah mati) apakah dia celaka atau bahagia...)

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan masa, iaitu masa penentuan rezeki manusia yang melibatkan nasib baik (*ma'tūf 'alayh*) dan nasib buruknya (*ma'tūf*) berlaku pada waktu yang sama iaitu sebelum kehidupan manusia itu bermula, maka terdapat petanda masa yang memberi makna bersama pada kata kerja وَيَقْدِرُ.

Ayat ke-9:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ
وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ

Terjemahannya: (Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah. Kemudian, Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu, Dia menjadikan kamu setelah kuat itu lemah semula dan tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakinya dan Dialah jua yang Maha Mengetahui, Lagi Maha Berkuasa) (Surah al-Rūm 30:54).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara *ma'tūf 'alayh* iaitu perkataan ضَعْفًا (*lemah*) dengan *ma'tūf* iaitu perkataan شَيْبَةً (*beruban*) (al-Ibrāhīm, 2012). Rangkaian kata خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ mengisyaratkan kepada keadaan asal manusia iaitu mani dan berkembang menjadi kanak-kanak yang berada dalam keadaan lemah. Allah S.W.T. juga menjelaskan keadaan manusia, perkembangan dan perubahan mereka daripada keadaan lemah ketika kanak-kanak kepada kuat ketika muda dan kembali lemah dan uzur pada usia tua (al-Nīsābūriy, 1996, vol.5:419).

Fasa lemah semula (*ma'tūf 'alayh*) dialami oleh manusia ketika usia mereka telah lanjut dan tua. Fasa amat uzur (*ma'tūf*) pula merujuk kepada keadaan yang dialami oleh manusia pada hujung usia lanjut dan tua mereka (al-Syawkāniy, 2007:1135).

Oleh kerana elemen ‘*atf* dalam ayat ini berkaitan dengan masa, iaitu fasa lemah semula (*ma‘tūf‘alayh*) yang berlaku pada awal usia tua dan fasa berkenaan terjadi sebelum fasa amat uzur (*ma‘tūf*) yang berlaku pada akhir usia tua, maka terdapat petanda masa dengan makna turutan pada perkataan *وَشَيْبَةً*.

Ayat ke-10:

فَيَوْمَئِذٍ لَّا يَنْفَعُ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَعذِرَتُهُمْ وَلَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ

Terjemahannya: *(Maka pada hari itu, tidak bermanfaat lagi permintaan maaf golongan yang zalim dan mereka tidak pula diberi kesempatan bertaubat lagi)* (Surah *al-Rūm* 30:57).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw‘atf* yang menggabungkan antara *ma‘tūf‘alayh* iaitu rangkai kata *فَيَوْمَئِذٍ لَّا يَنْفَعُ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَعذِرَتُهُمْ* (*Maka pada hari itu, tidak bermanfaat lagi permintaan maaf golongan yang zalim*) dengan *ma‘tūf* iaitu rangkai kata *لَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ* (*mereka tidak pula diberi kesempatan bertaubat lagi*) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-Durrat (2009, vol.7:316) perkataan *يَوْمَئِذٍ* dalam ayat ini merujuk kepada hari kebangkitan.

Menurut Ibn ‘Aṭīyyat, (2001, vol.4:344) gabungan antara *ma‘tūf‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam ayat berkenaan mengisyaratkan bahawa permintaan maaf daripada orang kafir tidak lagi bermanfaat bagi mereka (*ma‘tūf‘alayh*) pada hari kebangkitan. Pada hari yang sama, tiada lagi peluang bagi mereka untuk bertaubat (*ma‘tūf*).

Oleh kerana elemen ‘*atf* dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan masa, iaitu waktu permintaan maaf daripada orang kafir tidak lagi bermanfaat (*ma‘tūf‘alayh*) dan waktu orang kafir hilang peluang untuk bertaubat (*ma‘tūf*) berlaku pada waktu yang sama iaitu hari akhirat, maka terdapat petanda masa yang memberi makna bersama pada rangkai kata *وَلَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ*.

4.3.2 Petanda Keadaan Semula Jadi (الطَّبْعُ)

Petanda keadaan semula jadi merujuk kepada suatu keadaan atau konsep semula jadi yang tidak menunjukkan kepada proses atau peringkat tertentu dan terjadi sepertimana kebiasaannya (Ibn Qayyim, t.t). Terdapat beberapa ayat kajian yang mengandungi petanda makna ini. Ayat-ayat berkenaan ialah firman Allah S.W.T.:

Ayat 1:

وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَلِقَاءِ الْآخِرَةِ فَأُولَٰئِكَ فِي الْعَذَابِ مُحْضَرُونَ

Terjemahannya: *)Dan adapun golongan yang kafur dan mendustakan ayat-ayat Kami (Allah) serta mendustakan urusan akhirat, maka mereka akan tetap berada di dalam azab (neraka)) (Surah al-Rūm 30:17).*

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw* 'atf yang menghubungkan antara kata kerja *كَفَرُوا* (*ma'tūf 'alayh*) dengan kata kerja *كَذَّبُوا* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Setelah Allah S.W.T. menceritakan keadaan golongan yang beriman pada ayat sebelumnya, Dia menceritakan keadaan orang kafir pada hari kebangkitan semula dalam berkenaan. Oleh kerana mereka menafikan keesaan Allah S.W.T., utusan-utusanNya dan kewujudan kebangkitan semula, maka Allah S.W.T. akan menghimpunkan orang kafir di dalam neraka pada hari kebangkitan semula.

Menurut Ibn Taymiyyat (1979:65) dan al-'Uthaymīn (2015:85), konsep kekufuran mengandungi dua jenis iaitu kufur kerana ingkar dan kufur kerana sombong. Manakala, konsep pendustaan bersifat khusus. Justeru, dapat difahami bahawa konsep kekufuran (*ma'tūf 'alayh*) lebih umum berbanding konsep pendustaan (*ma'tūf*).

Kebiasaannya ciri umum sesuatu konsep mendahului ciri khususnya (Ibn Qayyim, t.t,vol.1:64). Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat ini berkaitan dengan konsep, iaitu konsep

kekufuran (*ma 'tūf 'alayh*) yang bersifat umum mendahului konsep pendustaan (*ma 'tūf*) yang bersifat khusus, maka terdapat petanda keadaan semula jadi dengan makna turutan pada kata kerja *وَكَذَّبُوا*.

Ayat ke-2:

يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَلِكَ تُخْرَجُونَ

Terjemahannya: *(Dia mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup dan menghidupkan bumi setelah mati (kering) dan seperti itulah kamu akan dikeluarkan)* (Surah *al-Rūm* 30:19).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara *ma 'tūf 'alayh* iaitu rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* (*Dia mengeluarkan yang hidup daripada yang mati*) dengan *ma 'tūf* iaitu rangkai kata *يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا* (*Dia menghidupkan bumi setelah mati (kering)*) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat ini menjelaskan bahawa Allah S.W.T. yang mencipta semua makhluk dan akan membangkitkan manusia pada hari akhirat kelak untuk menerima pembalasan. Rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* bermaksud Allah S.W.T. mengeluarkan manusia daripada mani, mengeluarkan burung daripada telur dan sebagainya (al-Maḥāliyy, 2010:406). Ibn 'Abbās dan Ibn Mas'ūd sepertimana yang dinukilkan oleh al-Alūsiy (2008, vol.4:30) mengatakan rangkai kata ini adalah contoh kepada kehidupan. Rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* (*ma 'tūf 'alayh*) berkenaan menjelaskan konsep umum kehidupan iaitu Allah S.W.T. menghidupkan sesuatu yang pada asalnya tiada dan Dia juga Maha Berkuasa menghidupkan makhluknya yang mati.

Rangkai kata *يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا* (*ma 'tūf*) pula mengisyaratkan kepada konsep khusus kehidupan. Allah mendatangkan contoh khusus yang menggambarkan konsep kehidupan. Rangkai kata berkenaan menjelaskan bahawa Allah S.W.T. menghidupkan dan menghidupkan

bumi dengan tumbuh-tumbuhan selepas tandus dan kering-kontang. Keadaan ini adalah seperti Allah S.W.T. mengeluarkan kehidupan daripada kematian (al-Syawkāniy, 2007:1130).

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan konsep, iaitu konsep umum kehidupan (*ma'tūf 'alayh*) yang mendahului konsep khusus kehidupan (*ma'tūf*), maka terdapat petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan pada rangkaian kata وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا.

Ayat ke-3:

وَمِنْ آيَاتِهِ مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَابْتِغَاؤُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ

Terjemahannya: *(Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah tidurmu pada waktu malam dan siang hari dan usahamu mencari rezeki daripada kurniaanNya. Sesungguhnya keadaan demikian mengandungi tanda-tanda bagi kaum yang mendengar)* (Surah al-Rūm 30:23).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkaian kata مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkaian kata بِالنَّهَارِ (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat berkenaan menerangkan tentang keadaan semula jadi perlakuan tidur yang kebiasaannya berlaku pada waktu malam (*ma'tūf 'alayh*) dan keadaan perlakuan tidur yang terjadi pada waktu siang berdasarkan keperluan (*ma'tūf*) (al-Uramiy, 2001).

Oleh kerana perlakuan tidur secara semula jadi dikaitkan dengan waktu malam (*ma'tūf 'alayh*) berbanding perkaitannya dengan waktu siang (*ma'tūf*) pada kebiasaannya, maka terdapat petanda keadaan semula jadi dengan makna turutan pada perkataan وَالنَّهَارِ iaitu dinyatakan masa tidur pada waktu malam yang merupakan kebiasaan (*ma'tūf 'alayh*) kemudian dinyatakan masa tidur pada waktu siang yang terjadi apabila ada keperluan (*ma'tūf*).

Ayat ke-4:

وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَيُحْيِي بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا...

Terjemahannya: (Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya, Dia memperlihatkan kilat kepadamu untuk (menimbulkan) ketakutan dan harapan dan Dia menurunkan hujan dari langit, lalu Dia menghidupkan bumi setelah mati kering dengan hujan itu...) (Surah al-Rūm 30:24).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw* 'atf yang menggabungkan antara perkataan *خَوْفًا* (*ma'tūf 'alayh*) dengan perkataan *طَمَعًا* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat berkenaan menjelaskan bahawa kejadian kilat akan menghadirkan rasa takut kerana berkemungkinan Allah S.W.T menghendaki untuk menimpakan azab kepada manusia. Kejadian ini juga menghadirkan rasa mengharap hujan kerana berkemungkinan Allah S.W.T menghendaki untuk mengurniakan kebaikan. Oleh itu manusia mengharap kebaikan iaitu nikmat hujan.

Elemen 'atf dalam ayat ini mengisyaratkan kepada kejadian kilat yang secara semula jadi akan menghasilkan rasa ketakutan dan harapan dalam diri manusia. al-'Uthaymīn (2015) berpandangan bahawa ketakutan (*ma'tūf 'alayh*) didahulukan ke atas harapan (*ma'tūf*) dalam ayat berkenaan kerana pada kebiasaannya manusia akan merasa takut secara semula jadi (*ma'tūf 'alayh*) terhadap kilat berbanding mengharap hujan daripadanya (*ma'tūf*). Oleh yang demikian terdapat petanda keadaan semula jadi dengan makna turutan pada perkataan *وَوَطَمَعًا*.

Dalam ayat ini juga terdapat penggunaan *wāw* 'atf yang menghubungkan antara *ma'tūf 'alayh* iaitu rangkai kata *يُرِيكُمُ الْبَرْقَ* (Dia (Allah) memperlihatkan kilat kepadamu) dengan *ma'tūf* iaitu rangkai kata *يُنزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً* (Dia (Allah) menurunkan hujan dari langit) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-Biqā'iy (1984, vol.15:73) kejadian kilat kebiasaannya dikaitkan dengan fenomena hujan, maka kenyataan mengenai kilat dalam ayat ini diikuti dengan rangkai kata yang mengisyaratkan kepada fenomena hujan iaitu *يُنزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً*.

Kejadian kilat (*ma'tūf 'alayh*) secara semula jadi berlaku sebelum terjadinya fenomena hujan (*ma'tūf*) pada kebiasaannya (Muhammad Abū Zahrat, t.t,vol.10:5206; al-Muwayl, 1995:47). Oleh kerana kejadian kilat (*ma'tūf 'alayh*) berlaku sebelum fenomena hujan (*ma'tūf*) secara semula jadi, maka terdapat petanda keadaan semula jadi yang memberi makna turutan pada kata kerja وَيُنزِّلُ.

4.3.3 Petanda Sebab (السَّبَبُ)

Petanda sebab merujuk kepada sebab dan punca sesuatu perkara serta kesan yang terhasil daripada sebab berkenaan (Ibn Qayyim, t.t). Terdapat beberapa ayat kajian yang mengandungi petanda makna ini. Contohnya, Allah S.W.T. berfirman:

Ayat 1:

بَنَصْرٍ اللَّهُ يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ

Terjemahannya: *(Dengan kemenangan yang diberi oleh Allah. Dia memberikan kemenangan kepada siapa yang Dia kehendaki dan Dialah jua yang Maha Perkasa lagi Maha Penyayang)* (Surah al-Rūm 30:5).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *بَنَصْرٍ اللَّهُ يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *هُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Rangkai kata *بَنَصْرٍ اللَّهُ يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ* berfungsi sebagai pelengkap ayat kerana kemenangan yang dimaksudkan di dalamnya adalah kemenangan secara umum. Hal ini difahami berdasarkan *maf'ūl bih* iaitu rangkai kata *بَنَصْرٍ اللَّهُ يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ* (Ibn 'Āsyūr, 1984,vol.21:47). Ayat berkenaan menjelaskan bahawa kemenangan yang dicapai oleh Rom dan orang Islam (*ma'tūf 'alayh*) adalah disebabkan sifat Maha Perkasa Allah S.W.T. dan sifat Maha PenyayangNya (*ma'tūf*).

Menurut Ibn Qayyim (t.t, vol.1:62) elemen sebab mendahului elemen kesan. Oleh kerana elemen ‘*atf*’ dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan sebab dan kesan, iaitu sifat Maha Perkasa Allah S.W.T. dan sifat Maha PenyayangNya (*ma‘tūf*) adalah sebab kepada kemenangan Rom dan orang Islam (*ma‘tūf ‘alayh*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ*.

Ayat ke-2:

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضَ وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ
 Terjemahannya: *(Dan tidakkah mereka berjalan serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu daripada mereka ? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri dan mereka telah meneroka bumi (tanah) serta memakmurkannya melebihi apa yang telah mereka makmurkan dan orang-orang itu telah didatangi oleh rasul-rasul dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas. Maka, Allah sama sekali tidak menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri)* (Surah al-Rūm 30:9).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw ‘atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *أَثَارُوا الْأَرْضَ* (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan rangkai kata *عَمَرُوهَا* (*ma‘tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Perlakuan kaum-kaum terdahulu yang menerokai bumi (*ma‘tūf ‘alayh*) menyebabkan mereka mencapai kemajuan (*ma‘tūf*) yang pelbagai seperti sektor pembinaan, pertanian dan sebagainya (al-Durrat, 2009).

Oleh kerana elemen ‘*atf*’ dalam ayat di atas berkaitan dengan sebab dan kesan, iaitu perlakuan menerokai bumi (*ma‘tūf ‘alayh*) adalah sebab kepada kemajuan yang dicapai oleh kaum-kaum terdahulu (*ma‘tūf*), maka terdapat petanda sebab dengan makna turutan pada rangkai kata *وَعَمَرُوهَا*.

Ayat ke-3:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahannya: (Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan Dia menjadikan di antara kamu (suami isteri) perasaan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir) (Surah al-Rūm 30:21).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw* 'atf yang menghubungkan antara *ma'tūf 'alayh* iaitu rangkai kata خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا (Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dengan *ma'tūf* iaitu rangkai kata جَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً (Dia menjadikan di antaramu perasaan kasih sayang dan belas kasihan) (al-Ibrāhīm, 2012).

Rangkai kata مِنْ أَنْفُسِكُمْ bermaksud pasangan bagi manusia yang dicipta daripada jenis mereka. Hal ini difahami berdasarkan gabungannya dengan rangkai kata لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا (sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya). Kesenangan hati dan kemesraan yang dimaksudkan tidak terhasil daripada dua jenis ras yang berbeza (al-Rāziy, 1981,vol.25:111). Kesesuaian jenis ras adalah faktor penyebab kepada tatatertib dan perkenalan, manakala ketidaksesuaian adalah faktor penyebab kepada perbalahan dan perpecahan (al-Alūsiy, 2008,vol.21:30). al-Rifā'iy (1989, vol.3:435) menegaskan bahawa pasangan daripada jenis ras yang sama iaitu manusia (*ma'tūf 'alayh*) akan menghasilkan perasaan kasih sayang dan belas kasihan (*ma'tūf*) dalam kalangan pasangan suami isteri.

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat ini berkaitan dengan sebab dan kesan, iaitu manusia yang dipasangkan dengan jenis rasnya sendiri dalam kehidupan berumah tangga (*ma'tūf*

'alayh) adalah sebab terhasilnya perasaan kasih sayang dan belas kasihan (*ma'tūf*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan pada kata kerja *وَجَعَلَ*.

Ayat ke-4:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

Terjemahannya: *(Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah penciptaan langit dan bumi dan perbezaan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang yang mengetahui)* (Surah *al-Rūm* 30:22).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *waw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *اخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Penciptaan langit dan bumi, perbezaan bahasa serta warna kulit manusia merupakan tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. (Ibn Kathīr, 2013, vol.3:538). Menurut Sayyid Quṭb (1972, vol.5:2764) terdapat hubungan antara perbezaan langit dan bumi dengan perbezaan bahasa serta warna kulit dalam kalangan manusia. Perbezaan mereka dari sudut bahasa dan warna kulit (*ma'tūf*) berlaku disebabkan oleh perbezaan kedudukan matahari, suhu serta kedudukan kawasan geografi (*ma'tūf 'alayh*) yang mereka huni.

Oleh kerana elemen '*atf*' dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan sebab dan kesan, iaitu perbezaan kedudukan matahari dan kawasan geografi (*ma'tūf 'alayh*) yang dihuni oleh manusia adalah sebab kepada perbezaan bahasa dan warna kulit manusia (*ma'tūf*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَاخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ*.

Ayat ke-5:

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ

Terjemahannya: *(Dan Dialah yang memulakan penciptaan semua makhluk, kemudian mengembalikannya kepada keadaan asal, sedang itu sangat mudah bagiNya dan bagiNya jua sifat yang Maha Tinggi di langit dan di bumi dan Dialah Yang Maha Perkasa, Lagi Maha Bijaksana) (Surah al-Rūm 30:27).*

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara *ma 'tūf 'alayh* iaitu rangkai kata *هُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ* (*Dialah yang memulakan penciptaan semua makhluk, kemudian mengembalikannya kepada keadaan asal*) dengan *ma 'tūf* iaitu rangkai kata *لَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ* (*bagiNya jua sifat yang Maha Tinggi*) (Yāqūt, t.t.vol.8:3619). Menurut al-Khalīl sepertimana yang dinukilkan oleh al-Qurṭubiy (2006, vol.16:419) perkataan *الْمَثَلُ* dalam ayat berkenaan bermaksud sifat. al-Durraṭ (2009, vol.7:267) menambah bahawa rangkai kata *لَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ* datang dengan makna sifat Maha Berkuasa Allah S.W.T yang tiada satu makhluk mampu menandingiNya. Rangkai kata berkenaan menjelaskan bahawa sifat Maha Berkuasa Allah S.W.T. yang menghidupkan, mengembalikan kepada keadaan asal dan sebagainya. Justeru, kejadian memulakan sesuatu penciptaan dan mengembalikan sesuatu penciptaan kepada keadaan asal (*ma 'tūf 'alayh*) adalah kesan daripada sifat Maha Berkuasa Allah S.W.T. (*ma 'tūf*).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini berkaitan dengan sebab dan kesan, iaitu sifat Maha Berkuasa Allah S.W.T. (*ma 'tūf*) adalah sebab kepada kejadian penciptaan dan pengembalian kepada keadaan asal (*ma 'tūf 'alayh*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ*.

Dalam ayat ini juga terdapat penggunaan *wāw* ‘*atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *هُوَ الَّذِي بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ* (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan rangkai kata *هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ* (*ma‘tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Kesan daripada sifat Maha Perkasa dan Maha Bijaksana Allah S.W.T. (*ma‘tūf*) itu lebih menonjol pada permulaan penciptaan dan mengembalikannya kepada keadaan asal (*ma‘tūf ‘alayh*) (Ibn ‘Āsyūr, 1984, vol.21:84).

Oleh kerana elemen ‘*atf* dalam ayat ini berkaitan dengan sebab dan kesan, iaitu sifat Maha Perkasa dan Maha Bijaksana Allah S.W.T. (*ma‘tūf*) adalah sebab kepada kejadian penciptaan dan pengembalian kepada keadaan asal (*ma‘tūf ‘alayh*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ*.

Ayat ke-6:

...فَمَنْ يَهْدِي مَنْ أَضَلَّ اللَّهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ

Terjemahannya: (...Maka tiada sesiapa yang dapat memberi petunjuk kepada orang yang telah disesatkan oleh Allah dan tiada seorang penolong pun bagi mereka) (Surah al-Rūm 30:29).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw* ‘*atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ* (*ma‘tūf*) dengan rangkai kata *فَمَنْ يَهْدِي مَنْ أَضَلَّ اللَّهُ* (*ma‘tūf ‘alayh*) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut Ibn ‘Āsyūr (1984, vol.21:88) kata tanya *مَنْ* dalam rangkai kata berkenaan adalah laras tanya yang bertujuan untuk menafikan pemberian petunjuk kepada orang kafir Quraisy. Tiada seorang pun di alam ini sama ada rasul atau malaikat atau jin yang mampu memberi petunjuk kepada golongan yang disesatkan oleh Allah S.W.T. Hal ini kerana petunjuk hanya diberikan oleh Allah S.W.T.

Petunjuk daripada Tuhan merupakan salah satu sebab kepada pertolongan daripadaNya (al-Wahāb, 2000). Oleh kerana elemen ‘*atf* dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan

sebab, iaitu ketiadaan petunjuk daripada Allah S.W.T. kepada orang kafir (*ma'tūf 'alayh*) adalah sebab kepada ketiadaan pertolongan daripadanya (*ma'tūf*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَمَا لَهُمْ مِّن نَّاصِرِينَ.

Ayat ke-7:

مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ

Terjemahannya: (Iaitu orang yang memecah-belah agama mereka dan mereka menjadi beberapa golongan. Setiap golongan berasa bangga dengan apa yang ada pada mereka) (Surah *al-Rūm* 30:32).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara *ma'tūf 'alayh* iaitu rangkai kata مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ (orang yang memecah belah agama mereka) dengan *ma'tūf* iaitu rangkai kata كَانُوا شِيَعًا (mereka menjadi beberapa golongan) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat berkenaan menjelaskan tentang sikap orang Yahudi, Nasrani dan orang kafir Quraisy yang mengubah pegangan agama Islam (*ma'tūf 'alayh*) menurut hawa nafsu dan hal ini menyebabkan mereka berpecah kepada golongan tertentu (*ma'tūf*) (al-Ṭabariy, 1994; Syākir, 2005).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini berkaitan dengan sebab dan kesan iaitu perlakuan orang kafir yang mengubah pegangan agama (*ma'tūf 'alayh*) adalah sebab kepada perpecahan mereka kepada beberapa golongan (*ma'tūf*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan pada rangkai وَمَا لَهُمْ مِّن نَّاصِرِينَ.

Ayat ke-8:

فَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ذَلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Terjemahannya: (Maka berikanlah akan hak masing-masing kepada kaum kerabat yang hampir denganmu dan golongan miskin dan orang musafir. Pemberian yang demikian adalah baik bagi orang yang mengharap keridaan Allah dan mereka itulah golongan yang berjaya) (Surah al-Rūm 30:38).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *ذَلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ* (*ma 'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ* (*ma 'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-Alūsiy (2008, vol.4:45) para ulama berselisih pandangan mengenai maksud perkataan *خَيْرٌ* dalam ayat di atas, dia berkata: sebahagian ulama berpendapat bahawa perkataan *خَيْرٌ* ini bermaksud perlakuan memberikan hak kepada bahawa kaum kerabat, golongan miskin dan orang musafir adalah lebih baik daripada perbuatan-perbuatan lain. Manakala sebahagian yang lain berpendapat bahawa perkataan berkenaan bermaksud perbuatan memberikan hak itu sendiri adalah baik.

Menurut al-Rāziy (1981, vol.25:126) pendapat kedua adalah lebih utama kerana maksud tersebut tidak berkaitan dengan elipsis (الإضمار) dan makna sebegini lebih besar faedahnya. Hal ini kerana kedudukan makna “lebih baik daripada yang lain” akan menjadi rendah jika sesuatu yang diukur dengannya memiliki makna yang rendah. Contohnya, berdiam itu adalah lebih baik daripada berdusta. Pemberian hak adalah baik dan kebaikan ini datang daripada Allah S.W.T. Dia akan menggandakan ganjaran pada hari akhirat, menambahkan harta di dunia kepada mereka yang memberikan hak (al-Andalusiy, 2008, vol.7:169). Justeru, dapat disimpulkan bahawa perkataan *خَيْرٌ* dalam ayat di atas memberi makna perbuatan memberikan hak adalah baik.

Rangkai kata *أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ* sebagai *ma 'tūf* pula bermaksud mereka yang memberikan hak akan diberikan nikmat yang berterusan oleh Allah S.W.T. (Abū al-Su‘ūd, t.t, vol.7:62).

Menurut Ibn ‘Aṭīyyat̄ (2001, vol.4:339) golongan yang memberikan hak adalah mereka yang berjaya mencapai tujuan dan cita-cita mereka. Kejayaan mereka ini berbentuk kejayaan di dunia dan di akhirat (Ibn Kathīr, 2013, vol.3:544).

Kejayaan golongan yang memberikan hak (*ma‘tūf*) adalah kesan daripada perbuatan mereka yang memberikan hak untuk mendapatkan keredaan Allah S.W.T., bukan untuk riyak (*ma‘tūf ‘alayh*). Oleh kerana elemen ‘*atf*’ dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan sebab dan kesan, iaitu pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat, golongan miskin dan orang musafir yang bertujuan mendapatkan keredaan Allah S.W.T. (*ma‘tūf ‘alayh*) adalah sebab kepada kejayaan di dunia dan akhirat (*ma‘tūf*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَأَوْلَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ.

Ayat ke-9:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ ...

Terjemahannya: *(Telah timbul pelbagai kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh tangan manusia...)* (Surah *al-Rūm* 30:41).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw ‘atf* yang menghubungkan antara perkataan الْبَرِّ (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan perkataan الْبَحْرِ (*ma‘tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Disebut perkataan الْبَرِّ (*darat*) dan الْبَحْرِ (*laut*) dalam ayat berkenaan sebagai isyarat kepada perluasan makna yang bermaksud kerosakan di bumi berlaku di semua kawasan sama ada di darat atau di laut dan berlaku disebabkan oleh perbuatan manusia sendiri. Perbuatan buruk mereka menyebabkan dosa dan kesannya tersebarlah kezaliman di darat dan di laut (al-Ṭabariy, 1994, vol.6:110).

Menurut al-Za‘ārīr (2003:155) kerosakan yang berlaku di daratan (*ma‘tūf ‘alayh*) menyebabkan kerosakan juga tersebar di lautan (*ma‘tūf*). Oleh kerana elemen ‘*atf*’ dalam ayat di atas berkaitan dengan sebab dan kesan iaitu kerosakan yang berlaku di daratan (*ma‘tūf*

'alayh) adalah sebab kepada kerosakan yang terjadi di lautan (*ma 'tūf*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan pada perkataan *وَالْبَحْر*.

Ayat ke-10:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ يُرْسِلَ الرِّيَّاحَ مُبَشِّرَاتٍ لِيُذِيقَكُمْ مِّن رَّحْمَتِهِ وَلِتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ...

Terjemahannya: *(Dan antara tanda-tanda kebesaranNya ialah Dia menghantar angin sebagai pembawa berita gembira dan untuk kamu merasakan sedikit daripada rahmatNya dan agar kapal mampu berlayar dengan perintahNya dan juga agar kamu dapat mencari rezeki daripada kurniaNya...)* (Surah *al-Rūm* 30:46).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara perkataan *مُبَشِّرَاتٍ* (*ma 'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *مِّن رَّحْمَتِهِ* (*ma 'tūf* pertama). Terdapat juga *wāw 'atf* yang menghubungkan antara perkataan *مُبَشِّرَاتٍ* (*ma 'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *وَلِتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ* (*ma 'tūf* kedua). Ayat di atas juga mengandungi *wāw 'atf* yang menggabungkan antara perkataan *مُبَشِّرَاتٍ* (*ma 'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ* (*ma 'tūf* ketiga) (Yāqūt, t.t.vol.8:3636-3637).

Perkataan *مُبَشِّرَاتٍ* bermaksud kejadian angin bertiup yang memberikan manfaat yang pelbagai kepada manusia (Ibn 'Atīyyaṭ, 2001; al-Andalusiy, 2008; al-'Uthaymīn, 2015). Menurut Abū al-Su'ūd, (t.t, vol.7:63) rangkai kata *لِيُذِيقَكُمْ مِّن رَّحْمَتِهِ* bermaksud nikmat hujan dan manfaatnya (*ma 'tūf* pertama) yang wujud disebabkan oleh kejadian angin (*ma 'tūf 'alayh*). Rangkai kata *وَلِتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ* pula bermaksud pelayaran kapal di laut (*ma 'tūf* kedua) berpunca daripada kejadian angin yang bertiup (*ma 'tūf 'alayh*). Rangkai kata *لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ* pula menjelaskan bahawa pelayaran kapal di lautan dengan perintah Allah membolehkan manusia mencari rezeki (*ma 'tūf* ketiga) yang dikurniakanNya dan keadaan ini juga berlaku disebabkan oleh fenomena angin (*ma 'tūf 'alayh*).

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat ini berkaitan dengan sebab kewujudan nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T., iaitu kejadian angin bertiup (*ma'tūf 'alayh*) adalah sebab kepada kewujudan nikmat hujan, pelayaran kapal dan pencarian rezeki (*ma'tūf*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan dalam ayat ini.

Ayat ke-11:

فَانظُرْ إِلَىٰ ءَاثِرِ رَحْمَتِ اللَّهِ كَيْفَ يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنَّ ذَٰلِكَ لَمُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
Terjemahannya: (Maka lihatlah kepada kesan-kesan rahmat Allah, bagaimana Dia menghidupkan bumi setelah mati. Sesungguhnya, Allah yang demikian kekuasaanNya sudah tentu berkuasa menghidupkan yang telah mati dan Dia Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu) (Surah al-Rūm 30:50).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan wāw 'atf yang menghubungkan antara rangkai kata إِنَّ (al-*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata هُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (al-Ibrāhīm, 2012). Peristiwa kebangkitan semula manusia setelah kematian mereka pada hari kiamat (*ma'tūf 'alayh*) adalah salah satu kesan daripada kekuasaan Allah S.W.T. (*ma'tūf*) (al-Daghāmīn, 2016, vol.43:1041). Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat berkenaan mempunyai kaitan dengan sebab dan kesan, iaitu sifat Maha Berkuasa Allah S.W.T. (*ma'tūf*) adalah sebab kepada berlakunya peristiwa kebangkitan semula (*ma'tūf 'alayh*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ayat ke-12:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ
وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ

Terjemahannya: (Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah. Kemudian, Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu, Dia menjadikan kamu setelah kuat itu lemah semula dan tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya. Dan Dialah jua yang Maha Mengetahui, Lagi Maha Berkuasa) (Surah al-Rūm 30:54).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ* (*ma 'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *هُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ* (*ma 'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Sifat Maha Mengetahui Allah S.W.T. dan Maha BerkuasaNya (*ma 'tūf*) adalah sebab kepada wujudnya penciptaan manusia yang berkembang dan berubah mengikut tempoh dan tahap tertentu (*ma 'tūf 'alayh*) (al-Sya'rāwiy 1972; Ibn 'Āsyūr, 1984).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini berkaitan dengan sebab dan kesan iaitu sifat Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa Allah S.W.T. (*ma 'tūf*) adalah sebab kepada penciptaan dan perkembangan manusia (*ma 'tūf 'alayh*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ*.

Ayat ke-13:

فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَلَا يَسْتَخِفُّكَ الَّذِينَ لَا يُوقِنُونَ

Terjemahannya: (Oleh itu, bersabarlah engkau (wahai Muhammad), sesungguhnya janji Allah itu benar dan jangan sekali-kali membiarkan orang yang tidak menyakini (kebenaran ayat-ayat Allah) itu menggelisahkan engkau) (Surah al-Rūm 30:60).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ* (*ma 'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *لَا يَسْتَخِفُّكَ الَّذِينَ لَا يُوقِنُونَ* (*ma 'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Kata kerja suruhan *إِصْبِرْ* dalam ayat berkenaan adalah ungkapan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Allah S.W.T. memerintahkan baginda agar bersabar terhadap

kesakitan dan persengketaan daripada orang kafir (al-Durraṭ, 2009, vol.7:319). Provokasi daripada orang kafir akan mengundang kegelisahan hati. Maka, baginda S.A.W. diperintahkan oleh Allah S.W.T. supaya tetap kukuh atas jalan dakwah dan tidak berasa gelisah (*ma 'tūf*) kerana Allah menjanjikan kemenangan kepada baginda dan janjiNya adalah benar (*ma 'tūf 'alayh*) (al-Sya'rāwiy, 1972:11560).

Oleh kerana elemen '*atf*' dalam ayat ini berkaitan dengan sebab dan kesan, iaitu janji Allah S.W.T. yang melibatkan kemenangan kepada Nabi Muhammad S.A.W. (*ma 'tūf 'alayh*) adalah sebab larangan kerisauan ke atas baginda (*ma 'tūf*), maka terdapat petanda sebab yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَلَا يَسْتَحْفَتُكَ الَّذِينَ لَا يُوقِنُونَ*.

4.3.4 Petanda Susunan (الرُّبُوبَةُ)

Petanda susunan merujuk kepada perlakuan atau peristiwa yang mengisyaratkan kepada cara, proses atau peringkat yang mempunyai susunannya (Ibn Qayyim, t.t). Terdapat beberapa ayat kajian yang mengandungi petanda makna ini. Ayat-ayat berkenaan ialah firman Allah S.W.T.:

Ayat 1:

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا فِي أَنفُسِهِمْ مَا خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى...

Terjemahannya: (Dan mengapa mereka tidak memikirkan tentang (kejadian) diri mereka? Allah tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya melainkan dengan tujuan (hikmah) yang sebenar dan dalam waktu yang tertentu...) (Surah al-Rūm 30:8).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara *ma 'tūf 'alayh* iaitu perkataan *الْحَقِّ* dengan *ma 'tūf* iaitu rangkai kata *أَجَلٍ مُّسَمًّى* (al-Ibrāhīm, 2012). Perkataan *الْحَقِّ* bermaksud penciptaan makhluk di dunia bertujuan supaya manusia

beribadah kepada Allah S.W.T. dan setiap perbuatan mereka mengandung sama ada pahala atau dosa (*ma'tūf 'alayh*). Manakala rangkai kata *أَحْلٍ مُّسَمًّى* pula bermaksud hari kiamat yang membinasakan manusia dan balasan terhadap perbuatan mereka yang berlaku pada hari akhirat (*ma'tūf*) (al-Farrā', 1983; al-Uramiy, 2001; al-Qurṭubiy, 2006; al-Māwardiy, t.t).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan susunan, iaitu perbuatan manusia di dunia yang mengandung sama ada pahala atau dosa (*ma'tūf 'alayh*) akan diberikan balasan sesudahnya iaitu pada hari akhirat (*ma'tūf*), maka terdapat petanda susunan yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَأَحْلٍ مُّسَمًّى*.

Ayat ke-2:

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضَ وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

Terjemahannya: *(Dan tidakkah mereka berjalan serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu daripada mereka ? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri dan mereka telah meneroka bumi (tanah) serta memakmurkannya melebihi apa yang telah mereka (orang kafir) makmurkan dan orang-orang itu telah didatangi oleh rasul-rasul dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas. Maka, Allah sama sekali tidak menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri)* (Surah al-Rūm 30:9).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *عَمَرُوهَا* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Setelah Allah S.W.T. memberikan kaum-kaum terdahulu elemen kehidupan (*ma'tūf 'alayh*) yang membentuk tamadun kaum berkenaan seperti makanan, kemajuan, Dia pula memberikan kepada mereka prinsip dan nilai agama (*ma'tūf*) yang disampaikan oleh nabi yang diutuskan oleh Allah S.W.T. (al-Sya'rāwiy, 1971:11327).

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat ini berkaitan dengan susunan, iaitu pemberian elemen kehidupan (*ma'tūf 'alayh*) kepada kaum terdahulu berlaku sebelum pemberian nilai keagamaan (*ma'tūf*), maka terdapat petanda susunan yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَجَاءَهُمْ رَسُولُهُم بِالْبَيِّنَاتِ*.

Ayat ke-3:

ثُمَّ كَانَ عَاقِبَةَ الَّذِينَ أَسَاءُوا السُّؤَىٰ أَنْ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَكَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِئُونَ

Terjemahannya: *(Kemudian seburuk-buruk azab (di akhirat) adalah kesudahan bagi orang yang mengerjakan kejahatan kerana mereka mendustakan ayat-ayat Allah dan mereka selalu memperolok-olokkannya)* (Surah *al-Rūm* 30:10).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *كَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِئُونَ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Rangkai kata ini digabungkan kerana menjelaskan sebab kepada hukuman dan seksaan yang akan menimpa orang kafir di akhirat iaitu neraka. (al-Alūsiy, 2008, vol.4:24). Hal ini kerana terdapat partikel *lām* sebab yang digugurkan pada partikel *أَنَّ* dalam ayat ini (Ibn 'Āsyūr, 1984, vol.21:60).

Rangkai kata *كَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِئُونَ* *أَنَّ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَكَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِئُونَ* menerangkan tentang peringkat pendustaan dan penolakan terhadap tanda kekuasaan Allah S.W.T. iaitu perlakuan mendustakan (*ma'tūf 'alayh*) yang disusuli dengan perlakuan memperolok-olok (*ma'tūf*) (al-Andalusiy, 2008, vol.4:79).

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan susunan peringkat pendustaan dan penolakan terhadap tanda kekuasaan Allah S.W.T. iaitu perlakuan mendustakan (*ma'tūf 'alayh*) terjadi sebelum perlakuan memperolok-olok (*ma'tūf*), maka terdapat petanda susunan yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَكَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِئُونَ*.

Ayat ke-4:

فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَهُمْ فِي رَوْضَةٍ يُحْبَرُونَ

Terjemahannya: *(Adapun orang beriman dan mengerjakan amalan kebaikan, maka mereka akan ditempatkan di taman (syurga) dalam keadaan bergembira)* (Surah al-Rūm 30:15).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw* 'atf yang menggabungkan antara kata kerja *آمَنُوا* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *عَمِلُوا الصَّالِحَاتِ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Keimanan dan amalan kebaikan adalah saling melengkapi. Hal ini kerana amalan kebaikan yang dimaksudkan adalah amalan yang dilakukan dalam keadaan beriman, ikhlas kerana Allah S.W.T. dan mengikut sunah nabi S.A.W.. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa keimanan (*ma'tūf 'alayh*) merupakan pintu dan titik permulaan kepada amalan kebaikan (*ma'tūf*) (Ḥalalī, 2011, vol.27:439-463).

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat berkenaan mempunyai kaitan dengan susunan peringkat keimanan dan amalan kebaikan, iaitu keimanan (*ma'tūf 'alayh*) adalah pintu dan titik permulaan kepada amalan kebaikan (*ma'tūf*), maka terdapat petanda susunan yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ*.

Ayat ke-5:

يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَلِكَ تُخْرَجُونَ

Terjemahannya: *(Dia (Allah) mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup dan menghidupkan bumi setelah mati (kering) dan seperti itulah kamu akan dikeluarkan)* (Surah al-Rūm 30:19).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw* 'atf yang menghubungkan antara rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *كَذَلِكَ تُخْرَجُونَ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Rangkai kata *كَذَلِكَ تُخْرَجُونَ* bermaksud Allah S.W.T. akan mengeluarkan manusia untuk dibangkitkan semula pada hari akhirat seperti Dia mengeluarkan tumbuh-tumbuhan

daripada bumi untuk hidup menghidupkan (al-Kalbiy, 1995,vol.2:166). Rangkaian kata ini membuktikan kebenaran perbandingan yang terdapat dalam ayat di atas.

Ibn Salāmat (t.t:231-232) menyatakan perbandingan yang terkandung dalam ayat ini berbentuk perbandingan bukti (*qiyās dilālat*). Elemen asas (*aṣl*) bagi perbandingan jenis ini ialah bumi (الأَرْضَ) yang difahami berdasarkan rangkaian kata يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا (*ma'tūf 'alayh*) dan elemen cabang (*far'*) ialah manusia (الْإِنْسَانَ) yang difahami berdasarkan rangkaian kata كَذَلِكَ تُخْرَجُونَ (*ma'tūf*). Elemen sebab (*'illat*) yang menggabungkan antara elemen asas dengan elemen cabang ialah keduanya menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T. Manakala elemen bukti kepada sebab (*dalīl 'illat*) pula ialah Allah S.W.T. menghidupkan dan menghidupkan bumi selepas bumi itu mati ketandusan dan kering-kontang. Abū Zahrat (t.t:270) menegaskan bahawa ciri perbandingan jenis *qiyās dilālat* yang terdapat dalam ayat di atas iaitu elemen cabang (*ma'tūf*) tidak mendahului elemen asas (*ma'tūf 'alayh*).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini berkaitan dengan susunan, iaitu susunan dalam perbandingan bukti iaitu bumi (*ma'tūf 'alayh*) adalah elemen asas yang mesti mendahului elemen cabang iaitu manusia (*ma'tūf*), maka terdapat petanda susunan yang memberi makna turutan pada rangkaian kata وَكَذَلِكَ تُخْرَجُونَ.

Ayat ke-6:

وَإِذَا أَذَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا بِهَا وَإِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَفْتَنُونَ

Terjemahannya: (Dan apabila Kami berikan sesuatu rahmat kepada manusia nescaya, mereka bergembira dengannya (sehingga lupa daratan) dan apabila mereka ditimpa sesuatu musibah kerana kesalahan mereka sendiri tiba-tiba mereka berputus asa) (Surah al-Rūm 30:36).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw* 'atf yang menggabungkan antara rangkai kata *إِذَا أَذَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا بِهَا* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *إِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat berkenaan menjelaskan bahawa musibah yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada manusia (*ma'tūf*) adalah sedikit berbanding dengan nikmat (*ma'tūf 'alayh*) yang banyak diberikan oleh Allah S.W.T. kepada hambanya di dunia (al-Sya'rāwiy, 1972:11443; al-Biqā'iy, 1984, vol.15:95). Hal ini difahami berdasarkan partikel *syart* yang digunakan dalam ayat di atas. Menurut al-Sya'rāwiy (1972) dan al-Biqā'iy (1984), penggunaan partikel *syart* *إِذَا* dalam *ma'tūf 'alayh* yang berkaitan dengan pemberian nikmat menggambarkan nikmat yang banyak dan berbagai kerana partikel ini mengandungi makna pasti (التَّحْقِيقُ). Manakala penggunaan partikel *syart* *إِنْ* dalam *ma'tūf* yang berkaitan dengan pemberian musibah menggambarkan musibah yang sedikit kerana partikel ini mengandungi makna tidak pasti (الشَّكُّ) (al-Sya'rāwiy, 1972; al-Biqā'iy, 1984).

Elemen 'atf dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan susunan, iaitu susunan kuantiti nikmat (*ma'tūf 'alayh*) yang diberikan oleh Allah S.W.T. adalah lebih banyak berbanding dengan susunan kuantiti musibah (*ma'tūf*) yang sedikit. Oleh yang demikian, hal ini mengisyaratkan kepada petanda susunan yang memberi makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَإِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَفْتَنُونَ*.

Ayat ke-7:

وَمَا آتَيْتُم مِّن رَّبًّا لِّيُرَبُّوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرُبُّوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُم مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ
الْمُضْعِفُونَ

Terjemahannya: *(Dan sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan agar harta manusia bertambah, maka ia tidak bertambah di sisi Allah dan apa yang kamu berikan berupa pemberian sedekah dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah, maka (mereka yang melakukannya) itulah orang yang mendapat pahala yang berganda-ganda)* (Surah al-Rūm 30:39).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *وَمَا آتَيْتُم مِّن رَّبًّا لِّيُرَبُّوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرُبُّوا عِنْدَ اللَّهِ* (*ma 'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *وَمَا آتَيْتُم مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ* (*ma 'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-'Awḍiy (1997:34) ayat di atas menjelaskan tentang peringkat dalam membina masyarakat yang bebas daripada sifat mementingkan diri.

Kata perintah digunakan dalam ayat sebelumnya iaitu ayat 35 surah *al-Rūm*: *فَاتِّدَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ* (*Maka berikanlah akan hak masing-masing hampir denganmu dan golongan miskin dan orang musafir*). Ayat ini berkaitan dengan keutamaan pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat, golongan miskin dan orang musafir. Ayat berkenaan berfungsi sebagai isyarat kepada peringkat terbawah iaitu fungsi masyarakat. Kemudian, kata perintah ini diikuti dengan *ma 'tūf 'alayh* dalam ayat di atas mewakili peringkat kedua yang mengandungi unsur ancaman terhadap mereka yang menyimpang daripada objektif yang difokuskan. *Ma 'tūf 'alayh* ini disusuli dengan *ma 'tūf* yang mengandungi unsur dorongan dan berperanan sebagai peringkat terakhir dalam menghasilkan golongan masyarakat yang disasarkan (al-'Awḍiy, 1997:34).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat di atas berkaitan dengan susunan peringkat membina masyarakat yang bebas daripada sifat mementingkan diri, iaitu peringkat melibatkan unsur

ancaman (*ma'tūf 'alayh*) berlaku sebelum peringkat melibatkan unsur dorongan (*ma'tūf*), maka terdapat petanda susunan yang memberi makna turutan dalam rangkai kata وَمَا آتَيْتُمْ مِّنْ زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ

Ayat ke-8:

مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِأَنْفُسِهِمْ يَمْهَدُونَ

Terjemahannya: (Sesiapa yang kufur ingkar, maka dialah sendiri yang menanggung kesan kekufurannya dan sesiapa yang mengerjakan amalan kebaikan, maka merekalah golongan yang membuat persiapan untuk kesenangan diri mereka sendiri) (Surah *al-Rūm* 30:44).

Dalam ayat di atas terdapat penggunaan *wāw 'atf* iaitu yang menggabungkan antara rangkai kata مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِأَنْفُسِهِمْ (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-Andalusiy (2008, vol.7:172) ayat ini menceritakan tentang keadaan dua golongan iaitu golongan yang kufur (*ma'tūf 'alayh*) dan golongan yang beriman (*ma'tūf*) pada hari akhirat kelak. Kandungan ayat ini mempunyai hubungan dengan ayat sebelumnya iaitu ayat 42 dan ayat 43 surah *al-Rūm*. Firman Allah S.W.T.:

(43) قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلُ ۗ كَانُوا أَكْثَرَهُمْ مُّشْرِكِينَ (42) فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ الْقَيِّمِ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَّا مَرَدَّ لَهُ مِنَ اللَّهِ ۗ يَوْمَئِذٍ يَصَّدَّعُونَ

Terjemahannya: (Katakanlah: “Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang terdahulu (yang telah dibinasakan); kebanyakan mereka adalah orang-orang musyrik (42) (Jika demikian keadaannya) maka hadapkanlah dirimu (wahai Muhammad) ke arah agama yang betu, sebelum datangnya dari Allah hari yang tak dapat ditolak. Pada hari itu manusia akan berpecah (kepada dua golongan)) (Surah *al-Rūm* 30:42-43)

Menurut Ibn ‘Āsyūr (1984, vol.21:116) ayat 42 dan 43 surah *al-Rūm* juga menceritakan tentang kesudahan dua golongan manusia di hari akhirat iaitu orang kafir dan orang beriman. Ayat ini menerangkan isi kandungan ayat sebelum yang menceritakan terlebih dahulu kebinasaan yang menimpa orang kafir disebabkan oleh kesyirikan sebelum dinyatakan perintah kepada orang beriman supaya teguh di atas jalan agama. Oleh itu, ayat di atas dimulakan dengan keadaan orang kafir (*ma ‘tūf ‘alayh*) terlebih dahulu sebelum menceritakan tentang keadaan orang Islam pada hari akhirat kelak (*ma ‘tūf*) (Ibn ‘Āsyūr, 1984).

Oleh kerana elemen ‘*atf* dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan susunan kesudahan, iaitu susunan antara kesudahan golongan yang kufur (*ma ‘tūf ‘alayh*) yang mendahului kesudahan golongan yang beriman (*ma ‘tūf*) pada hari akhirat berdasarkan urutan dalam ayat sebelumnya, maka terdapat petanda susunan yang memberi makna makna turutan pada rangkai kata *وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا*.

Ayat ke-9:

لِيَجْزِيَ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ

Terjemahannya: (Kerana Allah akan membalas orang beriman dan mengerjakan amalan kebaikan daripada limpah kurniaNya. Sesungguhnya, Dia tidak menyukai orang yang kufur ingkar) (Surah *al-Rūm* 30:45).

Dalam ayat berkenaan terdapat penggunaan *wāw ‘atf* yang menghubungkan antara kata kerja *آمَنُوا* (*ma ‘tūf ‘alayh*) dengan rangkai kata *عَمِلُوا الصَّالِحَاتِ* (*ma ‘tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Analisis petanda makna *wāw ‘atf* dan maknanya dalam ayat ini adalah seperti analisis petanda dan makna *wāw ‘atf* dalam ayat 15 surah *al-Rūm*: (فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ) (“Adapun orang beriman dan mengerjakan amalan kebaikan”).

Oleh kerana elemen ‘*atf* dalam ayat ini berkaitan dengan susunan peringkat keimanan dan amalan kebaikan, iaitu keimanan (*ma ‘tūf ‘alayh*) adalah pintu dan titik permulaan kepada

amalan kebaikan (*ma'tūf*), maka terdapat petanda susunan yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ.

Ayat ke-10:

اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ وَيَجْعَلُهُ كِسْفًا ...

Terjemahannya: (Allah jualah yang menghantar angin lalu angin itu menggerakkan awan. Kemudian, Allah menyebarkannya di langit sebagaimana yang dikehendakiNya dan menjadikannya berkelompok-kelompok...) (Surah *al-Rūm* 30:48).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata كِسْفًا وَيَجْعَلُهُ (ma'tūf) (al-Ibrāhīm, 2012). Ayat berkenaan menjelaskan tentang peringkat kejadian awan jenis berlapis (السَّحَابُ الطَّبَقِيُّ) (al-Muwayl, 1995:39). Kejadian berkenaan bermula dengan angin yang menggerakkan awan yang mengandungi air yang disejat. *Ma'tūf 'alayh* dalam ayat ini pula menghuraikan peringkat kedua iaitu keadaan awan selepasnya yang berkembang dan menutup sebahagian besar langit. *Ma'tūf* pula menjelaskan peringkat terakhir iaitu awan menjadi berlapis di atas satu sama lain.

Oleh kerana elemen '*atf* dalam ayat berkenaan mempunyai kaitan dengan susunan peringkat kejadian awan berlapis, iaitu keadaan awan berkembang dan menutup sebahagian besar langit (*ma'tūf 'alayh*) adalah peringkat yang berlaku sebelum keadaan awan berbentuk lapisan (*ma'tūf*), maka terdapat petanda susunan yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَيَجْعَلُهُ كِسْفًا.

4.3.5 Petanda Kemuliaan Dan Kesempurnaan (الْفَضْلُ وَالْكَمَالُ)

Faktor kemuliaan merujuk kepada sesuatu perkara yang lebih mulia dan lebih afdal daripada yang lain (Ibn Qayyim, t.t). Terdapat beberapa ayat kajian yang mengandungi petanda makna ini. Ayat-ayat berkenaan ialah firman Allah S.W.T.:

Ayat 1:

وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ

Terjemahannya: *(Dan segala puji bagiNya baik di langit dan di bumi pada waktu malam dan pada waktu zuhur (tengah hari))* (Surah *al-Rūm* 30:18).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *لَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَاوَاتِ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan perkataan *الْأَرْضِ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Rangkai kata *وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ* menonjolkan hakikat ketuhanan di langit dan di bumi. Seakan-akan Allah S.W.T. berfirman: *“Dialah (Allah) Tuhan di langit dan di bumi”* (Surah *al-Zukhruf* 43:84). Ayat berkenaan memperkatakan tentang perlakuan bertahmid yang dilaksanakan oleh makhluk yang berada di langit dan makhluk yang berada di bumi (al-Uramiy, 2001,vol.22:96).

Perlakuan bertahmid merupakan salah satu bentuk ibadah kepada Allah S.W.T. ('Abd al-Ghāniy, 2004:587). Ibadah yang dilakukan oleh makhluk yang berada di langit seperti para malaikat (*ma'tūf 'alayh*) adalah lebih mulia berbanding dengan ibadah umat manusia yang merupakan makhluk di bumi (*ma'tūf*). Hal ini kerana malaikat merupakan makhluk yang paling banyak beribadah dan merupakan ibadah yang paling ikhlas (al-Rāziy, 1981,vol.2:232; al-Zuḥayliy, 1997,vol.27:48).

Elemen 'atf dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan kemuliaan, iaitu kemuliaan ibadah yang dilakukan oleh para malaikat (*ma'tūf 'alayh*) yang melebihi kemuliaan ibadah umat manusia (*ma'tūf*), maka terdapat petanda kemuliaan. Menurut Ibn Qayyim (t.t) petanda kemuliaan merujuk kepada sesuatu perkara yang lebih mulia dan lebih afdal daripada yang lain. Jika kemuliaan *ma'tūf 'alayh* melebihi kemuliaan *ma'tūf*, maka hal ini mengisyaratkan kepada petanda kemuliaan yang memberi makna turutan pada *wāw 'atf* (Ibn Qayyim, t.t). Oleh kerana kemuliaan ibadah yang dilakukan oleh para malaikat (*ma'tūf 'alayh*) melebihi kemuliaan ibadah umat manusia (*ma'tūf*), maka terdapat petanda kemuliaan yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَالْأَرْضِ*.

Ayat ke-2:

يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَلِكَ تُخْرَجُونَ

Terjemahannya: *(Dia mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup dan menghidupkan bumi setelah mati (kering) dan seperti itulah kamu akan dikeluarkan)* (Surah *al-Rūm* 30:19).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* bermaksud Allah S.W.T. mengeluarkan manusia daripada mati, dan mengeluarkan burung daripada telur. Rangkai kata *يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* pula bermaksud Allah S.W.T. juga mengeluarkan mani daripada manusia dan mengeluarkan telur daripada burung (al-Maḥaliy, 2010:406). Ibn 'Abbās dan Ibn Mas'ūd sepertimana yang dinukilkan oleh al-Alūsiy (2008, vol.4:30) mengatakan bahawa rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* adalah contoh kehidupan dan kematian.

Justeru, rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* (*ma'tūf 'alayh*) membawa maksud kehidupan manakala rangkai kata *يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* (*ma'tūf*) membawa maksud kematian.

Namun begitu, aspek kehidupan (*ma'tūf 'alayh*) lebih mulia berbanding dengan aspek kematian (*ma'tūf*) (Murād, 2004:181). Menurut al-Rāziy (1981, vol.7:25) tidak dinafikan bahawa kehebatan penciptaan lebih menonjol dalam aspek kehidupan berbanding dengan aspek kematian. al-Qarniy (1993:240) menegaskan bahawa kehidupan lebih menampakkan tanda-tanda keagungan dan kebesaran Allah S.W.T. berbanding dengan kematian. Justeru, dapat disimpulkan bahawa aspek kehidupan (*ma'tūf 'alayh*) lebih mulia berbanding dengan aspek kematian (*ma'tūf*).

Sesuatu yang lebih mulia akan didahulukan dalam ayat al-Quran berbanding yang kurang mulia (Ibn Qayyim, t.t). Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini berkaitan dengan kemuliaan, iaitu kemuliaan aspek kehidupan (*ma'tūf 'alayh*) melebihi kemuliaan aspek kematian (*ma'tūf*), maka terdapat petanda kemuliaan yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ*.

Ayat ke-3:

وَلَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّ لَهُ قَانِتُونَ

Terjemahannya: (Dan milikNya apa yang ada di langit dan di bumi, semuanya hanya tunduk kepadaNya) (Surah al-Rūm 30:26).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *وَلَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan perkataan *الْأَرْضِ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-Andalusiy (2008, vol.7:165) rangkai kata *وَلَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ* bermaksud segala makhluk di langit dan di bumi adalah di bawah pemerintahan dan kekuasaan Allah S.W.T. al-Rāziy (1981, vol.25:117) berpendapat bahawa rangkai kata *وَلَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ*

وَالْأَرْضِ menunjukkan kepada makna keesaan iaitu tiada sekutu bagi Allah S.W.T. kerana semua makhluk ciptaanNya diurus dan tunduk kepadaNya. Hal ini dapat difahami berdasarkan *ism mawṣūl* مَنْ dalam rangkai kata berkenaan yang menunjukkan bahawa maksud yang dikehendaki ialah semua jenis makhluk yang bernyawa (Ibn ‘Āsyūr, 1984,vol.21:82).

Abū al-Su‘ūd (t.t, vol.7:58) menyatakan bahawa *ism mawṣūl* مَنْ dalam rangkai kata berkenaan melibatkan manusia, para malaikat dan jin. Perkataan قَاتِلُونَ dalam ayat ini membawa maksud ketaatan mereka terhadap kehendak Allah S.W.T., bukannya ketaatan beribadah kepadaNya. Urusan kehidupan mereka berdasarkan ketentuanNya, contohnya kehidupan, kematian, kesihatan, kesakitan dan sebagainya (al-Uramiy, 2001,vol.22:131).

Menurut al-Sya‘rāwiy (1971:11384) sebaik-baik dan semulia-mulia makhluk ciptaan Allah S.W.T. yang tunduk dan patuh kepadaNya ialah makhluk yang berada di langit iaitu para malaikat (*ma‘tūf ‘alayh*) berbanding manusia (*ma‘tūf*). Hal ini kerana para malaikat melakukan ketaatan kepada Allah S.W.T. tanpa mengingkariNya berdasarkan firman Allah S.W.T.:

لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

Terjemahannya: (Mereka tidak derhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan) (Surah al-Tahrīm 66:6)

Oleh kerana elemen *‘atf* dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan kemuliaan, iaitu kemuliaan para malaikat yang menghuni langit, tunduk dan patuh kepada Allah (*ma‘tūf ‘alayh*) melebihi kemuliaan umat manusia yang menghuni bumi (*ma‘tūf*), tunduk dan patuh kepadaNya, maka terdapat petanda kemuliaan yang memberi makna turutan pada perkataan وَالْأَرْضِ.

Seterusnya, terdapat beberapa ayat kajian yang mempunyai kaitan dengan keutamaan sesuatu perkara yang melebihi perkara yang utama. Oleh kerana ayat berkenaan mengandungi ciri keutamaan, maka terdapat petanda makna *wāw 'atf* baharu yang dilabelkan sebagai petanda keutamaan (الأَوْلَوِيَّةُ) dalam ayat kajian. Petanda keutamaan merujuk kepada sesuatu perkara yang lebih utama dan penting daripada yang utama. Terdapat beberapa ayat kajian yang mengandungi petanda makna ini. Ayat-ayat berkenaan ialah Allah S.W.T. berfirman:

Ayat 1:

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضَ وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

Terjemahannya: *(Dan tidakkah mereka berjalan serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu daripada mereka ? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri dan mereka telah meneroka bumi (tanah) serta memakmurkannya melebihi apa yang telah mereka makmurkan dan orang-orang itu telah didatangi oleh rasul-rasul dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas. Maka, Allah sama sekali tidak menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri)* (Surah al-Rūm 30:9).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً* (*Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri*) sebagai *ma'tūf* 'alayh dengan rangkai kata *أَثَارُوا الْأَرْضَ* (*mereka telah meneroka bumi (tanah)*) sebagai *ma'tūf* (al-Ibrāhīm, 2012). Aspek kekuatan fizikal (*ma'tūf 'alayh*) menjadi keutamaan dalam kalangan kaum-kaum terdahulu berbanding aspek lain seperti aspek penerokaan bumi (*ma'tūf*), kemajuan dan sebagainya. Hal ini kerana kekuatan fizikal adalah aspek yang kebiasaannya dibanggakan oleh orang yang cintakan dunia dan bermegah-megah dengannya (al-Zamakhshariy, 2009:826).

Firman Allah S.W.T.:

فَأَمَّا عَادُ فَاسْتَكْبَرُوا فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَقَالُوا مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۗ أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً...

Terjemahannya: (Maka adapun kaum 'Ād, mereka menyombongkan diri di bumi tanpa (menghiraukan) kebenaran dan mereka berkata : “Siapakah yang lebih hebat kekuatannya daripada kami?” Tidakkah mereka memerhatikan bahawa sesungguhnya Allah yang menciptakan mereka. Dia lebih hebat kekuatanNya daripada mereka...) (Surah Fuṣṣilat 41:15).

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat di atas berkaitan dengan keutamaan, iaitu keutamaan aspek kekuatan fizikal (*ma'tūf 'alayh*) melebihi keutamaan penerokaan bumi dalam kalangan kaum-kaum terdahulu (*ma'tūf*), maka terdapat petanda keutamaan yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَأَثَارُوا الْأَرْضَ.

Ayat ke-2:

وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَلِقَاءِ الْآخِرَةِ فَأُولَٰئِكَ فِي الْعَذَابِ مُحْضَرُونَ

Terjemahannya:)Dan adapun golongan yang kufur dan mendustakan ayat-ayat Kami serta mendustakan urusan akhirat, maka mereka akan tetap berada di dalam azab (neraka)) (Surah al-Rūm 30:16).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata لِقَاءِ الْآخِرَةِ (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Allah S.W.T. menggunakan rangkai kata لِقَاءِ الْآخِرَةِ (*ma'tūf*) secara khusus dalam ayat berkenaan walaupun rangkai kata berkenaan terkandung dalam konteks penafian terhadap tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T. (*ma'tūf 'alayh*) sebagai isyarat keutamaan terhadap urusan akhirat supaya urusan akhirat diberi perhatian dan keprihatinan (Abū al-Su'ūd, t.t.vol.7:54).

Oleh kerana elemen 'atf dalam ayat berkenaan mempunyai kaitan dengan keutamaan, iaitu keutamaan urusan akhirat (*ma'tūf*) yang melebihi keutamaan tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T. yang lain (*ma'tūf 'alayh*), maka terdapat petanda keutamaan dengan makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَلِقَائِ الْآخِرَةِ*.

Ayat ke-3:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ أَلْوَانِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

Terjemahannya: *(Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah penciptaan langit dan bumi dan perbezaan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang yang mengetahui)* (Surah *al-Rūm* 30:22).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *اخْتِلَافُ أَلْوَانِكُمْ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *أَلْوَانِكُمْ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Merujuk kepada pendapat yang dinukilkan oleh Ibn al-Jawziy (2002:1092) sebahagian ulama berpendapat bahawa rangkai kata *اخْتِلَافُ أَلْوَانِكُمْ* dalam ayat ini bermaksud perbezaan warna kulit manusia yang pelbagai.

Ilmu anatomi mengesahkan bahawa daging manusia yang terletak di bawah lapisan kulitnya adalah sama dari sudut warnanya iaitu putih dan hitam. Daripada dua warna ini, terhasilnya warna-warna lain berdasarkan kepada kaum-kaum tertentu. Oleh itu wujudnya kulit manusia yang berwarna kuning langsung, sawo matang atau kemerah-merahan (Ibn 'Āsyūr, 1984,vol.21:75). Perbezaan bahasa dan warna kulit dalam kalangan manusia akan membawa kepada perkenalan antara mereka (al-Zamakhsyariy, 2009:828). Sekiranya tiada perbezaan bahasa dan warna kulit, maka hal ini akan mengundang kekeliruan dan halangan memperoleh manfaat muamalah dan pergaulan yang terjadi di antara manusia (al-Andalusiy, 2008,vol.7:162).

Dalam konteks muamalah, manusia memerlukan perbezaan antara satu sama lain. Antaranya perbezaan bahasa seperti yang dinyatakan dalam rangkai kata اِخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ (*ma'tūf 'alayh*) dalam ayat di atas. Manusia membezakannya melalui pendengaran iaitu mendengar suara-suara yang menuturkan pelbagai bahasa.

Perbezaan dalam kalangan manusia juga terzhahir dari sudut perbezaan warna kulit. Hal ini difahami daripada daripada rangkai kata أَلْوَانِكُمْ (*ma'tūf*). Manusia membezakannya melalui penglihatan iaitu melihat pelbagai warna kulit manusia (al-Rāziy, 1981, vol.25:113). Justeru dapat disimpulkan bahawa perbezaan bahasa (*ma'tūf 'alayh*) mempunyai hubungan dengan nikmat pendengaran manakala perbezaan warna kulit manusia (*ma'tūf*) mempunyai hubungan dengan nikmat penglihatan.

Pendengaran (*ma'tūf 'alayh*) merupakan pancaindera paling utama berbanding dengan pancaindera-pancaindera lain (*ma'tūf*) (Kahlat, 2012:111). Menurut al-Daghsyiy (2002:227-228) al-Quran mendahulukan pendengaran ke atas penglihatan dalam banyak tempat kerana pendengaran (*ma'tūf 'alayh*) lebih utama berbanding dengan penglihatan (*ma'tūf*) dari sudut fungsi pancaindera, serta pencarian ilmu.

Seseorang yang cacat penglihatan mampu mempelajari bahasa dan mencari ilmu. Berbeza dengan seseorang yang cacat pendengaran yang sukar untuk memperolehinya. Pendengaran lebih penting dalam mendatangkan bukti ke atas manusia berbanding dengan penglihatan yang bersifat terhad. Pendengaran juga mampu mengesan bunyi dari jarak tertentu lalu manusia memperolehi maklumat. Berbeza dengan penglihatan yang tidak mampu mengesan bunyi.

Oleh kerana elemen ‘*atf*’ dalam ayat ini berkaitan dengan keutamaan, iaitu keutamaan aspek pendengaran (*ma‘tūf ‘alayh*) melebihi keutamaan aspek penglihatan (*ma‘tūf*), maka terdapat petanda keutamaan yang memberi makna turutan pada rangkai kata وَأَلْوَانِكُمْ.

Ayat ke-4:

وَمِنْ آيَاتِهِ مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَابْتِغَاؤُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ

Terjemahannya: *(Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah tidurmu pada waktu malam dan siang hari dan usahamu mencari rezeki daripada kurniaanNya. Sesungguhnya keadaan demikian mengandungi tanda-tanda bagi kaum yang mendengar)* (Surah *al-Rūm* 30:23).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw ‘atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ* (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan rangkai kata *ابْتِغَاؤُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ* (*ma‘tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Perlakuan tidur (*ma‘tūf ‘alayh*) didahulukan ke atas perlakuan mencari rezeki (*ma‘tūf*) dalam ayat berkenaan kerana tidur dan istirahat adalah keperluan manusia sama ada kaya atau miskin, manakala pencarian rezeki berlaku pada golongan yang kekurangan sahaja (al-Nīsābūriy, 1996, vol.5:408).

Namun jika nikmat tidur berkenaan dibuang daripada rutin kehidupan manusia, mereka tidak akan memperolehi kembali tenaga yang telah digunakan (al-Ṭanṭāwiy, 1992, vol.3:39-40). Menurut Ibn ‘Āsyūr (1984, vol.21:76) rangkai kata *ابْتِغَاؤُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ* yang bermaksud pencarian rezeki adalah kiasan kepada bersegera dalam bekerja. Hal ini kerana pencarian rezeki memerlukan kepada usaha bersegera bangun daripada tidur. Justeru, rehat yang terdapat dalam perlakuan tidur menyebabkan fizikal seseorang kembali cergas untuk melakukan sesuatu pekerjaan.

Oleh kerana elemen ‘*atf*’ dalam ayat di atas berkaitan dengan keutamaan, iaitu keutamaan dan kepentingan perlakuan tidur (*ma‘tūf ‘alayh*) melebihi keutamaan perlakuan mencari

rezeki bagi manusia (*ma'tūf*), maka terdapat petanda keutamaan yang memberi makna turutan pada rangkai kata *وَإِنِّي أَخَافُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ*.

Ayat ke-5:

فَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ذَلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Terjemahannya: *(Maka berikanlah akan hak masing-masing kepada kaum kerabat yang hampir denganmu dan golongan miskin dan orang musafir. Pemberian yang demikian adalah baik bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah dan mereka itulah golongan yang berjaya)* (Surah *al-Rūm* 30:38).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *فَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan perkataan *الْمِسْكِينَ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Allah S.W.T. memerintahkan supaya diberikan hak kepada kaum kerabat yang hampir kerana hubungan kekeluargaan yang rapat dan sedekah terbaik adalah sedekah kepada ahli keluarga terdekat yang ada silaturahim. Ini merupakan amalan Rasulullah S.A.W. yang mengutamakan kaum keluarga terdekat dalam memberikan sedekah dan sumbangan (al-Qurṭubiy, 2006, vol.16:435-436). al-Uramiy (2001, vol.22:149) menegaskan bahawa pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat (*ma'tūf 'alayh*) adalah pemberian paling utama berbanding pemberian hak kepada golongan miskin (*ma'tūf*).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan keutamaan, iaitu keutamaan pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat (*ma'tūf 'alayh*) melebihi keutamaan pemberian hak kepada orang miskin (*ma'tūf*), maka terdapat petanda keutamaan yang memberi makna turutan pada perkataan *وَالْمِسْكِينَ*.

Dalam ayat ini juga terdapat *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkaian kata فَآتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ (ma'tūf 'alayh) dengan perkataan ابْنِ السَّبِيلِ (ma'tūf) (al-Ibrāhīm, 2012). Hakikatnya, keutamaan pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat (ma'tūf 'alayh) melebihi keutamaan pemberian hak kepada orang musafir (ma'tūf) (al-Uramiy, 2001; al-Durrat, 2009).

Oleh kerana elemen '*atf* dalam ayat berkaitan dengan keutamaan, iaitu keutamaan pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat (ma'tūf 'alayh) melebihi keutamaan pemberian hak kepada orang musafir (ma'tūf), maka terdapat petanda keutamaan yang memberi makna turutan pada perkataan وَأَبْنِ السَّبِيلِ.

Ayat ke-6:

...سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Terjemahannya: (...Maha Suci Allah dan Dia yang Maha Tinggi dari apa yang mereka persekutukan) (Surah al-Rūm 30:40).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkaian kata سُبْحَانَهُ (ma'tūf 'alayh) dengan perkataan تَعَالَىٰ (ma'tūf) (al-Ibrāhīm, 2012). Menurut al-Ṭabariy (1994, vol.6:109) ayat berkenaan menjelaskan kepada orang kafir bahawa Allah jualah yang mencipta manusia, memberikan rezeki, mematikan manusia dan menghidupkan mereka semula untuk dibangkitkan pada hari akhirat.

Allah S.W.T. mencela mereka dengan mengatakan berhala-berhala tidak mampu melakukan sedemikian. Maka, bagaimanakah orang kafir mampu menyekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak mampu berbuat apa-apa? Oleh itu, Allah berlepas diri daripada tuduhan mereka yang mengatakan Tuhan itu bersekutu dengan rangkaian kata سُبْحَانَهُ (Maha Suci Allah) dan تَعَالَىٰ (Maha Tinggi).

Sifat Maha Suci Allah S.W.T. (*ma'tūf 'alayh*) melebihi keutamaan sifat Maha TinggiNya (*ma'tūf*) dari sudut hujah kerana (*ma'tūf 'alayh*) berperanan sebagai hujah utama dalam menolak tuduhan orang kafir yang menganggap bahawa Tuhan itu bersekutu ('Āsyūr, 2004:1570).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat di atas mempunyai kaitan dengan keutamaan, iaitu sifat Maha Suci Allah S.W.T. (*ma'tūf 'alayh*) melebihi keutamaan sifat Maha TinggiNya (*ma'tūf*), maka terdapat petanda keutamaan yang memberi makna turutan pada perkataan *تَعَالَى*.

Ayat ke-7:

فَإِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ

Terjemahannya: (*Maka sesungguhnya, engkau (Wahai Muhammad) tidak dapat menjadikan orang yang mati (hatinya) itu mendengar (menerima ajaranmu) dan tidak dapat menjadikan orang pekak itu mendengar seruan, apabila mereka berpaling ke belakang*) (Surah al-Rūm 30:52).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menggabungkan antara rangkai kata *لَا تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan rangkai kata *فَإِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَىٰ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Allah S.W.T. menyatakan kepada Rasulullah S.A.W. bahawa bukti kebenaran yang dibawa telah jelas. Namun, orang kafir dengan kebiasaan mereka, mengikuti kekufuran umat-umat terdahulu. Akal mereka telah 'mati' dan mata mereka telah 'buta'. Justeru, orang kafir diumpamakan seperti orang mati (*ma'tūf 'alayh*) yang menggambarkan kiasan kepada hati mereka yang 'mati' kerana menolak kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W..

al-Bayḍāwiy (t.t, vol.4:210) berpandangan bahawa rangkai kata *لَا تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ* (*ma'tūf*) menguatkan keadaan orang kafir yang menolak kebenaran bahawa adalah

mustahil untuk menjadikan mereka mendengar kebenaran. Hal ini kerana orang pekak yang berhadapan dengan penutur, meskipun mereka tidak mendengar, namun mereka memahami dengan pergerakan tertentu.

Menurut Abū al-Su‘ūd (t.t, vol.7:58) orang pekak yang berhadapan dengan penutur akan memahami daripada pergerakan tertentu meskipun tidak mendengar. Namun, apabila orang pekak berpaling daripada penutur dan ia perumpamaan bagi keadaan orang kafir yang menolak kebenaran, maka dia tidak akan memahami ujaran penutur. Situasi ini difahami berdasarkan rangkai kata إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ (apabila mereka berpaling ke belakang). Justeru, perumpamaan bagi orang kafir iaitu orang pekak yang berpaling daripada penutur (*ma‘tūf*) menjadi hujah utama dalam menonjolkan kekufuran dan kedegilan mereka berbanding dengan perumpamaan kepada mereka iaitu seperti orang mati (*ma‘tūf ‘alayh*) (Abū al-Su‘ūd, t.t,vol.7:58).

Oleh kerana elemen *‘atf* dalam ayat di atas berkaitan dengan keutamaan, iaitu keutamaan perumpamaan orang pekak yang berpaling daripada penutur (*ma‘tūf*) melebihi keutamaan perumpamaan orang mati (*ma‘tūf ‘alayh*), maka terdapat petanda keutamaan yang memberi makna turutan berlawan pada rangkai kata وَلَا تُسْمِعُ الصَّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ.

Ayat ke-8:

وَقَالَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَالْإِيمَانَ لَقَدْ لَبِثْتُمْ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِلَى يَوْمِ الْبَعْثِ ...

Terjemahannya: (Dan golongan yang diberi ilmu dan keimanan berkata (kepada orang kafir) : Sesungguhnya kamu telah tinggal (dalam kubur) menurut ketetapan Allah sampai ke hari kebangkitan...) (Surah *al-Rūm* 30:56).

Dalam ayat ini terdapat penggunaan *wāw 'atf* yang menghubungkan antara rangkai kata *أُوتُوا الْعِلْمَ* (*ma'tūf 'alayh*) dengan perkataan *الْإِيمَانَ* (*ma'tūf*) (al-Ibrāhīm, 2012). Allah S.W.T. mengutamakan keimanan (*ma'tūf*) lalu menyebutnya secara khusus dalam ayat berkenaan (Ibn 'Atīyyaṭ, 2001, vol.4:344; al-Andalusiy, 2008, vol.7:175). Hal ini kerana ilmu (*ma'tūf 'alayh*) tanpa keimanan (*ma'tūf*) tidak akan membimbing ke arah akidah yang benar yang merupakan kejayaan di dunia dan akhirat (Ibn 'Āsyūr, 1984, vol.21:131).

Oleh kerana elemen *'atf* dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan keutamaan, iaitu keutamaan aspek keimanan (*ma'tūf*) yang melebihi keutamaan aspek keilmuan (*ma'tūf 'alayh*), maka terdapat petanda keutamaan dengan makna turutan berlawanan pada rangkai kata *وَالْإِيمَانَ*.

Kesimpulannya; terdapat sebanyak 11 *wāw 'atf* yang mengandungi petanda masa dalam ayat-ayat kajian dan 5 *wāw 'atf* yang datang dengan petanda keadaan semula jadi. Selain itu, didapati sebanyak 16 kali pengulangan penggunaan *wāw 'atf* yang mengandungi petanda sebab dan 10 yang mengisyaratkan kepada petanda susunan. Di samping itu, terdapat sebanyak 3 *wāw 'atf* yang digunakan dengan petanda kemuliaan dan 9 dengan petanda keutamaan.

4.4 Rumusan Perkaitan Antara *Ma'tūf 'Alayh* Dengan *Ma'tūf* Dalam Surah *Al-Rūm*

Elemen *'atf* yang terdiri daripada *ma'tūf 'alayh* dan *ma'tūf* dalam al-Quran al-Karim merupakan gaya bahasa *'atf* yang menghuraikan tentang Islam dan objektifnya yang mempunyai hubungan dengan manusia. Ini juga adalah penerangan yang perlu diteliti oleh manusia agar mencapai maksud dan tujuan kehidupan mereka di dunia. Oleh yang demikian, gaya bahasa *'atf* dalam al-Quran memiliki susunan khusus yang membentuk kehalusan makna tertentu sama ada berkaitan dengan tema akidah, akhlak individu, akhlak masyarakat atau kemanusiaan.

4.4.1 Ayat Dengan Makna Turutan

Makna turutan dalam perbincangan *'atf* bermaksud masa *ma'tūf alayh* mendahului masa *ma'tūf*, konsep *ma'tūf alayh* mendahului konsep *ma'tūf* serta susunan *ma'tūf 'alayh* mendahului susunan *ma'tūf* (Ibn Qayyim, t.t). Selain itu, makna turutan juga difahami apabila kemuliaan *ma'tūf 'alayh* melebihi kemuliaan *ma'tūf* dan keutamaan *ma'tūf 'alayh* melebihi keutamaan *ma'tūf* (Ibn Qayyim, t.t). Terdapat beberapa ayat kajian yang mengandungi makna turutan. Ayat-ayat berkenaan ialah:

1) Allah S.W.T. berfirman:

فِي بَضْعِ سِنِينَ لِلَّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدُ وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ الْمُؤْمِنُونَ

Terjemahannya: (Dalam beberapa tahun (lagi). Bagi Allah jualah urusan sebelum dan setelah (kemenangan) dan pada ketika berlakunya (kemenangan Rom) itu, orang beriman akan bergembira) (Surah al-Rūm 30:4)

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.4: Elemen ‘atf dalam ayat 4 surah *al-Rūm*

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
مِنْ قَبْلُ	مِنْ بَعْدُ	Masa	Turutan

Dalam ayat ini, terdapat rangkai kata (*sebelum kemenangan Rom*) sebagai *ma‘tūf ‘alayh* yang dihubungkan dengan rangkai kata (*selepas kemenangan Rom*) sebagai *ma‘tūf*. *Ma‘tūf ‘alayh* berkenaan bermaksud kekalahan Rom yang berlaku tujuh tahun sebelum kemenangan mereka (*ma‘tūf*) ke atas Parsi yang berlaku pada tahun ke-2 Hijrah (al-Qurtūbiy, 2006). Hakikatnya, kekalahan Rom (*ma‘tūf ‘alayh*) dan kemenangan mereka (*ma‘tūf*) di tentukan oleh Allah S.W.T. berdasarkan ketetapan dan kehendakNya (al-Ṭanṭawiy, 1992; al-Khāzin, 2004; al-Andalusiy, 2008). Hal ini difahami daripada pendepanan rangkai kata لِلَّهِ الْأَمْرُ yang menggambarkan penafian terhadap dakwaan orang kafir bahawa kemenangan Parsi disebabkan oleh bantuan daripada berhala sembahkan mereka (Ibn ‘Āsyūr 1984, vol.21:46).

Peristiwa kekalahan Rom (*ma‘tūf ‘alayh*) dan kemenangan mereka (*ma‘tūf*) sebenarnya atas kehendak Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T.:

إِنْ يَمْسَسْكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُ ۗ وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ...

Terjemahannya: (*Jika kamu (dalam peperangan Uhud) tercedera, sesungguhnya kaum (musyrik yang menyerang kamu) itu juga tercedera (dalam peperangan Badar). Demikianlah keadaan hari (kemenangan dan kekalahan), Kami (Allah) menggilirkannya antara manusia...*) (Surah *Āli ‘Imrān* 3:140).

Menurut al-Ṭabariy (1994), Allah S.W.T. memberikan kemenangan kepada orang Islam dalam peperangan Badar namun Dia memberikan pula kemenangan kepada orang kafir dalam peperangan Uhud. Hal ini kerana hanya Allah S.W.T. yang menentukan semua urusan kehidupan manusia seperti kemenangan dan kekalahan sama ada melibatkan orang Islam

mahupun orang kafir. Hal ini difahami berdasarkan perkataan النَّاسِ yang datang dengan maksud semua manusia sama ada yang beriman atau kafir.

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ayat di atas mengisyaratkan bahawa semua urusan kehidupan manusia hanya ditentukan dan ditetapkan oleh Allah S.W.T. berdasarkan kehendakNya.

2) Allah S.W.T. berfirman:

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا فِي أَنفُسِهِمْ مَا خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى...

Terjemahannya: *(Dan mengapa mereka tidak memikirkan tentang (kejadian) diri mereka? Allah tidak menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada antara keduanya melainkan dengan (tujuan) yang sebenar dan dalam waktu yang tertentu...)* (Surah al-Rūm 30:8).

Elemen 'atf dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.5 berikut:

Jadual 4.5: Elemen 'atf dalam ayat 8 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
بِالْحَقِّ	أَجَلٍ مُّسَمًّى	Susunan	Turutan

Dalam ayat ini terdapat rangkai kata بِالْحَقِّ sebagai *ma'tūf 'alayh* yang dihubungkan dengan rangkai kata أَجَلٍ مُّسَمًّى sebagai *ma'tūf*. Menurut al-Zajjāj (1988) perkataan الْحَقُّ datang dengan maksud kebenaran. al-Ṭabariy (1994) pula berpandangan bahawa perkataan الْحَقُّ bermaksud kebenaran dan keadilan. al-Marāghiy (1946) dan al-Nasafiy (1998) pula berpendapat bahawa perkataan ini mengandungi makna hikmah. Walau bagaimanapun, dari sisi lain sebahagian sarjana seperti al-Farrā' (1983), al-Uramiy (2001); al-Qurtubiy (2006) dan al-Māwardiy (t.t) menegaskan bahawa perkataan الْحَقُّ (*ma'tūf 'alayh*) lebih cenderung kepada maksud penciptaan makhluk di dunia bertujuan supaya manusia beribadah kepada

Allah S.W.T. dan setiap perbuatan mereka mengandungi sama ada pahala atau dosa (*ma'tūf 'alayh*).

Pernyataan ini dihubungkan dengan rangkai kata أَجَلٌ مُّسَمًّى (*ma'tūf*) yang bermaksud hari kiamat dan balasan terhadap perbuatan mereka yang berlaku pada hari akhirat (al-Marāghiy, 1946; al-Farrā', 1983; al-Nasafiy, 1998). Pendepanan rangkai kata بِالْحَقِّ ke atas rangkai kata أَجَلٌ مُّسَمًّى dalam ayat ini bertujuan supaya orang kafir berfikir dan menyedari bahawa terdapat hikmah bagi setiap ciptaan Allah S.W.T. yang menjadi bukti utama kewujudan dan keesaanNya (al-Uramiy, 2001, vol.22:87). Hal ini kerana orang kafir hanya melihat kehidupan dunia dari sudut zahir sahaja. Oleh itu, Allah menjelaskan bahawa penciptaan langit, bumi dan apa yang ada di antaranya mengandungi hikmah agar mereka dapat menyimpulkan bahawa wujudnya Tuhan yang Maha Esa, Maha Berkuasa yang menciptakannya (al-Uramiy, 2001, vol.22:87).

Setiap perlakuan manusia di dunia mengandungi sama ada pahala atau dosa (*ma'tūf 'alayh*). Allah S.W.T. tidak menciptakan mereka kekal selama-lamanya di dunia. Manusia akan menghadapi kiamat yang akan membinasakan mereka dan akan diberikan balasan berdasarkan perbuatan mereka pada hari akhirat kelak (*ma'tūf*).

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ayat ini menetapkan tempoh kehidupan mereka yang sementara di dunia. Setiap perlakuan baik dan buruk manusia semasa di dunia (*ma'tūf 'alayh*) akan diberikan sama ada ganjaran pahala atau balasan dosa kepada mereka pada hari akhirat kelak (*ma'tūf*).

3) Firman Allah S.W.T.:

أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضَ وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا كَانَ اللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

Terjemahannya: (Dan tidakkah mereka berjalan serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu daripada mereka? Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri dan mereka telah meneroka bumi (tanah) dan memakmurkannya melebihi apa yang telah mereka makmurkan dan orang-orang itu telah didatangi oleh rasul-rasul dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas. Maka, Allah sama sekali tidak menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri) (Surah al-Rūm 30:9).

Elemen 'atf dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual 4.6 berikut:

Jadual 4.6: Elemen 'atf dalam ayat 9 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً	أَثَارُوا الْأَرْضَ	Keutamaan	Turutan
أَثَارُوا الْأَرْضَ	عَمَرُوهَا	Sebab	Turutan
عَمَرُوهَا	جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ	Susunan	Turutan

Rangkaian kata *كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً* sebagai *ma'tūf 'alayh* merujuk kepada kaum-kaum terdahulu seperti kaum Nabi Hūd, kaum Nabi Šālih dan sebagainya. Mereka terkenal dengan kekuatan dan ketinggian tubuh badan (al-Durraṭ, 2009, vol.7:240). Rangkaian kata ini dihubungkan dengan rangkaian kata *أَثَارُوا الْأَرْضَ* sebagai *ma'tūf*.

Kata kerja *أَثَارُوا* dari sudut bahasa bermaksud menggerakkan sesuatu bahagian. Dalam ayat ini, kata kerja berkenaan bermaksud menggerakkan teras tanah dengan mengeluarkan apa yang tersimpan di dalamnya dan perlakuan ini dikenali sebagai pembajakan dan penanaman. Hal ini menunjukkan kekuatan kaum-kaum terdahulu dan tiada siapa mampu menandingi mereka (Ibn 'Āsyūr, 1984, vol.21:57).

al-Bayḍāwiy (t.t, vol.4:202) menegaskan bahawa mereka menggali tanah untuk mengeluarkan air, logam, penanaman benih dan sebagainya. Ini juga menunjukkan kaum-kaum terdahulu lebih kaya berbanding orang kafir Quraisy kerana mereka meneroka isi bumi (al-Rāziy, 1981,vol.25:101). Kata kerja *أَنَارُوا* (*meneroka*) melambangkan kekuatan kaum-kaum terdahulu yang tidak boleh ditandingi oleh orang kafir Quraisy.

Kata kerja ini dihubungkan pula dengan kata kerja *عَمَرُوها* sebagai *ma'tūf* kedua dengan makna *mereka memakmurkannya*. al-Andalusiy (2008, vol.7:160) berpandangan bahawa kata kerja *عَمَرُوا* yang diambil daripada kata akar *عمر* menunjukkan dua makna dalam ayat ini iaitu kaum-kaum terdahulu menetap di bumi lebih lama berbanding dengan orang kafir Quraisy, atau kemajuan kaum-kaum terdahulu lebih tinggi berbanding dengan kemajuan orang kafir Quraisy. al-Durrat (2009, vol.7:240) menegaskan bahawa kata kerja *عَمَرُوا* menggambarkan kaum-kaum terdahulu memakmurkan bumi dengan membina bangunan-bangunan yang besar dan tinggi dan kemajuan mereka lebih banyak berbanding dengan kemajuan yang dicapai oleh orang kafir Quraisy.

Kaum-kaum terdahulu menerokai bumi untuk mencapai kemajuan seperti mengadakan pembangunan, pembajakan, pertanian, dan sebagainya. Kemahiran yang dimiliki oleh mereka misalnya dalam sektor pembinaan dan pertanian membentuk kemajuan pada zaman itu. Kemajuan berkenaan melebihi kemajuan orang kafir Quraisy kerana kaum-kaum terdahulu lebih kuat dari sudut fizikal dan perolehan harta.

Seterusnya, pernyataan tersebut digabungkan dengan pernyataan *جَاءَهُمْ رَسُولُهُم بِالْبَيِّنَاتِ* (*orang-orang itu telah didatangi oleh rasul-rasul dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas*) sebagai *ma'tūf* ketiga. Perkataan *الْبَيِّنَاتِ* dalam rangkai kata ini bermaksud mukjizat atau hukum-hakam syarak (al-Qurtubiy, 2006,vol.16:402; al-Durrat,

2009,vol.7:241). Menurut al-Sya‘rāwiy (1971:11327) setelah Allah S.W.T. memberikan kaum-kaum terdahulu elemen ketamadunan seperti kekuatan fizikal, keperluan asas dan kemajuan, kemudian Dia memberikan pula kepada mereka nilai-nilai agama. Untuk tujuan berkenaan, nabi telah diutuskan kepada mereka. Nabi membawa tanda-tanda yang jelas menunjukkan kebenarannya dalam menyampaikan kalam Allah dan tanda berkenaan disebut sebagai mukjizat.

Hakikatnya, kemajuan sesebuah negara tanpa bimbingan agama menyebabkan pelbagai kerosakan berlaku kepada dunia sekaligus menimbulkan permasalahan. Maka, agama berperanan dalam memandu manusia membina ketamadunan dengan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan, tujuan sebenar kehidupan dan hakikat ketuhanan.

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam ayat berkenaan mengisyaratkan kepada peringkat pembinaan tamadun dalam kalangan kaum-kaum terdahulu dalam kalangan kaum-kaum terdahulu yang bermula dengan meneroka bumi, memakmurkannya kemudian membina kekuatan rohani dengan nilai-nilai agama.

4) Allah S.W.T. berfirman:

ثُمَّ كَانَ عَاقِبَةَ الَّذِينَ أَسَاءُوا السُّوْأَىٰ ۚ أَن كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَكَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِؤْنَ

Terjemahannya: (Kemudian seburuk-buruk azab (di akhirat) adalah kesudahan bagi orang yang mengerjakan kejahatan kerana mereka mendustakan ayat-ayat Allah dan mereka selalu memperolok-olokkannya) (Surah *al-Rūm* 30:10).

Elemen *‘atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.7: Elemen ‘atf dalam ayat 10 surah *al-Rūm*

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ	كَانُوا بِهَا يَسْتَهْزِؤْنَ	Susunan	Turutan

Tema akidah iaitu pendustaan dan penolakan terhadap tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. yang terdapat dalam ayat ini diulang dalam ayat 17 surah *al-Rūm* dengan gabungan antara *ma'tūf 'alayh* (كَفَرُوا) dengan *ma'tūf* (كَذَّبُوا). Hal ini difahami berdasarkan perkataan آيات yang terdapat dalam ayat berkenaan yang bermaksud tanda-tanda kekuasaanNya seperti al-Quran dan mukjizat Rasulullah S.A.W. (Ibn 'Āsyūr, 1984, vol.21:60).

Dalam ayat di atas, sifat mendustakan sebagai *ma'tūf 'alayh* digabungkan dengan sifat memperolok-olok sebagai *ma'tūf*. Menurut al-Andalusiyy (2008, vol.4:79) pendustaan dan penolakan terhadap tanda kekuasaan Allah S.W.T. khususnya dalam kalangan orang kafir melibatkan tiga sifat yang mempunyai susunannya. Sifat pertama ialah الإِعْرَاضُ iaitu sifat berpaling dan enggan meneliti bukti-bukti kekuasaan Allah S.W.T. Kemudian, التَّكْذِيبُ iaitu sifat mendustakannya (*ma'tūf 'alayh*) yang melebihi sifat berpaling. Sifat mendustakan ini diikuti dengan الإِسْتِهْزَاءُ iaitu sifat memperolok-olok (*ma'tūf*). Sifat memperolok-olok merupakan sifat tertinggi dan kemuncak kepada penolakan orang kafir. Oleh itu pendustaan dan penolakan terhadap tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. bermula dengan sifat berpaling, kemudian sifat mendustakan dan kemuncaknya adalah sifat memperolok-olok.

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* (sifat mendustakan) dengan *ma'tūf* (sifat memperolok-olok) dalam ayat di atas mengisyaratkan kepada peringkat pendustaan dan penolakan terhadap tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T.

5) Allah S.W.T. berfirman:

فَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَهُمْ فِي رَوْضَةٍ يُحْبَرُونَ

Terjemahannya: (Adapun orang beriman dan mengerjakan amalan kebaikan, maka mereka akan ditempatkan di taman (syurga) dalam keadaan bergembira) (Surah *al-Rūm* 30:15).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.8 berikut:

Jadual 4.8: Elemen ‘atf dalam ayat 15 surah *al-Rūm*

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
آمَنُوا	عَمِلُوا الصَّالِحَاتِ	Susunan	Turutan

Gabungan antara *ma‘tūf ‘alayh* (آمَنُوا) dengan *ma‘tūf* (عَمِلُوا الصَّالِحَاتِ) dalam ayat ini juga diulang dalam ayat 45 surah *al-Rūm*. Rangkaian kata *عَمِلُوا الصَّالِحَاتِ* (*amalan kebaikan*) digabungkan dengan perkataan *الإِيمَانُ* (*keimanan*) dalam ayat di atas dan ini menunjukkan bahawa amalan kebaikan merupakan ‘pasangan’ kepada keimanan. Keimanan tidak bermanfaat sekiranya tidak diiringi dengan amalan kebaikan (al-Durrat, 2009, vol.7:247). Sabda Rasulullah S.A.W.:

الإِيمَانُ بِاللَّهِ وَالْعَمَلُ قَرِينَانِ، لَا يُصْلِحُ وَاحِدٌ مِنْهُمَا إِلَّا مَعَ صَاحِبِهِ

Terjemahannya: *Keimanan kepada Allah dan amalan kebaikan adalah pasangan. Setiap daripadanya tidak akan menjadi baik melainkan apabila bersama dengan pasangannya* (al-Lālikāiy:839).

Ibn Qayyim (1986:112) berpendapat bahawa keimanan mempunyai dua sudut iaitu sudut luaran dan sudut dalaman. Sudut luaran adalah melibatkan percakapan dan perbuatan manakala sudut dalaman adalah keikhlasan hati dan kepatuhannya. Kegagalan anggota tubuh dalam melakukan amalan kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah bukti kerosakan jiwa dan ketiadaan iman. Kurangnya amalan kebaikan menunjukkan kekurangan iman dan begitulah sebaliknya.

Menurut Ibn Taymiyyat (1981:231) keimanan asalnya berada di dalam hati. Amalan anggota tubuh adalah syarat kepada keimanan. Perkataan keimanan yang kebiasaannya

digabungkan dengan rangkai kata amalan kebaikan mengisyaratkan bahawa keimanan hati sahaja tidak mencukupi tetapi keimanan mestilah diiringi dengan amalan kebaikan.

al-Durraṭ (2009, vol.7:247) berpandangan bahawa keimanan juga merupakan prasyarat sesuatu amal kebaikan itu diterima di sisi Allah S.W.T. Rangkai kata golongan yang beriman sebagai *ma'tūf 'alayh* digabungkan dengan rangkai kata mengerjakan amalan kebaikan sebagai *ma'tūf* dalam ayat di atas kerana amalan kebaikan hanya bermanfaat sekiranya amalan kebaikan diiringi dengan keimanan. Namun begitu, keimanan semata-mata hanya memberi manfaat keselamatan tanpa ketinggian darjat. Hal ini kerana seorang yang beriman tidak akan memperolehi ketinggian darjat melainkan dengan keimanan yang diiringi dengan amalan kebaikan (al-Rāziy, 1981, vol.25:104).

Keimanan (*ma'tūf 'alayh*) pada hakikatnya merupakan titik permulaan kepada amalan kebaikan (*ma'tūf*) (Ḥalālī, 2011, vol.27:439-463). Menurut Syaykhū (t.t:56-57) keimanan adalah kepercayaan dan keyakinan yang terhasil dari pemerhatian dan penelitian. Keimanan dicapai dengan berfikir dan merenung alam semesta berserta dengan isinya yang menzahirkan keadilan Allah S.W.T dan rahmatNya. Maka perlakuan ini menyebabkan jiwa manusia melihat keagungan dan tanda-tanda yang menunjukkan kepada hikmah ketuhanan.

Keimanan dan keyakinan terhadap pencipta yang Maha Agung hanya terhasil setelah pemerhatian dan penelitian berlaku. Apabila seseorang melihat kebesaran Tuhan, keadilan dan rahmatNya, dia akan tunduk dan menyerah diri kepada Allah S.W.T., maka dia akan menuju ke arah amalan kebaikan. Oleh sebab itulah, Allah S.W.T. menyebut rangkai kata amalan kebaikan selepas perkataan keimanan dalam banyak tempat dalam al-Quran.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa keimanan (*ma'tūf 'alayh*) yang merupakan titik permulaan kepada amalan kebaikan (*ma'tūf*) adalah pasangan yang saling memerlukan dan

bertambah serta berkurang secara bersama. Setiap satu daripadanya tidak akan berada dalam keadaan baik melainkan diiringi dengan pasangannya.

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ayat di atas mengisyaratkan kepada perkaitan antara keimanan dengan amalan kebaikan.

6) Allah S.W.T. berfirman:

فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ

Terjemahannya: (Maka bertasbihlah kepada Allah pada waktu malam dan pada waktu pagi) (Surah *al-Rūm* 30:17).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.9 berikut:

Jadual 4.9: Elemen *'atf* dalam ayat 17 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
حِينَ تُمْسُونَ	حِينَ تُصْبِحُونَ	Masa	Turutan

Perkataan *سُبْحَانَ* dalam ayat ini adalah kata nama terbitan sama sepertimana perkataan *التَّسْبِيحُ*. Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana mengenai maksud yang diinginkan daripada rangkai kata *سُبْحَانَ اللَّهِ* dalam ayat ini. Sebahagian sarjana mengatakan rangkai kata berkenaan bermaksud perintah iaitu *صَلُّوا* (*dirikanlah solat*) (al-Samarqandiy, 1993, vol.3:8). Ini berdasarkan kenyataan Ibn 'Abbās dalam al-Bayhaqiy (t.t, vol.1:348) yang menjelaskan bahawa perintah supaya mendirikan solat lima waktu dinyatakan dalam ayat ini, ayat selepasnya serta ayat 58 surah *al-Nūr*.

Allah S.W.T. berfirman:

فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ

Terjemahannya: *(Maka bertasbihlah kepada Allah pada waktu malam dan pada waktu pagi dan segala puji bagiNya baik di langit dan di bumi pada waktu asar dan pada waktu zuhur (tengah hari))* (Surah *al-Rūm* 30:17-18).

Kata kerja *تُمْسُونَ* dalam ayat di atas bermaksud solat Maghrib, kata kerja *تُصْبِحُونَ* bermaksud solat Subuh, kata kerja *تُظْهِرُونَ* bermaksud solat Zuhur dan kata nama *عَشِيًّا* bermaksud solat Asar. Firman Allah S.W.T.:

...وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَاثُ عَوْرَاتٍ لَكُمْ...

Terjemahannya: *)...dan setelah solat isyak. Itulah tiga aurat (waktu) bagi kamu...)* (Surah *al-Nūr* 24:58).

Rangkaian kata *صَلَاةِ الْعِشَاءِ* dalam ayat ini bermaksud solat Isyak. Namun al-‘Uthaymīn (2015:88) lebih cenderung mengatakan rangkaian kata *سُبْحَانَ اللَّهِ* (*bertasbihlah kepada Allah*) dalam ayat di atas bermaksud *التَّنْزِيهُ* iaitu memuliakan Allah S.W.T. daripada sebarang kekurangan dan sifat makhluk. Yaḥyā bin Salām dalam *al-Māwardiy* (t.t, vol.4:304) menegaskan bahawa perintah supaya mendirikan solat lima waktu dinyatakan dalam al-Quran sebelum malam Israk Mikraj, maka ayat 17 dan ayat 18 surah *al-Rūm* tidak menceritakan perintah supaya mendirikan solat lima waktu kerana ayat berkenaan diturunkan selepas malam Israk Mikraj.

Menurut al-Bayhaqiy (t.t, vol.1:105) ayat al-Quran mengenai perintah supaya mendirikan solat lima waktu diturunkan dalam tempoh lima tahun sebelum hijrah Nabi Muḥammad S.A.W.. Semua ayat yang terkandung dalam surah *al-Rūm* diturunkan di Mekah kecuali ayat ke-17 ini yang diturunkan di Madinah (al-Baḥrāniy, 2006, vol.6:142). Justeru, dapat

disimpulkan bahawa maksud yang dikehendaki daripada rangkai kata *سُبْحَانَ اللَّهِ* dalam ayat di atas ialah perlakuan memuliakan Allah S.W.T.

Perlakuan memuliakan Allah S.W.T. digabungkan dengan waktu malam sebagai *ma'tūf 'alayh* dan waktu pagi sebagai *ma'tūf* kerana kesan kekuasaan Allah S.W.T. dan keagunganNya lebih terzahir pada dua waktu ini (al-Bayḍāwiy, t.t.vol.4:203; al-Uramiy: 2001, vol.22:97). Menurut al-Marāghiy (1946, vol.2:635) kebesaran Allah S.W.T. lebih terzahir pada waktu malam (*ma'tūf 'alayh*) dan waktu pagi (*ma'tūf*) seperti perubahan masa, keadaan bumi daripada kegelapan malam kepada cahaya pagi dan sebagainya.

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* (waktu malam) dengan *ma'tūf* dalam (waktu pagi) ayat di atas mengisyaratkan bahawa kesan kekuasaan Allah S.W.T. dan keagunganNya lebih terzahir pada dua waktu ini.

7) Firman Allah S.W.T.:

وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ

Terjemahannya: (Dan segala puji bagiNya baik di langit dan di bumi pada waktu malam dan pada waktu zuhur(tengah hari)) (Surah al-Rūm 30:18).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual 4.10 berikut:

Jadual 4.10: Elemen *'atf* dalam ayat 18 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
فِي السَّمَاوَاتِ	الْأَرْضِ	Kemuliaan	Turutan

Gabungan antara *ma'tūf 'alayh* (فِي السَّمَاوَاتِ) dengan *ma'tūf* (الْأَرْضِ) dalam ayat ini juga diulang dalam ayat 8, 22, 26, 27 dan dalam ayat 25 surah al-Rūm dengan penggunaan pola *mufrad* (السَّمَاءُ). Sa'īd Ḥawwā (1985, vol.1:109) menyebut “sebahagian pengkaji merasa

hairan kerana al-Quran menjelaskan penciptaan langit berlaku setelah bumi dicipta. Namun para sarjana fizik berpendapat bahawa jangka hayat cakerawala yang membentuk sebahagian sistem solar dianggarkan 10 juta tahun. Jangka hayat bumi dan matahari pula adalah 4 setengah juta tahun”. Oleh itu langit dicipta terlebih dahulu menurut pandangan mereka. Hal ini seakan-akan mewujudkan kontradiksi antara kajian moden dan kandungan ayat al-Quran.

Namun begitu, Sa‘īd Ḥawwā (1985, vol.1:109) menjelaskan wujudnya kontradiksi ini disebabkan oleh golongan yang tidak membezakan antara penggunaan perkataan السَّمَاءُ (penciptaan langit secara umum) dan perkataan السَّمَاوَاتُ (penciptaan langit secara khusus) dalam al-Quran. Hal ini kerana perkataan السَّمَاوَاتُ bermaksud penciptaan langit secara khusus iaitu tujuh lapisan langit yang dicipta selepas bumi manakala perkataan السَّمَاءُ merujuk kepada penciptaan langit secara umum iaitu langit dunia yang diciptakan sebelum bumi. Rangkai kata مَا بَيْنَهُمَا dalam ayat 8 surah *al-Rūm* pula bermaksud penciptaan makhluk di langit seperti planet, orbit, bintang-bintang dan sebagainya (al-Sya‘rāwiy, 1972:11318). Ciptaan yang terletak di antara langit dan bumi wujud setelah Allah S.W.T. menciptakan langit dunia (Danial, 2014:58-59).

Namun begitu, perkataan langit sebagai *ma‘tūf ‘alayh* sama ada dengan pola *mufrad* (السَّمَاءُ) atau jamak (السَّمَاوَاتُ) didahulukan ke atas perkataan bumi (الأَرْضَ) sebagai *ma‘tūf* dalam banyak tempat. Hal ini kerana perkataan langit (*ma‘tūf ‘alayh*) dan bumi (*ma‘tūf*) kebiasaannya disebut dalam ayat yang mengandungi konteks keesaan Allah S.W.T. dan kebesarannya. Tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. di langit (*ma‘tūf ‘alayh*) lebih nyata berbanding di bumi (*ma‘tūf*) seperti keluasan langit, kebesarannya, planet, matahari, bulan yang terdapat padanya. Oleh itu, Allah S.W.T. menyuruh manusia memerhati tanda

keagunganNya yang lebih banyak terdapat di langit berbanding di bumi (Ibn Qayyim, t.t.,vol.1:74).

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ini mengisyaratkan kepada kepentingan ditaqdimkan *ma'tūf 'alayh*. *Ma'tūf 'alayh* (langit) didahulukan ke atas *ma'tūf* (bumi) mengisyaratkan bahawa tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. di langit (*ma'tūf 'alayh*) lebih nyata berbanding di bumi (*ma'tūf*).

8) Firman Allah S.W.T.:

يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَلِكَ تُخْرَجُونَ

Terjemahannya: (Dia mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup dan menghidupkan bumi setelah mati (kering) dan seperti itulah kamu akan dikeluarkan) (Surah al-Rūm 30:19).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.11: Elemen *'atf* dalam ayat 19 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ	يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ	Kemuliaan	Turutan
يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ	يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا	Keadaan semula jadi	Turutan
يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا	كَذَلِكَ تُخْرَجُونَ	Susunan	Turutan

Rangkaian kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* sebagai *ma'tūf 'alayh* menjelaskan bahawa Allah S.W.T. mengeluarkan manusia daripada mani, mengeluarkan burung daripada telur. Rangkaian kata ini digabungkan dengan rangkaian kata *يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* sebagai *ma'tūf* yang bermaksud Allah S.W.T. mengeluarkan mani daripada manusia dan mengeluarkan telur daripada burung (al-Mahaliy, 2010:406). Ibn 'Abbās dan Ibn Mas'ūd sepertimana yang

dinukilkan oleh al-Alūsiy (2008, vol.4:30) mengatakan rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* adalah contoh kehidupan dan kematian. Justeru, rangkai kata *الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* (*ma'tūf 'alayh*) membawa maksud kehidupan manakala rangkai kata *يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* (*ma'tūf*) membawa maksud kematian.

Rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* sebagai *ma'tūf 'alayh* dalam ayat ini yang mengandungi konsep kehidupan diulang dengan rangkai kata *وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ* sebagai *ma'tūf* yang mengandungi konsep kematian mengisyaratkan bahawa perlakuan menghidupkan makhluk dan mematikannya adalah sama iaitu sangat mudah disisi Allah S.W.T. (al-Nasafiy, 1998, vol.2:694-695; al-Uramiy, 2001, vol.22:100; al-Andalusiy, 2008, vol.7:162; al-Zamakhshariy, 2009:827). Hal ini juga dijelaskan dalam ayat 27 surah *al-Rūm* (وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ...) (“Dan Dialah yang memulakan penciptaan semua makhluk, kemudian mengembalikannya kembali (menghidupkan semula setelah mereka mati), sedang itu sangat mudah bagiNya...”).

Perkataan *أَهْوَنُ* dalam ayat ini digunakan kerana makna perkataan berkenaan hampir kepada kepercayaan orang kafir bahawa mengembalikan sesuatu lebih mudah berbanding dengan menciptanya. Walaupun perkataan ini dalam bentuk *ism tafḍīl* (lebih mudah), tetapi pada hakikatnya mengandungi makna kepalingan (sangat mudah) (Ibn ‘Āsyūr, 1984, vol.21:84).

Seterusnya, rangkai kata *يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ* dalam ayat berkenaan sebagai *ma'tūf 'alayh* dihubungkan dengan rangkai kata *يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا* sebagai *ma'tūf* kedua. Allah S.W.T. menyebut perlakuanNya menghidupkan bumi setelah ketandusannya (*ma'tūf kedua*) secara khusus dalam berkenaan menggambarkan keadaan manusia yang dibangkitkan dari kubur

untuk dihimpunkan di padang mahsyar pada hari akhirat kelak. Allah S.W.T. akan menurunkan hujan lebat ke atas kubur manusia selama 40 hari.

Kemudian, jasad manusia akan kembali wujud dan Allah meniupkan kembali roh di dalam jasad lalu manusia dibangkitkan (al-'Uthaymīn, 2015:97). Keadaan ini sama seperti Allah menghidupkan bumi setelah ketandusannya dengan diturunkan hujan ke atasnya maka bumi hidup dan menghidupkan (al-Uramiy, 2001, vol.22:100; al-Khāzin, 2004, vol.3:389).

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* (يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ) dengan *ma'tūf* (يُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا) dalam ayat ini mengisyaratkan bahawa perlakuan menghidupkan makhluk (*ma'tūf 'alayh*) dan mematikannya (*ma'tūf*) adalah sama iaitu sangat mudah disisi Allah serta Allah menghidupkan makhluk (*ma'tūf 'alayh*) dalam keadaan yang sama seperti Dia menghidupkan bumi setelah ketandusannya (*ma'tūf*).

9) Firman Allah S.W.T.:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahannya: (Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan Dia menjadikan di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir) (Surah al-Rūm 30:21).

Elemen 'atf dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.12: Elemen 'atf dalam ayat 21 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا	جَعَلَ بَيْنَكُمْ	Sebab	Turutan
مَوَدَّةً	رَحْمَةً	Masa	Turutan

Para ulama berselisih pandangan mengenai maksud perkataan *مَوَدَّةٌ* sebagai *ma'tūf 'alayh* dan perkataan *رَحْمَةٌ* sebagai *ma'tūf* dalam ayat ini. Ibn Kathīr (2013, vol.3:538), Ibn 'Āsyūr (1984, vol.21:71-72) dan Ibn 'Abbās dalam al-Qurtubiy (2006, vol.16:412) berpendapat bahawa perkataan *مَوَدَّةٌ* berkenaan bermaksud kasih sayang dan *رَحْمَةٌ* pula bermaksud belas kasihan dan simpati. Namun menurut Mujāhid, al-Ḥasan dan 'Ikrimat dalam al-Andalusiy (2008, vol.7:162) perkataan *مَوَدَّةٌ* dalam ayat di atas adalah kiasan kepada persetubuhan halal dan *رَحْمَةٌ* adalah kiasan kepada zuriat. al-Alūsiy (2008, vol.21:31) menukulkan pendapat sarjana yang menegaskan bahawa *مَوَدَّةٌ* dalam ayat berkenaan adalah perasaan yang terhasil di antara pasangan yang muda manakala *رَحْمَةٌ* pula adalah perasaan yang terhasil di antara pasangan yang berumur.

Walau bagaimanapun, dari sisi yang lain sebahagian ulama seperti al-Sya'rāwiy (1971), al-Rāziy (1981) lebih cenderung menginterpretasi makna perkataan *مَوَدَّةٌ* (*ma'tūf 'alayh*) kepada maksud kasih sayang yang berbalas di antara suami dan isteri dalam fasa awal kehidupan berumah tangga. Manakala perkataan *رَحْمَةٌ* (*ma'tūf*) pula diinterpretasikan makna perkataan berkenaan kepada maksud belas kasihan yang terhasil di antara suami dan isteri pada penghujung perasaan kasih sayang.

Suami berusaha memenuhi segala keperluan dalam kehidupan berumah tangga. Manakala isteri pula bersungguh-sungguh menjalankan urusan di rumah. Namun, keadaan manusia akan berubah. Contohnya kekuatan berubah kepada keuzuran, kekayaan berubah kepada kemiskinan dan sebagainya. Kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) dalam kehidupan berumah tangga berkemungkinan semakin berkurangan antara suami dan isteri dalam situasi ini. Namun, perasaan kasihan belas (*ma'tūf*) 'akan mengukuhkan hubungan perkahwinan (al-Sya'rāwiy, 1971:11360). Justeru, perasaan kasih sayang sebagai *ma'tūf 'alayh* yang terhasil pada

peringkat awal perkahwinan akan membawa kepada perasaan kasihan belas sebagai *ma'tūf* yang terhasil pada peringkat pertengahan dan hujung kehidupan berumah tangga disebabkan oleh faktor keuzuran, penyakit dan sebagainya (al-Rāziy, 1981, vol.25:112).

Oleh yang demikian perkaitan antara kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) dengan belas kasihan (*ma'tūf*) dalam ayat di atas mengisyaratkan kepada peringkat dalam kehidupan berumah tangga. Hal ini kerana kehidupan berumah tangga mempunyai dua tahap yang akan dialami oleh pasangan suami isteri. Pertama, peringkat kasih sayang (*ma'tūf 'alayh*) dan kedua peringkat belas kasihan (*ma'tūf*).

10) Firman Allah S.W.T.:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

Terjemahannya: (Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah penciptaan langit dan bumi dan perbezaan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang yang mengetahui) (Surah *al-Rūm* 30:22).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.13: Elemen *'atf* dalam ayat 22 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ	اخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ	Sebab	Turutan
اخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ	أَلْوَانِكُمْ	Keutamaan	Turutan

Dalam ayat ini, rangkai kata (*penciptaan langit dan bumi*) sebagai *ma'tūf 'alayh* dihubungkan dengan rangkai kata (*perbezaan bahasa dan warna kulit manusia*) sebagai *ma'tūf*. Para ulama berselisih pandangan mengenai maksud rangkai kata *اخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ*. al-Uramiy (2001) dan salah satu pandangan dalam Ibn al-Jawziy (2002),

menegaskan bahawa rangkai kata اٰخْتِلَافُ اَلْسِنَتِكُمْ (*ma'tūf*) bermaksud perbezaan dari sudut kelompok bahasa, suara dan nada manusia.

Pernyataan ini digabungkan dengan rangkai kata اَلْوَانِكُمْ yang bermaksud perbezaan manusia dari sudut warna kulit (Ibn 'Āsyūr, 1984). Perbezaan bahasa dan warna kulit dalam kalangan manusia (*ma'tūf*) adalah kesan daripada penciptaan langit dan bumi (*ma'tūf 'alayh*). Hal ini kerana perbezaan bahasa terjadi berpunca daripada kawasan geografi yang berbeza dan jauh jarak antara satu dengan yang lain. Perbezaan warna kulit yang terjadi pula berpunca daripada perbezaan kawasan geografi yang dihuni oleh mereka dan jarak sinaran matahari yang berbeza.

Justeru, perkaitan antara penciptaan langit dan bumi (*ma'tūf 'alayh*) dengan perbezaan bahasa dan warna kulit manusia (*ma'tūf*) dalam ayat ini mengisyaratkan kepada hubungan langsung antara langit dengan bumi sebagai *ma'tūf 'alayh* dengan perbezaan bahasa dan warna kulit manusia sebagai *ma'tūf* walaupun dua elemen ini bukan dalam ruang lingkup makna yang sama.

11) Firman Allah S.W.T.:

وَمِنْ آيَاتِهِ مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَابْتِغَاؤُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ

Terjemahannya: (Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya ialah tidurmu pada waktu malam dan siang hari dan usahamu mencari rezeki daripada kurniaanNya. Sesungguhnya keadaan demikian mengandungi tanda-tanda bagi kaum yang mendengar) (Surah *al-Rūm* 30:23).

Elemen '*atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.14: Elemen '*atf* dalam ayat 23 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ	النَّهَارِ	Keadaan semula jadi	Turutan
مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ	ابْتِغَاؤُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ	Keutamaan	Turutan

Dalam ayat ini, perlakuan tidur pada waktu malam dan siang (*ma 'tūf 'alayh*) digabungkan dengan perlakuan mencari rezeki (*ma 'tūf*). Menurut Ibn 'Aṭīyyat (2001, vol.4:333) rangkai kata *مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ* mengandungi unsur pendepanan (*taqdīm*) dan pengakhiran (*ta'khīr*) dengan andaian *مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَابْتِعَاؤُكُمْ مِّنْ فَضْلِهِ بِالنَّهَارِ* (*tidurmu pada waktu malam dan usahamu mencari sebahagian daripada kurniaanNya pada siang hari*). Maka, waktu malam (*الليْلِ*) digabungkan dengan perlakuan tidur (*مَنَامُكُمْ*) dan waktu siang (*النَّهَارِ*) digabungkan dengan perlakuan mencari rezeki (*ابْتِعَاؤُكُمْ*).

Walaupun bagaimanapun, al-Andalusiy (2008, vol.7:162) menegaskan bahawa waktu malam dan siang digabungkan dengan perlakuan tidur (*ma 'tūf 'alayh*) dan perlakuan mencari rezeki (*ma 'tūf*). Hal ini kerana perlakuan tidur pada waktu malam adalah keadaan semula jadi yang berlaku pada kebiasaannya, akan tetapi perlakuan tidur pada waktu siang pula adalah berdasarkan kepada keperluan sesetengah individu (al-Uramiy, 2001, vol.22:105-106).

al-Tanṭāwiy (1992, vol.3:40) berpandangan bahawa golongan yang bekerja pada waktu malam akan tidur pada waktu siang. Golongan yang bekerja pada waktu siang pula akan tidur dan rehat sebentar pada waktu Zuhur. Oleh itu manusia tidur pada waktu malam atau siang berdasarkan kepada keperluan jasmani dan rohani mereka. Justeru, perlakuan tidur sebagai *ma 'tūf 'alayh* dan perlakuan mencari rezeki sebagai *ma 'tūf* berlaku pada waktu malam dan siang. Namun begitu tidak dinafikan bahawa perlakuan tidur berlaku secara semula jadi pada waktu malam berbanding waktu siang. Hal ini kerana waktu malam adalah secara semula jadi masa untuk tidur dan rehat bagi manusia setelah kepenatan pada waktu siang.

Oleh yang demikian, perkaitan antara perlakuan tidur (*ma 'tūf 'alayh*) dengan perlakuan mencari rezeki (*ma 'tūf*) dalam ayat di atas mengisyaratkan kepada hakikat kehidupan

manusia pada masa kini dari sudut perlakuan tidur dan mencari rezeki yang berlaku pada waktu malam dan siang.

12) Allah S.W.T. berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنزِلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَيُحْيِي بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا...

Terjemahannya: (Dan antara tanda-tanda (kebesaran)Nya, Dia memperlihatkan kilat kepadamu untuk (menimbulkan) ketakutan dan harapan dan Dia menurunkan hujan dari langit, lalu Dia menghidupkan bumi setelah mati kering dengan hujan itu...) (Surah al-Rūm 30:24).

Elemen 'atf dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual 4.15 berikut:

Jadual 4.15: Elemen 'atf dalam ayat 24 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
خَوْفًا	طَمَعًا	Keadaan semula jadi	Turutan
يُرِيكُمُ الْبَرْقَ	يُنزِلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً	Keadaan semula jadi	Turutan

Dalam ayat ini, (ketakutan) sebagai *ma'tūf 'alayh* dihubungkan dengan (harapan) sebagai *ma'tūf*. al-Qurtubiy (2006, vol.16:414) menukilkan pendapat beberapa ilmuan dalam memberikan tafsiran bagi perkataan خَوْفًا (*ma'tūf 'alayh*) dan perkataan طَمَعًا (*ma'tūf*) dalam ayat berkenaan. Beliau berkata: “al-Ḍaḥḥāk berpandangan bahawa ketakutan (خَوْفًا) yang dimaksudkan berpunca daripada kilat dan harapan (طَمَعًا) agar turunnya hujan.” Ibn Baḥr dalam al-Qurtubiy (2006, vol.16:414) menegaskan bahawa ketakutan ini adalah terhadap kilat tanpa hujan, manakala harapan pula terhadap kilat yang menurunkan hujan. Namun menurut Ibn Salām seperti mana yang dinukilkan oleh al-Andalusiy (2008, vol.7:163) ketakutan berkenaan adalah terhadap kesejukan yang akan memusnahkan hasil tanaman dan harapan pula terhadap hujan yang akan menyuburkannya.

Qatādat dalam al-Andalusiy (2008, vol.7:163) pula berpendapat bahawa perkataan حَوْفًا bermaksud ketakutan seorang musafir, manakala perkataan طَمَعًا bermaksud harapan seorang yang bermukim. Walau bagaimanapun, al-'Uthaymīn (2015:132) menegaskan bahawa ketakutan dan harapan dalam ayat ini pada hakikatnya dihadapi oleh semua manusia terhadap kejadian kilat. Justeru, ketakutan berkenaan berpunca daripada kejadian kilat dan harapan agar turunnya hujan. Ketakutan sebagai *ma'tūf 'alayh* didahulukan ke atas harapan sebagai *ma'tūf* dalam ayat berkenaan kerana pada kebiasaannya manusia akan merasa takut (*ma'tūf 'alayh*) secara semula jadi terhadap kilat berbanding mengharap hujan daripadanya (*ma'tūf*) (al-'Uthaymīn, 2015:132).

Seterusnya, pernyataan tersebut digabungkan dengan pernyataan يُنَزَّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً sebagai *ma'tūf* kedua. Muḥammad Abū Zahraṭ (t.t, vol.10:5206) berpendapat bahawa kejadian kilat (*ma'tūf 'alayh*) terhasil daripada pelanggaran dua kelompok awan. Apabila awan bergeser dan menghasilkan percikan, maka percikan berkenaan dikenali sebagai kilat yang mengisyaratkan kepada hujan (*ma'tūf*). al-Muwayl (1995:47) menegaskan bahawa fenomena hujan berlaku setelah kemunculan kilat. Justeru kejadian kilat (*ma'tūf 'alayh*) secara semula jadinya berlaku sebelum terjadinya fenomena hujan (*ma'tūf*) pada kebiasaannya.

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ayat ini mengisyaratkan kepada tahap perasaan manusia terhadap kejadian kilat dan proses semula jadi fenomena hujan.

13) Allah S.W.T. berfirman:

...فَمَنْ يَهْدِي مَنْ أَضَلَّ اللَّهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ

Terjemahannya: (...Maka tiada sesiapa yang dapat memberi petunjuk kepada orang yang telah disesatkan oleh Allah dan tiada seorang penolong pun bagi mereka) (Surah *al-Rūm* 30:29).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.16 berikut:

Jadual 4.16: Elemen *'atf* dalam ayat 29 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
فَمَنْ يَهْدِي مَنْ أَضَلَّ اللَّهُ	مَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ	Sebab	Turutan

Rangkai kata *مَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ* sebagai *ma'tūf* bermaksud tiada satu penolong yang akan menyelamatkan orang kafir Quraisy daripada kesesatan dan memelihara mereka daripada kesannya (al-Alūsīy, 2008, vol.4:38). Rangkai kata berkenaan berfungsi sebagai hujah menolak orang kafir yang mendakwa berhala sembah mereka adalah pemberi syafaat sekiranya mereka diazab oleh Allah S.W.T.

Menurut al-Biqā'iy (1984, vol.15:82) ayat di atas menjelaskan bahawa tiada seorang pun yang mampu memberi hidayah kepada orang kafir Quraisy (*ma'tūf 'alayh*) kerana mereka menjauhkan diri daripada faktor penyebab kepada hidayah daripada Allah S.W.T.

al-Wahāb (2000, vol.4:1450) menegaskan bahawa hidayah daripada Allah S.W.T. merupakan sebab kepada pertolongan daripadaNya

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ayat ini mengisyaratkan kepada hubungan antara hidayah Allah S.W.T. dengan pertolonganNya. Ketiadaan hidayah Allah S.W.T. (*ma'tūf 'alayh*) menyebabkan orang kafir tidak mendapat pertolongan daripadaNya (*ma'tūf*).

14) Allah S.W.T. berfirman:

مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ

Terjemahannya: *(Iaitu orang yang memecah-belah agama mereka dan mereka menjadi beberapa golongan. Setiap golongan berasa bangga dengan apa yang ada pada mereka)* (Surah *al-Rūm* 30:32).

Elemen *‘atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.17 berikut:

Jadual 4.17: Elemen *‘atf* dalam ayat 32 surah *al-Rūm*

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ	كَانُوا شِيَعًا	Sebab	Turutan

Menurut al-Naḥḥās (2008:742) para ulama berselisih pandangan mengenai maksud *(orang yang memecah-belah agama mereka)* sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dalam ayat ini. Beliau berkata: “al-Rabī‘ bin Anas mengisyaratkan yang maknanya adalah Ahli Kitab (*golongan Yahudi dan Nasrani*). Mereka memecah-belah dan meninggalkan agama yang wajib dianuti iaitu agama tauhid”. Manakala Ā’isyat, Abū Hurayrat dan Abū Umāmat dalam al-Naḥḥās (2008:742), al-Qurtūbiy (2006, vol.16:432) menyatakan maknanya adalah orang Islam yang mengikut hawa nafsu.

Menurut al-Durraṭ (2009, vol.7:276) jika kata ganti nama *wāw* pada perkataan *فَرَّقُوا* dalam ayat berkenaan merujuk kepada orang kafir Quraisy, maka perkataan ini bermaksud perpecahan dan perbezaan mereka dari sudut hawa nafsu dan cara sembah mereka. al-Ṭanṭāwiy (1992, vol.3:49) menegaskan perpecahan berlakunya dalam kalangan mereka dari sudut agama kerana ibadah yang dilakukan bertuhankan hawa nafsu yang berbagai-bagai. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa *(orang yang memecah-belah agama mereka)* sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dalam ayat ini bermaksud pengikut hawa nafsu yang terdiri daripada golongan Yahudi, Nasrani serta kafir Quraisy.

Seterusnya, rangkai kata *الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُم* sebagai *ma'tūf 'alayh* dihubungkan dengan rangkai kata *كَانُوا شِيَعًا* sebagai *ma'tūf*. Menurut Ibn 'Āsyūr (1984, vol.21:96) perkataan *الشَّيْعَةُ* (*beberapa golongan*) dalam *ma'tūf* ini adalah kata nama jamak daripada perkataan *الشَّيْعَةُ* mengisyaratkan kepada banyaknya kumpulan yang mengikut, menyokong serta bersetuju dengan sesuatu pandangan. (*Beberapa golongan*) yang dimaksudkan dalam ayat berkenaan juga melibatkan puak Yahudi dan Nasrani. Golongan ini terkenal dengan sifat suka menurut kemahuan nafsu dan perkauman.

Puak Yahudi beriman dengan para nabi kecuali Nabi Musa dan Nabi Muhammad S.A.W.. Puak Nasrani pula dengan kepercayaan mereka bahawa mereka beriman dengan para nabi kecuali Nabi Muhammad S.A.W (Syākir, 2005,vol.1:594). Justeru, kepercayaan ini menyebabkan mereka mengubah pegangan agama Islam (*ma'tūf 'alayh*), saling berselisih pandangan mengenainya dan menyebabkan mereka saling berpecah dari agama fitrah itu (*ma'tūf*) (al-Ṭabariy, 1994,vol.6:105).

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ayat ini mengisyaratkan kepada kesimpulan bahawa perlakuan mengubah pegangan agama (*ma'tūf 'alayh*) menyebabkan golongan yang kufur terpecah kepada golongan yang berbeza dari sudut fahaman agama (*ma'tūf*) seperti golongan Yahudi, Nasrani, Kafir Quraisy, Majusi dan sebagainya.

15) Allah S.W.T. berfirman:

فَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ذَلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Terjemahannya: (Maka berikanlah akan hak masing-masing kepada kaum kerabat yang hampir denganmu dan golongan miskin dan orang musafir. Pemberian yang demikian adalah baik bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah dan mereka itulah golongan yang berjaya) (Surah al-Rūm 30:38).

Elemen ‘*atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.18 berikut:

Jadual 4.18: Elemen ‘*atf* dalam ayat 38 surah al-Rūm

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
آتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ	الْمِسْكِينَ	Keutamaan	Turutan
آتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ	ابْنَ السَّبِيلِ	Keutamaan	Turutan
ذَلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ	أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ	Sebab	Turutan

Sebahagian sarjana mengatakan rangkai kata *فَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ* sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dalam ayat ini dimansuhkan dengan ayat al-Quran mengenai harta pusaka. Namun al-Qurtubiy (2006, vol.16:436) menegaskan bahawa rangkai kata ini tidak dimansuhkan kerana hakikatnya, terdapat hak yang wajib diberikan kepada kaum keluarga terdekat.

Para sarjana juga berselisih mengenai makna rangkai kata *فَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ* (*ma‘tūf ‘alayh*) dalam ayat berkenaan. Berdasarkan nukilan daripada al-Nahhās (2008:843) ada sarjana yang berpendapat bahawa rangkai kata ini bermaksud kaum kerabat yang hampir dengan Nabi Muhammad S.A.W.. Walaupun demikian, al-Durraṭ (2009, vol.7:286) lebih cenderung menginterpretasi makna rangkai kata *فَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ* kaum keluarga yang hampir dengan seseorang itu sama ada kaum kerabat sebelah ibu, bapa atau seumpamanya.

Hal ini kerana *fā' tafri'* yang terdapat pada rangkai kata فَآتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ mengisyaratkan kepada adanya hubungan dan susunan antara rangkai kata ini dengan ayat sebelumnya yang menjelaskan kesan-kesan pemberian rahmat Allah S.W.T. kepada manusia. Justeru, pemberian hak kepada golongan yang berhak merupakan perintah Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad S.A.W. dan umatnya sama ada yang beriman atau kafir. Hal ini dikukuhkan oleh rangkai kata selepasnya yang mengatakan perlakuan pemberian hak ini adalah baik bagi manusia yang mengharapkan keredaan Allah S.W.T., iaitu rangkai kata ذَلِكْ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ (“Pemberian yang demikian adalah baik bagi orang yang mengharapkan keredaan Allah”) (Ibn ‘Āsyūr, 1984, vol.21:102).

al-Ṭanṭāwiy (1992, vol.3:54) berpendapat bahawa rangkai kata (*maka berikanlah akan hak masing-masing kepada kaum kerabat yang hampir denganmu*) sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dalam ayat ini bermaksud pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat sama ada berbentuk sedekah atau semua jenis kebaikan yang dibina atas dasar silaturahim. Hal ini dapat difahami dengan merujuk kepada rangkai kata (*hak masing-masing*) yang bermaksud apa jua yang berhak dimiliki oleh seseorang sama ada yang wajib atau sunat seperti sedekah, silaturahim dan sebagainya (al-Uramiy, 2001, vol.22:149).

Menurut Ibn ‘Āsyūr (1984, vol.21:103) hak bagi setiap kaum kerabat (*ma‘tūf ‘alayh*) adalah berbeza berdasarkan keperluan. Untuk kaum kerabat yang kaya, hak mereka diberikan sebagai lambang kasih sayang, namun hak terbesar dalam kalangan kaum kerabat adalah hak kepada kaum kerabat yang fakir.

Rangkaian kata فَآتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ sebagai *ma'tūf 'alayh* digabungkan dengan perkataan الْمَسْكِينِ sebagai *ma'tūf* pertama. Hak bagi golongan miskin pula adalah dengan menampung kekurangannya (Ibn 'Āsyūr, 1984, vol.21:102). Golongan miskin (*ma'tūf* pertama) dalam ayat ini menurut Ibn Kathīr (2013, vol.3:544) ialah orang yang tiada harta untuk dibelanjakan atau berharta tetapi tidak mencukupi.

Namun begitu, kaum kerabat yang hampir (*ma'tūf 'alayh*) didahulukan ke atas golongan miskin (*ma'tūf*) dalam ayat ini kerana hak yang diberikan kepada kaum kerabat adalah keperluan dan kewajipan berbanding golongan miskin (al-Durraṭ, 2009, vol.7:287). Maka, pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat (*ma'tūf 'alayh*) adalah pemberian paling utama. Hal ini kerana pemberian hak kepada golongan miskin (*ma'tūf*) yang dimaksudkan dalam ayat ini bukanlah hak zakat tetapi sedekah yang disunatkan. Hal ini difahami dengan merujuk kepada sejarah surah *al-Rūm* yang diturunkan di Mekah sedangkan perintah mengeluarkan zakat berlaku pada tahun kedua baginda S.A.W. berhijrah ke Madinah (al-Uramiy, 2001, vol.22:149).

Seterusnya, rangkaian kata فَآتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ sebagai *ma'tūf 'alayh* digabungkan dengan rangkaian kata ابْنِ السَّبِيلِ sebagai *ma'tūf* kedua. Mujāhid dalam al-Māwardiy (t.t, vol.4:316) berkata: golongan ابْنِ السَّبِيلِ dalam ayat ini bermaksud orang musafir. Jika dia dalam keadaan miskin, maka zakat adalah haknya. Jika dia dalam keadaan sebaliknya, maka kebaikan dan hubungan antara manusia adalah haknya. al-Durraṭ (2009, vol.7:288) mengatakan bahawa rangkaian kata ابْنِ السَّبِيلِ yang dimaksudkan ialah orang musafir yang terputus bekalannya dalam perjalanan dan kehabisan harta.

Ibn ‘Abbās, Ibn Jubayr dan Qatādat dalam al-Māwardiy (t.t, vol.4:316) pula berpendapat bahawa rangkai kata *ابن السَّبِيل* yang dimaksudkan dalam ayat berkenaan ialah tetamu yang berkunjung, maka hal ini melibatkan hak kebaikan dan hak hubungan antara manusia. Namun begitu hak yang berupa harta juga boleh diberi kepada tetamu jika dia fakir yang berhak mendapat zakat. Namun menurut al-Uramiy (2001, vol.22:150) golongan *ابن السَّبِيل* yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah orang musafir yang berhak mendapat hak tetamu, sedekah dan bantuan kerana orang musafir ialah tetamu.

Itulah sejumlah pandangan para ulama dalam menginterpretasikan maksud rangkai kata *ابن السَّبِيل* ini. Terdapat berbagai-bagai variasi, tetapi masih dalam ruang lingkup makna *ابن السَّبِيل* iaitu orang musafir yang berhak mendapat hak tetamu, kebaikan, hubungan antara manusia dan sebagainya.

Tiga golongan iaitu kaum keluarga terdekat (*ma‘tūf ‘alayh*), golongan miskin (*ma‘tūf pertama*) dan orang musafir (*ma‘tūf kedua*) disebut secara khusus dalam ayat ini kerana mereka adalah golongan utama yang perlu dikasihi dan paling berhak diberikan ihsan berbanding dengan golongan lain (al-Nīsābūriy, 1996; al-Uramiy, 2001; al-Syawkāniy, 2007). Namun, pemberian hak kepada kaum keluarga terdekat (*ma‘tūf ‘alayh*) lebih utama berbanding kepada golongan miskin (*ma‘tūf pertama*) dan orang musafir (*ma‘tūf kedua*) kerana pemberian berkenaan merupakan kewajipan dan keperluan.

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam ayat berkenaan mengisyaratkan kepada keutamaan pemberian hak dan berbuat kebaikan kepada kaum keluarga terdekat (*ma‘tūf ‘alayh*) berbanding golongan miskin (*ma‘tūf pertama*) dan orang musafir (*ma‘tūf kedua*).

16) Allah S.W.T. berfirman:

وَمَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبًّا لِّيُرَبُّوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرُبُّوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُمْ مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُضْعِفُونَ

Terjemahannya: *(Dan sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan agar harta manusia bertambah, maka ini tidak bertambah di sisi Allah dan apa yang kamu berikan berupa pemberian sedekah dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah, maka (mereka yang melakukannya) itulah orang yang mendapat pahala yang berganda-ganda)* (Surah al-Rūm 30:39).

Elemen 'atf dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual 4.19 berikut:

Jadual 4.19: Elemen 'atf dalam ayat 39 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
مَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبًّا لِّيُرَبُّوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرُبُّوا عِنْدَ اللَّهِ	مَا آتَيْتُمْ مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ	Susunan	Turutan

Terdapat tiga pendapat dalam kalangan sarjana tafsir terhadap perkataan رَّبًّا yang dimaksudkan dalam rangkai kata وَمَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبًّا sebagai *ma'tūf 'alayh*. Pertama, al-Jaba'iy dan al-Suddiy berpandangan bahawa perkataan رَّبًّا yang dimaksudkan adalah riba dalam muamalah yang diharamkan oleh syarak (al-Alūsiy, 2008,vol.4:45). Kedua, Ibn 'Abbās, Sa'īd bin Jubayr, al-Ḍaḥḥāk, Ṭawus, dalam al-Alūsiy (2008) pula berpendapat bahawa riba yang dimaksudkan adalah ganjaran yang diharapkan daripada sesuatu pemberian.

Maka, pemberian istilah riba dalam rangkai kata adalah berbentuk kiasan kerana pemberian tersebut adalah punca kepada pertambahan (al-Alūsiy, 2008,vol.4:45). Pendapat ketiga adalah daripada al-Nakha'iy yang berpendapat bahawa riba yang dimaksudkan adalah riba berkaitan dengan kaum yang memberikan kepada kaum keluarga, saudara-mara, sebagai manfaat kepada mereka agar dapat menambahkan harta ke arah kebaikan (al-Alūsiy, 2008,vol.4:45).

Walau bagaimana pun, sebahagian sarjana seperti al-Ḍaḥḥāk (2001), Ibn ‘Abbās (2013) dan Ibn Kathīr (2013) lebih cenderung menginterpretasi makna perkataan رَبًّا sebagai ganjaran yang diharapkan daripada sesuatu pemberian. Pemberian berkenaan merupakan pemberian yang halal namun tanpa niat menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. Maka, tiada pahala dan tiada dosa bagi perbuatan tersebut. Oleh itu, makna ayat مَا آتَيْتُمْ مِّنْ رَبًّا لِّيُرَبُّواَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلاَ يَرْبُو عِنْدَ اللَّهِ sebagai *ma‘tūf ‘alayh* adalah pemberian yang tiada penambahan dan ganjaran di sisi Allah kerana pemberian tersebut tidak diterima melainkan ikhlas kerana Allah.

Pernyataan berkenaan digabungkan dengan pernyataan مَا آتَيْتُمْ مِّنْ زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ (ma‘tūf). Menurut al-‘Awḍiy (1997:34) ayat مَا آتَيْتُمْ مِّنْ رَبًّا لِّيُرَبُّواَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلاَ يَرْبُو عِنْدَ اللَّهِ sebagai *ma‘tūf ‘alayh* mengandungi unsur ancaman manakala ayat مَا آتَيْتُمْ مِّنْ زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ (1997:34) berpandangan bahawa objektif dalam *ma‘tūf ‘alayh*, *ma‘tūf* dan ayat sebelumnya adalah untuk membina masyarakat yang bebas daripada sifat mementingkan diri. Untuk mencapai objektif berkenaan, kata perintah digunakan terlebih dahulu iaitu فَآتِ (Maka, berikanlah) dalam ayat 38 sebagai isyarat kepada peringkat terbawah iaitu fungsi masyarakat.

Kemudian, kata perintah ini diikuti dengan ayat مَا آتَيْتُمْ مِّنْ رَبًّا لِّيُرَبُّواَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلاَ يَرْبُو عِنْدَ اللَّهِ (*ma‘tūf ‘alayh*) yang mengandungi unsur ancaman. Unsur ancaman berfungsi ‘membersihkan’ masyarakat daripada sikap buruk yang tidak secocok dengan tabiat semula jadi manusia sekaligus ancaman terhadap mereka yang menyimpang daripada objektif yang difokuskan (al-‘Awḍiy, 1997:34).

Pernyataan berkenaan disusuli dengan ayat مَا آتَيْتُمْ مِّنْ زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ (*ma‘tūf*) yang mengandungi unsur dorongan. *Ma‘tūf* berkenaan berperanan sebagai pelengkap kepada pembentukan masyarakat yang disasarkan.

Justeru, perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam ayat berkenaan mengisyaratkan kepada objektif tertentu. Hal ini kerana objektif ayat ini adalah sama dengan objektif dalam ayat sebelumnya iaitu membina masyarakat yang bebas daripada sifat mementingkan diri (al-‘Awḍiy, 1997:34).

17) Firman Allah S.W.T.:

...سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Terjemahannya: (...Maha Suci Allah dan Dia yang Maha Tinggi dari apa yang mereka sekutukan) (Surah *al-Rūm* 30:40).

Elemen *‘atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual 4.20 berikut:

Jadual 4.20: Elemen *‘atf* dalam ayat 40 surah *al-Rūm*

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
سُبْحَانَهُ	تَعَالَىٰ	Keutamaan	Turutan

Dalam ayat ini, rangkai kata سُبْحَانَهُ sebagai *ma‘tūf ‘alayh* digabungkan dengan perkataan تَعَالَىٰ sebagai *ma‘tūf*. Rangkai kata سُبْحَانَهُ dalam ayat ini ialah *maf‘ūl mutlaq* bagi kata kerja yang digugurkan dengan andaian نُسَبِّحُ (*Kami (Allah) memuji*) (al-Darwisy, 1992, vol.7:507). Allah S.W.T. mensucikan diriNya daripada sifat celaan dan sekutu dengan ayat سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ. Allah menggabungkan pernyataan berkenaan dengan kata kerja يُشْرِكُونَ (*mereka sekutukan*) kerana orang kafir menamakan Allah S.W.T. sebagai آلِهَةٌ (*tuhan-tuhan*) dan الشُّرَكَاءُ (*tuhan-tuhan yang bersekutu*) lalu menurut mereka, tuhan-tuhan inilah yang

memberikan kemewahan dan kesenangan kepada mereka (al-Qurṭubiy, 2006; al-Durraṭ 2009).

Menurut al-Rāziy (1981, vol.25:128) tafsiran bagi rangkai kata سُبْحَانَهُ (*ma'tūf 'alayh*) adalah bertasbihlah kepada Allah, dan tidak menyamakanNya dengan sekutu yang lain. Maka, apabila disebut rangkai kata سُبْحَانَهُ (*ma'tūf 'alayh*), ini bermaksud larangan menyamakan Allah S.W.T. dengan sekutu yang lain dan kata kerja تَعَالَى (*ma'tūf*) pula seakan-akan bermaksud perbuatan menyamakan tersebut adalah tidak dibenarkan.

Ayat sebelumnya: (هَلْ مِنْ شُرَكَائِكُمْ مَنْ يَفْعَلُ مِنْ ذَلِكُمْ مِّنْ شَيْءٍ...) ”Adakah di antara makhluk-makhluk yang kamu sekutukan dengan Allah itu sesiapa yang dapat berbuat sesuatu pun dari segala yang tersebut...” menjelaskan bahawa sekutu yang mereka sembah tidak menciptakan, memberikan rezeki, mematikan dan menghidupkan. Semuanya dilakukan oleh Allah S.W.T. Maka, bagaimana mereka mampu menyembah selain Allah ? Oleh itu, Allah berlepas diri daripada kebohongan yang dilakukan oleh orang kafir yang menyatakan bahawa Tuhan itu mempunyai sekutuNya dengan ayat: سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ (al-Ṭabariy, 1994, vol.6:109).

Rangkai kata سُبْحَانَهُ sebagai *ma'tūf 'alayh* bermaksud memuliakan Allah daripada sekutu, dan sifat yang tidak layak bagiNya (‘Āsyūr, 2004:1570). Rangkai kata سُبْحَانَهُ (*ma'tūf 'alayh*) didahulukan ke atas perkataan تَعَالَى (*ma'tūf*) kerana peranannya sebagai hujah utama bagi menolak tuduhan orang kafir yang menganggap bahawa Tuhan itu bersekutu (‘Āsyūr, 2004:1570).

Justeru, perkaitan antara sifat Maha Suci Allah (*ma'tūf 'alayh*) dengan sifat Maha TinggiNya (*ma'tūf*) mengisyaratkan kepada keesaan Allah S.W.T.

18) Firman Allah S.W.T.:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ...

Terjemahannya: *(Telah timbul pelbagai kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh tangan manusia...)* (Surah *al-Rūm* 30:41).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual 4.21 berikut:

Jadual 4.21: Elemen *'atf* dalam ayat 41 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
الْبَرِّ	الْبَحْرِ	Sebab	Turutan

Dalam ayat ini, terdapat perkataan (*daratan*) sebagai *ma'tūf 'alayh* yang digabungkan dengan perkataan (*lautan*) sebagai *ma'tūf*. Menurut al-Zamakhshariy (2009:831) kerosakan yang dimaksudkan ialah keburukan dan kemaksiatan yang timbul disebabkan oleh perbuatan manusia. Namun sebahagian sarjana seperti Ibn 'Āsyūr (1984), al-Ṭanṭāwiy (1992) dan al-Syawkāniy (2007) lebih cenderung menginterpretasi makna kerosakan ini sebagai kerosakan persekitaran di daratan dan lautan, bukan kerosakan dengan maksud kemaksiatan.

al-Ṭanṭāwiy (1992, vol.3:57) menegaskan bahawa perkataan *الْفَسَادُ* yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah antonim bagi perkataan *الصَّلَاحُ* (*pemulihan*) iaitu kerosakan seperti kemarau dan sebagainya. Maka, rangkai kata (*telah timbul pelbagai kerosakan*) dalam ayat di atas merujuk kepada semua yang merosakkan daratan dan lautan seperti gempa bumi, kemarau, penyakit, dan sebagainya.

Terdapat juga perbezaan pendapat terhadap tafsiran perkataan *الْبَرِّ* (*ma'tūf 'alayh*) dan perkataan *الْبَحْرِ* (*ma'tūf*) yang dimaksudkan dalam ayat di atas. Ibn 'Abbās, 'Ikrimat, al-Dahhāk dan al-Suddiy dalam Ibn Kathīr (2013, vol.3:545) berpandangan bahawa perkataan *الْبَرِّ* bermaksud kawasan gurun dan padang pasir. Perkataan *الْبَحْرِ* pula menurut mereka

bermaksud bandar raya dan kampung. Qatādāt dalam al-Ṭanṭāwiy (1992, vol.3:58) juga mengatakan bahawa perkataan **الْبَرِّ** bermaksud kawasan gurun dan padang pasir. Manakala perkataan **الْبَحْرِ** bermaksud bandar (1992, vol.3:58).

Walaupun begitu, dari sisi yang lain, sebahagian ulama seperti Ibn ‘Āsyūr (1984), salah satu pandangan dalam al-Ṭanṭāwiy (1992), al-Syawkāniy (2007) dan al-Durrat (2009) lebih cenderung menginterpretasikan maksud perkataan **الْبَرِّ** ‘bandar dan kawasan pedalaman di daratan dan perkataan **الْبَحْرِ** ‘perkampungan, bandar di lautan’.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa perkataan **الْبَرِّ** (*ma‘tūf ‘alayh*) bermaksud semua kawasan daratan manakala perkataan **الْبَحْرِ** (*ma‘tūf*) bermaksud semua kawasan lautan. Hal ini kerana kerosakan tidak terhad di sesebuah tempat dan kawasan.

al-Za‘ārīr (2003:155) berpandangan ayat yang menjelaskan tentang kerosakan yang menggabungkan antara perkataan **الْبَرِّ** sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dengan perkataan **الْبَحْرِ** sebagai *ma‘tūf* hanya terdapat dalam satu ayat sahaja iaitu dalam ayat 12 surah *al-Rūm*. Hal ini kerana terdapat hubung kait antara daratan dengan lautan kerana kedua-duanya merupakan kegunaan manusia. Kerosakan yang berlaku di daratan (*ma‘tūf ‘alayh*) menyebabkan kerosakan juga tersebar di lautan (*ma‘tūf*). Kedua-duanya tidak akan terjejas melainkan kerosakan yang dilakukan oleh manusia sendiri.

Justeru, perkaitan antara daratan (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan lautan (*ma‘tūf*) dalam ayat di atas mengisyaratkan bahawa kerosakan dan kemusnahan yang berpunca daripada perbuatan manusia berlaku di mana-mana sahaja.

19) Firman Allah S.W.T.:

مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِأَنْفُسِهِمْ يَمْهَدُونَ

Terjemahannya: (Sesiapa yang kufur ingkar, maka dialah sendiri yang menanggung kesan kekufurannya dan sesiapa mengerjakan amalan kebaikan, maka merekalah golongan yang membuat persiapan untuk kesenangan diri mereka sendiri) (Surah al-Rūm 30:44).

Elemen ‘*atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.22: Elemen ‘*atf* dalam ayat 44 surah al-Rūm

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ	مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِأَنْفُسِهِمْ يَمْهَدُونَ	Susunan	Turutan

Dalam ayat ini, rangkai kata *مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ* sebagai *ma‘tūf ‘alayh* digabungkan dengan rangkai kata *مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِأَنْفُسِهِمْ يَمْهَدُونَ* sebagai *ma‘tūf*. Rangkai kata *مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ* sebagai *ma‘tūf ‘alayh* bermaksud balasan terhadap kekufuran yang dilakukan oleh orang kafir pada hari akhirat (al-Qurtubiy, 2006, vol.16:445). al-Durraṭ (2009, vol.7:296) juga menegaskan bahawa pernyataan ini bermaksud bahawa dosa kekufuran serta kesannya akan ditanggung oleh pelakunya sendiri iaitu api neraka yang kekal abadi (al-Ṭabariy, 1994, vol.6:112).

Manakala *ma‘tūf* pula iaitu rangkai kata *مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِأَنْفُسِهِمْ يَمْهَدُونَ* bermaksud hamparan di alam akhirat (al-Uramiy, 2001; al-Andalusiy, 2008; al-Durraṭ, 2009; Abū al-Su‘ūd, t.t). Kata kerja *يَمْهَدُونَ* dalam *ma‘tūf* adalah metafora yang bermaksud *الْتَّمَهِيدُ* (*menghamparkan*) iaitu orang beriman akan membuat hamparan di alam akhirat dan tiada gangguan ke atas mereka. Mereka dalam keadaan selesa disebabkan oleh amalan kebaikan yang dilakukan semasa di dunia (Ibn ‘Āsyūr, 1984; al-Uramiy, 2001; al-Andalusiy, 2008).

Menurut Ibn ‘Āsyūr (1984, vol.21:116) ayat di atas menerangkan isi kandungan ayat sebelum yang menceritakan terlebih dahulu kebinasaan yang menimpa orang kafir disebabkan oleh kesyirikan sebelum dinyatakan perintah kepada orang beriman supaya teguh di atas jalan agama. Oleh kerana ayat sebelum bermula dengan penceritaan mengenai orang kafir maka, ayat di atas dimulakan dengan kisah mengenai keadaan orang kafir (*ma‘tūf ‘alayh*) sebelum menceritakan tentang keadaan orang beriman pada hari akhirat kelak (*ma‘tūf*).

Oleh itu, perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* (penceritaan mengenai orang kafir) dengan *ma‘tūf* (penceritaan mengenai orang beriman) dalam ayat di atas mengisyaratkan bahawa semua orang sama ada beriman atau kafir akan menerima balasan berdasarkan kepada keimanannya kepada Allah.

20) Allah S.W.T. berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ يُرْسِلَ الرِّيَّاحَ مُبَشِّرَاتٍ وَلِيُذِيقَكُمْ مِّن رَّحْمَتِهِ وَلِتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ...

Terjemahannya: (Dan antara tanda-tanda kebesaranNya ialah Dia menghantar angin sebagai pembawa berita gembira dan untuk kamu merasakan sedikit daripada rahmatNya dan agar kapal mampu berlayar dengan perintahNya dan juga agar kamu dapat mencari rezeki daripada kurniaNya...) (Surah *al-Rūm* 30:46).

Elemen *‘atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.23: Elemen ‘atf dalam ayat 46 surah *al-Rūm*

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
مُبَشِّرَاتٍ	لِيُذِيقَكُمْ مِّن رَّحْمَتِهِ	Sebab	Turutan
مُبَشِّرَاتٍ	لِتَجْرِيَ الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ	Sebab	Turutan
مُبَشِّرَاتٍ	لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ	Sebab	Turutan

Perkataan مُبَشِّرَاتٍ sebagai *ma'tūf 'alayh* dalam ayat ini bermaksud keadaan angin yang memberikan pelbagai manfaat kepada manusia (Ibn 'Atīyyat, 2001; al-Andalusiy, 2008; al-'Uthaymīn, 2015). Kejadian angin (*ma'tūf 'alayh*) dikaitkan dengan beberapa manfaat kejadian angin sebagai *ma'tūf* dalam ayat ini. Manfaat pertama kejadian angin seperti yang dinyatakan dalam ayat berkenaan di atas ialah fenomena hujan sebagai *ma'tūf* pertama yang difahami daripada rangkaian kata لِيُذِيقَكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ.

Terdapat beberapa pendapat dalam kalangan sarjana terhadap tafsiran *ma'tūf* pertama berkenaan. Menurut al-Ḍaḥḥāk, Mujāhid dan Qatādat (t.t, vol.4:319) *ma'tūf* pertama ini datang dengan makna hujan. Hal ini difahami daripada rangkaian kata رَحْمَتِهِ dalam *ma'tūf* berkenaan yang bermaksud kesuburan dan hujan. Sebahagian sarjana pula metafsirkan rahmat tersebut sebagai nikmat Allah yang berbentuk air segar, kesihatan fizikal dan sebagainya. Hal ini kerana *ma'tūf* mengisyaratkan kepada manfaat hujan seperti penampian bijirin, penyiraman pokok dan sebagainya (al-Alūsīy 2008, vol.4:51).

Walau bagaimanapun semua tafsiran bagi *ma'tūf* pertama berkenaan masih lagi dalam ruang lingkup makna yang sama iaitu nikmat dan manfaat hujan. Kejadian hujan (*ma'tūf* pertama) berlaku disebabkan oleh kejadian angin yang bertiup (*ma'tūf 'alayh*) (al-Bayḍāwīy, t.t, vol.4:209; Abū al-Su'ūd, t.t, vol.7:63).

Pernyataan ini digabungkan dengan rangkaian kata لِيَتَجَرَّى الْفُلُكُ بِأَمْرِهِ yang menggambarkan manfaat angin kedua iaitu pelayaran kapal di lautan sebagai *ma'tūf* kedua. Ibn 'Āsyūr (1984), al-Baghawīy (1990) dan al-Ṭantāwīy (1992) menegaskan bahawa kapal dapat berlayar (*ma'tūf* kedua) dengan adanya angin (*ma'tūf 'alayh*). Pelayaran kapal yang merupakan hikmah penciptaan angin adalah salah satu nikmat kurniaan Allah S.W.T. *Ma'tuf* kedua mengandungi rangkaian kata بِأَمْرِهِ (dengan perintahNya) sebagai pengajaran kepada golongan yang beriman dan memupuk sikap pengharapan kepada Allah S.W.T. Jika tiada takdir Allah

yang menjadi asbab kepada pelayaran kapal, maka kapal tidak akan berlayar (Ibn ‘Āsyūr, 1984, vol.21:119).

Seterusnya, pernyataan ini dihubungkan dengan rangkai kata *لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ* yang menjelaskan manfaat angin yang ketiga pula iaitu pencarian rezeki sebagai *ma‘tūf* ketiga. Pencarian rezeki yang dimaksudkan adalah berbentuk perniagaan di lautan yang melibatkan perjalanan dari satu kawasan ke satu kawasan dan hal ini menunjukkan bahawa perlakuan merentasi lautan dengan tujuan perniagaan adalah harus (al-Biqā‘iy, 1984; al-Ṭanṭāwiy, 1992; al-Nīsābūriy, 1996; al-Zamakhshariy, 2009).

Kata kerja *لِتَبْتَغُوا* dalam *ma‘tūf* ketiga bermaksud manusia mencari rezeki dengan bermusafir di lautan. Rezeki Allah S.W.T. amat luas lalu, partikel *جَرٌّ* dalam *ma‘tūf* ketiga digunakan untuk mengisyaratkan makna sebahagian bermaksud pencarian rezeki yang melibatkan bahagiannya di lautan. Justeru, manusia mencari rezeki (*ma‘tūf* ketiga) melalui urusan perdagangan dan perniagaan yang dibawa oleh kapal-kapal yang berlayar (*ma‘tūf* kedua) (al-Biqā‘iy, 1984; al-Syawkāniy, 2007). Pelayaran kapal di lautan (*ma‘tūf* kedua) disebabkan oleh kejadian angin (*ma‘tūf* ‘alayh).

Oleh yang demikian perkaitan antara *ma‘tūf* ‘alayh dengan *ma‘tūf* dalam ayat ini mengisyaratkan kepada manfaat kejadian angin.

21) Firman Allah S.W.T.:

اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَّاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ وَيَجْعَلُهُ كِسْفًا ...

Terjemahannya: (Allah jualah yang menghantar angin lalu angin itu menggerakkan awan. Kemudian, Allah menyebarkannya di langit sebagaimana yang dikehendakiNya dan menjadikannya berkelompok-kelompok...) (Surah al-Rūm 30:48).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.24 berikut:

Jadual 4.24: Elemen *'atf* dalam ayat 48 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ	يَجْعَلُهُ كِسْفًا	Susunan	Turutan

Menurut al-Marāghiy (1946, vol.21:61) kata kerja *يَبْسُطُ* dalam rangkai kata yang membentuk *ma'tūf 'alayh* bermaksud menyebarkan. Allah S.W.T. menyebarkan awan di langit dalam keadaan bersambung antara satu sama lain (al-Uramiy, 2001, vol.22:211). *Ma'tūf 'alayh* berkenaan dihubungkan dengan rangkai kata *كِسْفًا يَجْعَلُهُ* sebagai *ma'tūf*. *Ma'tūf* menjelaskan bahawa Allah S.W.T. membahagikan awan-awan lalu awan itu menjadi kelompok dan gumpalan (al-Bayḍāwiy, t.t, vol.4:209). Menurut Abū al-Su'ūd (t.t, vol.7:64) kadangkala, Allah S.W.T. menjadikan awan dalam bentuk gumpalan yang berasingan dan kadangkala Allah menyebarkannya dalam keadaan bersambung antara satu sama lain. Ibn Kathīr (2013, vol.3:548) pula berpandangan *ma'tūf* berkenaan mengisyaratkan bahawa Allah S.W.T. mendatangkan awan mendung yang sarat dengan air dari arah laut. Walau bagaimana pun, al-Muwayl (1995) menegaskan bahawa *ma'tūf* lebih cenderung dengan maksud awan berbentuk gumpalan yang berasingan.

Hal ini kerana menurut al-Muwayl (1995) perkataan سَحَابًا dalam ayat ini merujuk kepada kejadian awan berlapis (السَّحَابُ الطَّبَقِيُّ). Awan berlapis terbentuk daripada awan yang berkumpul dalam bentuk lapisan. Rangkaian kata الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ فَتَثِيرُ dalam ayat berkenaan menjelaskan peringkat pertama kejadian awan berkenaan. Pembentukan awan berlapis bermula dengan angin yang menggerakkan awan yang mengandungi air yang disejat.

Pernyataan ini digabungkan dengan rangkaian kata فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ sebagai *ma'tūf 'alayh* yang menggambarkan peringkat kedua kejadian awan berlapis iaitu awan berkembang dan menutup sebahagian besar langit. *Ma'tūf 'alayh* digabungkan dengan rangkaian kata يَجْعَلُهُ كِسْفًا sebagai *ma'tūf* yang menjelaskan peringkat terakhir kejadian awan berlapis iaitu awan yang berkembang menjadi berlapis di atas satu sama lain (al-Muwayl, 1995:39).

Justeru, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ayat ini mengisyaratkan kepada peringkat kejadian awan berlapis.

22) Allah S.W.T. berfirman:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ
وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ

Terjemahannya: (Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah. Kemudian, Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu, Dia menjadikan kamu setelah kuat itu lemah semula dan tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakinya dan Dia-lah jua yang Maha Mengetahui, Lagi Maha Berkuasa) (Surah al-Rūm 30:54).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.25: Elemen *'atf* dalam ayat 54 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
ضَعْفًا	شَيْبَةً	Masa	Turutan

Perkataan قُوَّةٌ yang dimaksudkan dalam rangkai kata ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ialah keadaan manusia ketika muda dan dewasa yang kuat dan tangkas (al-Durraṭ, 2009, vol.7:312). Perkataan ضَعْفًا sebagai *ma'tūf 'alayh* yang digabungkan dengan perkataan شَيْبَةً sebagai *ma'tūf* pula merupakan keadaan manusia iaitu tua, nyanyuk dan beruban (Ibn 'Aṭīyyaṭ, 2001; al-Durraṭ, 2009). Perkataan ضَعْفًا (*ma'tūf 'alayh*) bermaksud tua. Perkataan شَيْبَةً (*ma'tūf*) pula bermaksud amat uzur. *Ma'tūf* merupakan kata nama terbitan daripada perkataan الشَّيْبُ (*uban*) (al-Rāziy, 1981; al-Khāzin, 2004). al-Syawkāniy (2007:1135) menegaskan bahawa fasa lemah semula (*ma'tūf 'alayh*) dialami oleh manusia ketika usia mereka telah lanjut dan tua. Fasa amat uzur (*ma'tūf*) pula merujuk kepada keadaan yang dialami oleh manusia pada hujung usia lanjut dan tua mereka.

Tempoh perkembangan manusia bermula daripada mani, bayi, kanak-kanak yang dalam keadaan lemah, berubah kepada keadaan kuat pada usia muda dan dewasa dan kembali lemah pada usia tua diceritakan dalam ayat berkenaan dengan menggunakan partikel *'atf thumma*. Hal ini kerana *thumma* mempunyai makna kenduran waktu (al-Ghalāyīniy, 2015) yang mengisyaratkan bahawa perubahan daripada satu fasa perkembangan manusia ke fasa lain melibatkan waktu yang lama seperti perubahan daripada kanak-kanak kepada dewasa dan daripada dewasa kepada tua.

Namun begitu, ayat di atas menggunakan partikel *wāw ‘atf* apabila menjelaskan tempoh perubahan manusia daripada keadaan lemah ketika tua (*ma‘tūf ‘alayh*) kepada keadaan uzur (*ma‘tūf*) kerana perubahan ini melibatkan tempoh yang pendek. al-Khaṭīb dalam al-Durrat (2009, vol.7:312) menegaskan bahawa peringkat umur tua dan kudrat manusia mula berkurangan bermula pada umur 50-an dan kudrat mereka semakin berkurangan pada umur 63 tahun.

Oleh yang demikian perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam ayat berkenaan mengisyaratkan kepada perubahan fizikal dan mental manusia. Perubahan manusia daripada keadaan lemah ketika tua (*ma‘tūf ‘alayh*) kepada keadaan uzur (*ma‘tūf*) berlaku dalam tempoh yang pendek.

23) Firman Allah S.W.T.:

فَاصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ وَلَا يَسْتَخِفُّكَ الَّذِينَ لَا يُوقِنُونَ

Terjemahannya: (Oleh itu, bersabarlah engkau (wahai Muḥammad), sesungguhnya janji Allah itu benar dan jangan sekali-kali membiarkan orang yang tidak menyakini (kebenaran ayat-ayat Allah) itu menggelisahkan engkau) (Surah al-Rūm 30:60).

Elemen *‘atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual 4.26 berikut:

Jadual 4.26: Elemen ‘atf dalam ayat 60 surah al-Rūm

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ	لَا يَسْتَخِفُّكَ الَّذِينَ لَا يُوقِنُونَ	Sebab	Turutan

Dalam ayat ini terdapat rangkai kata (janji Allah S.W.T.) sebagai *ma‘tūf ‘alayh* yang dihubungkan dengan rangkai kata (larangan kegelisahan hati) sebagai *ma‘tūf*. Rangkai kata

الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ yang terdapat dalam *ma'tūf* merujuk kepada golongan yang tidak beriman. (al-Uramiy, 2001; al-Māwardiy, t.t).

Menurut Ibn 'Āsyūr (1984, vol.21:135) kata kerja *يَسْتَحْفِنُكَ* dalam rangkai kata yang membentuk *ma'tūf* adalah antonim bagi perkataan *الصَّبْرُ*. Maka, kata kerja berkenaan bermaksud Allah S.W.T. melarang baginda S.A.W. daripada membiarkan orang kafir menjadikan kesabarannya hilang. al-Naysābūriy (1985, vol.2:420) menegaskan bahawa rangkai kata larangan kegelisahan hati sebagai *ma'tūf* mengisyaratkan bahawa Allah melarang baginda daripada membiarkan orang kafir menjadi punca kepada kebimbangan dan kerisauan baginda. Baginda S.A.W. perlu tetap kukuh atas jalan dakwah dan tidak berasa gelisah (*ma'tūf*) kerana Allah menjanjikan kemenangan kepada baginda dan janjiNya adalah benar (*ma'tūf 'alayh*) (al-Sya'rāwiy, 1972:11560).

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* dengan *ma'tūf* dalam ayat di atas mengisyaratkan bahawa janji kemenangan daripada Allah (*ma'tūf 'alayh*) adalah sebab kepada larangan kegelisahan ke atas Nabi Muhammad S.A.W. (*ma'tūf*).

4.4.2 Ayat Dengan Makna Turutan Berlawan

Turutan berlawan dalam perbahasan *'atf* bermaksud masa *ma'tūf* mendahului masa *ma'tūf alayh*, konsep *ma'tūf* mendahului konsep *ma'tūf alayh* serta susunan *ma'tūf* mendahului susunan *ma'tūf 'alayh* (Ibn Qayyim, t.t). Selain itu, makna turutan berlawan juga difahami apabila kemuliaan *ma'tūf* melebihi kemuliaan *ma'tūf 'alayh* dan keutamaan *ma'tūf* melebihi keutamaan *ma'tūf 'alayh* (Ibn Qayyim, t.t). Terdapat beberapa ayat kajian yang datang dengan makna turutan berlawan. Ayat-ayat berkenaan ialah:

1) Firman Allah S.W.T.:

وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَلِقَاءِ الْآخِرَةِ فَأُولَئِكَ فِي الْعَذَابِ مُحْضَرُونَ

Terjemahannya:)Dan adapun golongan yang kufur dan mendustakan tanda-tanda Kami serta mendustakan urusan akhirat, maka mereka akan tetap berada di dalam azab (neraka)) (Surah *al-Rūm* 30:16).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.27: Elemen *'atf* dalam ayat 16 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا	لِقَاءِ الْآخِرَةِ	Keutamaan	Turutan Berlawan

Dalam ayat ini terdapat rangkai kata كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا sebagai *ma'tūf 'alayh* yang dihubungkan dengan rangkai kata لِقَاءِ الْآخِرَةِ sebagai *ma'tūf*. *Ma'tūf 'alayh* berkenaan datang dengan maksud perlakuan mendustakan tanda kekuasaan Allah S.W.T. manakala *ma'tūf* bermaksud perlakuan mendustakan kejadian kebangkitan semula pada hari akhirat (al-Qurtubiy, 2006, vol.16:408).

Rangkai kata بِآيَاتِنَا yang membentuk *ma'tūf 'alayh* bukan hanya bermaksud al-Quran tetapi semua ciptaannya dan kalamNya (al-Ṭantāwiy, 1992, vol.8:32). Hal ini kerana golongan yang kufur yang dimaksudkan dalam ayat berkenaan melibatkan umat Nabi Muhammad S.A.W. dan kaum-kaum terdahulu (al-'Uthaymīn 2015:81).

Menurut al-Uramiy (2001), oleh kerana golongan yang kufur mendustakan tanda kekuasaan Allah S.W.T. (*ma'tūf 'alayh*) dan mendustakan kejadian kebangkitan semula pada hari akhirat (*ma'tūf*), maka Allah S.W.T. akan menghimpunkan mereka di dalam neraka pada hari akhirat. Mereka akan ditarik dengan rantai, maka tiada seorang pun dapat melepaskan diri daripada azab neraka selama-lamanya dan seksaan mereka tidak akan dikurangkan.

Oleh yang demikian, perkaitan antara perlakuan mendustakan tanda kekuasaan Allah S.W.T. (*ma'tūf 'alayh*) dengan perlakuan mendustakan kejadian kebangkitan semula pada hari akhirat (*ma'tūf*) mengisyaratkan ancaman terhadap orang kafir yang mendustakan tanda kekuasaan Allah S.W.T. (*ma'tūf 'alayh*) dan mendustakan kejadian kebangkitan semula pada hari akhirat (*ma'tūf*). Orang kafir pasti akan ditarik dan dimasukkan ke dalam neraka untuk selama-lamanya dan seksaan ke atas mereka tidak akan dikurangkan.

2) Allah S.W.T. berfirman:

وَإِذَا أَدْفَنَّا النَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا بِهَا وَإِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ

Terjemahannya: (Dan apabila Kami berikan sesuatu rahmat kepada manusia nescaya, mereka bergembira dengannya (sehingga lupa daratan) dan apabila mereka ditimpa sesuatu musibah kerana kesalahan mereka sendiri tiba-tiba mereka berputus asa) (Surah al-Rūm 30:36).

Elemen 'atf dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.28 berikut:

Jadual 4.28: Elemen 'atf dalam ayat 36 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
إِذَا أَدْفَنَّا النَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا بِهَا	إِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ	Susunan	Turutan Berlawan

al-Qurṭubiy (2006, vol.16:434) menukulkan pendapat beberapa ilmuan dalam memberikan makna bagi perkataan رَحْمَةً dalam ayat ini. Beliau berkata: “Yaḥyā bin Sallām berkata maknanya ialah kawasan subur, kemakmuran dan kesihatan. al-Naqqāsy berkata: رَحْمَةً adalah nikmat dan hujan. Sebahagian sarjana pula berpandangan perkataan ini bermaksud keamanan dan ketenangan”.

Menurut al-Sya‘rāwiy (1972), al-Biqā‘iy (1984), al-Durraṭ (2009) dan Abū al-Su‘ūd (t.t) rangkaian kata إِذَا أَذَقْنَا النَّاسَ رَحْمَةً رَبِّهِمْ sebagai *ma‘tūf ‘alayh* dalam ayat ini bermaksud Allah S.W.T. memberikan nikmat yang berbagai kepada manusia seperti kesihatan, kekayaan dan sebagainya. Manusia bergembira dengan nikmat tersebut namun kegembiraan mereka disertai dengan kesombongan dan tidak disertai dengan kesyukuran kepada Allah S.W.T.

Pernyataan ini digabungkan dengan pernyataan إِنْ تُصِيبْهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ sebagai *ma‘tūf*. Mujāhid dalam al-Qurṭubiy (2006, vol.16:434) dinukilkan berkata: “maksudnya ialah Allah S.W.T. menimpakan ujian dan hukuman”. Manakala rangkaian kata ini, menurut al-Suddiy sepertimana yang dinukilkan oleh al-Qurṭubiy (2006, vol.16:434) bermaksud Allah S.W.T. menimpakan musibah berbentuk kekurangan hujan. al-Durraṭ (2009, vol.7:284) pula berpandangan bahawa *ma‘tūf* berkenaan datang dengan maksud segala jenis musibah dan kesukaran yang ditimpakan oleh Allah S.W.T. seperti penyakit, kemiskinan dan sebagainya. Itulah sejumlah pandangan para sarjana dalam menginterpretasikan makna *ma‘tūf* dalam ayat ini. Terdapat berbagai-bagai variasi, tetapi masih dalam ruang lingkup makna yang sama iaitu ujian dan musibah yang menimpa semua manusia.

Menurut al-Sya‘rāwiy (1972:11443) ayat yang menjelaskan tentang pemberian nikmat (*ma‘tūf ‘alayh*) dalam ayat berkenaan dimulakan dengan partikel *syart* إِذَا manakala ayat yang menjelaskan tentang pemberian ujian (*ma‘tūf*) dimulakan dengan partikel *syart* إِنْ. Hal ini kerana nikmat (*ma‘tūf ‘alayh*) yang diberikan kepada manusia di dunia adalah banyak sedangkan ujian (*ma‘tūf*) yang ditanggung mereka adalah sedikit. Penggunaan partikel *syart* إِذَا dalam *ma‘tūf ‘alayh* menggambarkan nikmat yang berbagai kerana partikel ini mengandungi makna pasti (التَّحْقِيقُ). Manakala penggunaan partikel *syart* إِنْ dalam *ma‘tūf*

menggambarkan musibah yang sedikit kerana partikel ini mengandungi makna tidak pasti (الشَّكُّ) (al-Sya‘rāwiy, 1972; al-Biqā‘iy, 1984).

Oleh yang demikian, perkaitan antara pemberian nikmat (*ma‘tūf ‘alayh*) dengan pemberian ujian (*ma‘tūf*) mengisyaratkan kepada dua situasi manusia, situasi apabila menerima nikmat dan situasi apabila ditimpa ujian.

3) Firman Allah S.W.T.:

فَإِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ

Terjemahannya: (Maka sesungguhnya, engkau (Wahai Muhammad) tidak dapat menjadikan orang yang mati (hatinya) itu mendengar (menerima ajaranmu) dan tidak dapat menjadikan orang pekak itu mendengar seruan, apabila mereka berpaling ke belakang) (Surah *al-Rūm* 30:52).

Elemen ‘*atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.29: Elemen ‘*atf* dalam ayat 52 surah *al-Rūm*

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
فَإِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَىٰ	لَا تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ	Keutamaan	Turutan Berlawanan

Dalam ayat ini, terdapat kiasan kepada hati yang ‘mati’ (*ma‘tūf ‘alayh*) yang dihubungkan dengan perumpamaan orang pekak yang berpaling daripada penutur (*ma‘tūf*). Hati orang kafir telah ‘mati’ dengan kekufuran maka, pendengaran mereka juga akan ‘rosak’. Oleh itu, nasihat agama tidak bermanfaat untuk mereka (al-Uramiy, 2001; al-Biqā‘iy, 1984).

Hakikatnya, manusia memiliki dua kehidupan. Kehidupan pertama ialah kehidupan roh yang dimiliki oleh semua manusia sama ada orang beriman, orang kafir dan sebagainya. Kehidupan kedua ialah kehidupan yang bermanhajkan Islam iaitu kehidupan khusus bagi

golongan yang beriman. Orang kafir hanya hidup dengan kehidupan roh namun, hati mereka hakikatnya ‘mati’ (*ma‘tūf ‘alayh*) kerana tidak hidup dengan kehidupan yang dianjurkan oleh agama Islam (al-Sya‘rāwiy, 1971:11521).

Ma‘tūf ‘alayh digabungkan dengan perumpamaan orang pekak yang berpaling daripada penutur (*ma‘tūf*). Menurut Abū al-Su‘ūd (t.t) dan al-Baydāwiy (t.t) *ma‘tūf* berkenaan mengukuhkan pemahaman bahawa kuatnya orang kafir menolak kebenaran agama Islam dan mustahil untuk menjadikan mereka mendengar. Mereka diumpamakan dengan orang pekak, berpaling daripada penutur yang tidak akan memahami ujaran penutur. Orang kafir berterusan dalam kekufuran kerana hakikatnya, mereka tidak memiliki ‘kehidupan’, tiada ‘pendengaran’ dan ‘penglihatan’. Hal ini kerana Allah telah mengunci hati dan perasaan mereka (al-Sya‘rāwiy, 1971:11521).

Justeru, perkaitan antara *ma‘tūf ‘alayh* dengan *ma‘tūf* dalam ayat ini mengisyaratkan bahawa orang yang tidak beriman umpama orang yang mati hatinya dan pekak telinganya. Justeru, kuasa memberi hidayah kepada manusia di tangan tuhan.

4) Allah S.W.T. berfirman:

وَقَالَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَالْإِيمَانَ لَقَدْ لَبِثْنَا فِي كِتَابِ اللَّهِ إِلَى يَوْمِ الْبَعْثِ ...

Terjemahannya: (Dan golongan yang diberi ilmu dan keimanan berkata (kepada orang kafir) : Sesungguhnya kamu telah tinggal (dalam kubur) menurut ketetapan Allah sampai ke hari kebangkitan...) (Surah *al-Rūm* 30:56).

Elemen ‘*atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.30 berikut:

Jadual 4.30: Elemen ‘*atf* dalam ayat 56 surah *al-Rūm*

<i>Ma‘tūf ‘alayh</i>	<i>Ma‘tūf</i>	Petanda	Makna
الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ	الْإِيمَانَ	Keutamaan	Turutan Berlawan

Dalam ayat ini, terdapat (*golongan yang diberi ilmu*) sebagai *ma'tūf 'alayh* yang dihubungkan dengan (*keimanan*) sebagai *ma'tūf*. Terdapat perbezaan pendapat terhadap tafsiran golongan yang dikaitkan dengan keilmuan dalam berkenaan. Menurut al-Kalbiy (1995) golongan yang dimaksudkan ialah golongan malaikat. Pendapat lain menyatakan golongan yang dimaksudkan ialah Ahli Kitab iaitu golongan Yahudi dan Nasrani (al-Māwardiy, t.t,vol.4:323). Salah satu pandangan dalam al-Syawkāniy (2007) pula berpendapat bahawa golongan yang dikaitkan dengan keilmuan (*ma'tūf 'alayh*) dalam ayat di atas ialah para anbiya, ulama umat Nabi Muhammad S.A.W. atau golongan yang beriman.

Walaupun demikian, sebahagian ulama seperti al-Andalusiy (2008) dan al-Syawkāniy (2007) lebih cenderung menginterpretasi golongan yang dikaitkan dengan keilmuan (*ma'tūf 'alayh*) ialah golongan yang beriman. Hal ini kerana keilmuan dalam ayat di atas dihubungkan dengan rangkaian kata *فِي كِتَابِ اللَّهِ*. Maka, hal ini menunjukkan bahawa hanya orang beriman yang mengetahui tentang janji-janji Allah dalam al-Quran seperti kebangkitan semula, mahsyar dan sebagainya.

Seterusnya, keilmuan (*ma'tūf 'alayh*) digabungkan dengan keimanan (*ma'tūf*). Sebahagian sarjana menyatakan bahawa *ma'tūf* berkenaan bermaksud kepercayaan terhadap al-Quran. Pendapat kedua adalah kepercayaan terhadap kenabian Nabi Muhammad (al-Māwardiy, t.t,vol.4:323). Justeru, semua tafsiran yang dinyatakan masih lagi dalam ruang lingkup makna yang sama iaitu konsep kepercayaan dalam akidah Islam.

Menurut 'Umar (1995:45) Allah S.W.T. mengurniakan penglihatan, pendengaran, hati dan menjadikannya sebagai medium memperoleh ilmu pengetahuan. Allah S.W.T. memberikan berita kepada manusia melalui utusanNya dan berita yang terkandung dalam al-Quran dan Hadith adalah ilmu. Justeru, Allah mengurniakan ilmu (*ma'tūf 'alayh*) yang membimbing manusia ke arah keimanan (*ma'tūf*).

Oleh yang demikian, perkaitan antara keilmuan (*ma'tūf 'alayh*) yang didahulukan ke atas keimanan (*ma'tūf*) mengisyaratkan bahawa keilmuan adalah asas kepada keimanan.

Seterusnya, ayat yang bermula daripada bilangan ke-5 sehingga bilangan ke-8 di bawah merupakan kumpulan ayat yang mengandungi unsur pelengkap kepada ayat. Pelengkap ayat berkenaan adalah jawapan kepada pernyataan sebelumnya (Ibn Qayyim, t.t). Ayat-ayat berkenaan ialah:

5) Allah S.W.T. berfirman:

بَنَصْرٍ اللَّهُ يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ

Terjemahannya: *(Dengan kemenangan yang diberi oleh Allah. Dia memberikan kemenangan kepada siapa yang Dia kehendaki dan Dialah jua yang Maha Perkasa lagi Maha Penyayang)* (Surah *al-Rūm* 30:5).

Elemen '*atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.31 berikut:

Jadual 4.31: Elemen '*atf* dalam ayat 5 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ	هُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ	Sebab	Turutan Berlawan

6) Firman Allah S.W.T.:

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Terjemahannya: *(Dan Dialah yang memulakan penciptaan semua makhluk, kemudian mengembalikannya kembali (menghidupkan semula setelah mereka mati), sedang itu sangat mudah bagiNya dan bagiNya jua sifat yang Maha Tinggi di langit dan di bumi dan Dialah Yang Maha Perkasa, Lagi Maha Bijaksana)* (Surah *al-Rūm* 30:27).

Elemen 'atf dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.32: Elemen 'atf dalam ayat 27 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
هُوَ الَّذِي بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ	لَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَى	Sebab	Turutan Berlawan
هُوَ الَّذِي بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ	هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ	Sebab	Turutan Berlawan

7) Allah S.W.T. berfirman:

فَانظُرْ إِلَىٰ ءَاثَرِ رَحْمَتِ اللَّهِ كَيْفَ يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنَّ ذَٰلِكَ لَمُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
 Terjemahannya: (Maka lihatlah kepada kesan-kesan rahmat Allah, bagaimana Dia menghidupkan bumi setelah mati. Sesungguhnya, Allah yang demikian kekuasaanNya sudah tentu berkuasa menghidupkan yang telah mati dan Dia Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu) (Surah al-Rūm 30:50).

Elemen 'atf dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.33 berikut:

Jadual 4.33: Elemen 'atf dalam ayat 50 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
إِنَّ ذَٰلِكَ لَمُحْيِي الْمَوْتَىٰ	هُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ	Sebab	Turutan Berlawan

8) Firman Allah S.W.T.:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ
 وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ

Terjemahannya: (Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah. Kemudian, Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu, Dia menjadikan kamu setelah kuat itu lemah semula dan tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya dan Dia-lah jua yang Maha Mengetahui, Lagi Maha Berkuasa) (Surah al-Rūm 30:54).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.34: Elemen *'atf* dalam ayat 54 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ	هُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ	Sebab	Turutan Berlawanan

Ayat 5 surah *al-Rūm* menjelaskan tentang kemenangan Rom dan orang Islam (*ma'tūf 'alayh*). Pernyataan ini digabungkan dengan sifat Maha Perkasa dan Penyayang Allah S.W.T (*ma'tūf*). Perkataan الْعَزِيزُ dan perkataan الرَّحِيمُ sebagai *ma'tūf* dalam ayat ini berbentuk kepalingan (*mubālaghat*). Perkataan الْعَزِيزُ bermaksud Allah S.W.T. Maha Perkasa, tiada satu pun mampu melemahkannya daripada memberikan kemenangan kepada golongan yang dikehendakinya. Perkataan الرَّحِيمُ pula bermaksud sifat Allah S.W.T. yang Maha Pengasih terhadap hamba-hambanya. (Abū al-Su'ūd, t.t, vol.7:50). al-Rifā'iy (1989, vol.3:431) berpandangan bahawa rahmat yang dimaksudkan dalam ayat berkenaan hanya terbatas kepada orang Islam sahaja.

Namun, Abū al-Su'ūd (t.t, vol.7:50) menegaskan bahawa kemenangan orang kafir iaitu Rom dan orang Islam (*ma'tūf 'alayh*) adalah kesan daripada rahmat (*ma'tūf*) yang diberikan oleh Allah S.W.T. Hal ini kerana rahmat yang dimaksudkan dalam ayat 5 ini adalah rahmat yang diberikan oleh Allah S.W.T. di dunia kepada hamba-hambanya sama ada orang beriman mahupun orang kafir.

Justeru, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* (يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ) dengan *ma'tūf* (هُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ) dalam ayat 5 surah *al-Rūm* mengisyaratkan bahawa kemenangan orang Islam dan Rom (*ma'tūf 'alayh*) berlaku disebabkan oleh sifat Maha Perkasa dan Maha PenyayangNya (*ma'tūf*).

Ayat 27 surah *al-Rūm* pula menghuraikan tentang permulaan penciptaan makhluk dan mengembalikannya kepada keadaan asal (*ma'tūf 'alayh*). Pernyataan ini dihubungkan dengan sifat Maha Perkasa dan Maha Bijaksana Allah S.W.T. (*ma'tūf*). al-Rāziy (1981) dan al-Andalusiyy (2008) berpendapat bahawa perkataan الْعَزِيزُ (*ma'tūf*) dalam ayat ini bermaksud Allah Maha Kuat terhadap segala perkara, manakala perkataan الْحَكِيمُ (*ma'tūf*) bermaksud Allah Maha Bijaksana dan setiap perbuatannya mengandungi hikmah tertentu. Ibn 'Āsyūr (1984, vol.21:84) menegaskan bahawa kesan daripada sifat Maha Perkasa dan Maha Bijaksana Allah S.W.T. itu (*ma'tūf*) terzahir pada permulaan penciptaan dan mengembalikannya kepada keadaan asal (*ma'tūf 'alayh*).

Oleh yang demikian, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* (هُوَ الَّذِي بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ) dengan *ma'tūf* (هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ) dalam ayat 27 surah *al-Rūm* mengisyaratkan bahawa kejadian penciptaan makhluk dan mengembalikannya kepada keadaan asal (*ma'tūf 'alayh*) berlaku disebabkan oleh sifat Maha Perkasa dan Maha Bijaksana Allah S.W.T. (*ma'tūf*).

Ayat 50 pula menceritakan kekuasaan Allah S.W.T. membangkitkan kembali manusia setelah kematian mereka di akhirat kelak (*ma'tūf 'alayh*). Pernyataan ini dihubungkan dengan sifat Maha Berkuasa Allah (*ma'tūf*). Rangkaian kata لَمُحْيِي الْمَوْتَى sebagai *ma'tūf 'alayh* bermaksud Allah Maha Berkuasa menghidupkan manusia yang telah mati pada hari kiamat (al-Baydāwiy t.t.vol.4:209). Rangkaian kata هُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ sebagai *ma'tūf* pula menjelaskan bahawa tiada satu pun mampu menghalang Allah S.W.T. untuk menghidupkan manusia kerana Allah S.W.T. Maha Berkuasa ke atas setiap makhluk ciptaannya dan melaksanakan urusanNya ke atas mereka berdasarkan kekuasaan dan kehendakNya tanpa perlu kepada sesuatu (al-Marāghiy, 1946; al-Daghāmīn, 2016).

Justeru, perkaitan perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* (إِنَّ ذَلِكَ لَمُحْيِي الْمَوْتَى) dengan *ma'tūf* (هُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ) dalam ayat 50 surah *al-Rūm* mengisyaratkan bahawa kejadian kebangkitan manusia (*ma'tūf 'alayh*) berlaku disebabkan oleh sifat Maha BerkuasaNya (*ma'tūf*).

Seterusnya, ayat 54 surah *al-Rūm* menghuraikan tentang fasa perkembangan manusia (*ma'tūf 'alayh*). Pernyataan ini digabungkan dengan sifat Maha Mengetahui Allah dan Maha BerkuasaNya (*ma'tūf*). Rangkai kata *يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ* sebagai *ma'tūf 'alayh* datang dengan maksud Allah S.W.T. menciptakan manusia daripada keadaan lemah ketika kanak-kanak kepada kuat ketika muda dan uzur ketika usia tua. Hal ini berlaku bukanlah secara semula jadi tetapi berdasarkan kehendak Allah S.W.T. yang Maha Mengetahui terhadap petadbiran penciptaanNya dan Maha Berkuasa (*ma'tūf*) mencipta sesuatu berdasarkan kehendakNya (al-Marāghiy, 1946, vol.21:65; al-Uramiy, 2001, vol.22:195).

Justeru, perkaitan antara *ma'tūf 'alayh* (يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ) dengan *ma'tūf* (هُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ) dalam ayat 54 surah *al-Rūm* mengisyaratkan bahawa fasa perkembangan manusia (*ma'tūf 'alayh*) berlaku disebabkan oleh oleh sifat Maha Mengetahui Allah dan Maha BerkuasaNya (*ma'tūf*).

4.4.3 Ayat Dengan Makna Bersama

Makna bersama dalam perbahasan *'atf* bermaksud masa *ma'tūf 'alayh* dan masa *ma'tūf* berlaku pada tempoh yang sama (Ibn Qayyim, t.t). Terdapat beberapa ayat kajian yang datang dengan makna bersama. Ayat-ayat berkenaan ialah:

1) Firman Allah S.W.T.:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ يَنْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ...

Terjemahannya: (Dan mengapa mereka tidak melihat bahawa Allah yang melimpahkan rezeki bagi siapa yang Dia kehendaki dan Dia juga yang menyempitkannya (bagi siapa yang Dia kehendaki...) (Surah *al-Rūm* 30:37).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh dipaparkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.35: Elemen *'atf* dalam ayat 37 surah *al-Rūm*

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
اللَّهُ يَسْطُرُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ	يَقْدِرُ	Masa	Bersama

Dalam ayat ini, terdapat kata kerja *يَسْطُرُ* sebagai *ma'tūf 'alayh* yang digabungkan dengan kata kerja *يَقْدِرُ* sebagai *ma'tūf*. *Ma'tūf 'alayh* berkenaan bermaksud hanya Allah S.W.T. yang melimpahkan rezeki kepada seseorang dikehendakiNya (al-Ṭantāwiy, 1992; al-Qurṭubiy, 2006; al-Durraṭ, 2009). Perlakuan melimpahkan rezeki (*ma'tūf 'alayh*) dihubungkan dengan kata kerja *يَقْدِرُ* (*ma'tūf*) yang datang dengan makna hanya Allah S.W.T. yang menahan rezeki seseorang yang dikehendakiNya (al-Ṭantāwiy, 1992; al-Qurṭubiy, 2006; al-Durraṭ, 2009).

Perlakuan melimpahkan rezeki (*ma'tūf 'alayh*) digabungkan dengan kata perlakuan menahan rezeki (*ma'tūf*) menggambarkan hanya Allah S.W.T. yang melimpahkan rezeki kepada manusia (*ma'tūf 'alayh*), menentukan bahagian dan menahan rezeki kepada mereka (*ma'tūf*) sehinggalah tiada seorang pun mampu menegah pemberianNya dan menghalang urusan kehidupan manusia yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. seperti rezeki (al-Ṭantāwiy, 1992; al-Qurṭubiy, 2006; al-Durraṭ, 2009; Aguk Irawan et al. 2011).

Oleh yang demikian, perkaitan antara perlakuan melimpahkan rezeki (*ma'tūf 'alayh*) dengan perlakuan menahan rezeki (*ma'tūf*) mengisyaratkan bahawa hanya Allah S.W.T. yang berkuasa menentukan setiap sesuatu pemberian.

2) Allah S.W.T. berfirman:

فَيَوْمَئِذٍ لَّا يَنْفَعُ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَعذِرَتُهُمْ وَلَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ

Terjemahannya: *(Maka pada hari itu, tidak bermanfaat lagi permintaan maaf golongan yang zalim dan mereka tidak pula diberi kesempatan bertaubat lagi)* (Surah al-Rūm 30:57).

Elemen *'atf* dalam ayat ini boleh diringkaskan seperti dalam jadual 4.36 berikut:

Jadual 4.36: Elemen *'atf* dalam ayat 57 surah al-Rūm

<i>Ma'tūf 'alayh</i>	<i>Ma'tūf</i>	Petanda	Makna
فَيَوْمَئِذٍ لَّا يَنْفَعُ الَّذِينَ ظَلَمُوا مَعذِرَتُهُمْ	لَا هُمْ يُسْتَعْتَبُونَ	Masa	Bersama

Dalam ayat ini, rangkai kata (*permintaan maaf yang sia-sia daripada orang kafir*) sebagai *ma'tūf 'alayh* dihubungkan dengan rangkai kata (*tiada kesempatan bertaubat bagi orang kafir*) sebagai *ma'tūf*. Menurut al-Durraṭ (2009, vol.7:316) keadaan berkenaan terjadi pada hari akhirat berdasarkan perkataan *يَوْمَئِذٍ* dalam ayat di atas yang merujuk kepada hari akhirat.

